

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

**Bil. 35**

**Rabu**

**23 Jun 2010**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 25)

Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) (Halaman 26)

Menangguhkan Mesyuarat di Bawah P.M 16(3) (Halaman 150)

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:**

■ MBMMBI – Pelaksanaan Dasar Yang Tidak Seimbang  
– *Y.B. Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)* (Halaman 151)

■ Projek Jambatan Menghubung Telok Gong di Melaka  
Dengan Dumai di Sumatera  
– *Y.B. Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)* (Halaman 155)

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Rabu, 23 Jun 2010****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang]** minta Menteri Pelancongan menyatakan, berapa jumlah pelancong yang datang ke Malaysia dalam enam bulan terakhir ini. Apakah trend kedatangan jika dibandingkan dengan setahun sebelum itu dan apakah sebab-sebabnya. Justeru itu apakah langkah seterusnya yang dicadang oleh pihak kementerian.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat daripada Hulu Rajang atas pertanyaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah kedatangan pelancong asing ke Malaysia bagi tempoh Januari hingga April 2010 adalah seramai 7.62 juta orang berbanding dengan 7.34 juta orang untuk tempoh yang sama pada tahun 2009 dengan kadar pertumbuhan sebanyak 3.9%. Trend peningkatan ini disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) cuti musim perayaan Tahun Baru Cina pada bulan Februari yang telah mendorong pelancong dari negara-negara serantau berkunjung ke Malaysia;
- (ii) tawaran tambang murah. Pertambahan kekerapan dan pertambahan penerbangan terus oleh syarikat-syarikat penerbangan serta 44 penerbangan khas diterima dari Hong Kong, Taiwan, Beijing, Kunming, Guangzhao dan Shanghai sempena musim perayaan tersebut;
- (iii) pelancong asing mengambil kesempatan sempena musim cuti sekolah di kebanyakan negara ASEAN dalam bulan Mac hingga April untuk melancong ke Malaysia; dan
- (iv) kempen-kempen taktikal yang dijalankan oleh pejabat-pejabat *Tourism Malaysia* di luar negara bagi menarik peminat-peminat sukan Formula One pada bulan April serta acara jualan *Grand Prix*.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan melalui agensinya *Tourism Malaysia* telah menggariskan strategi-strategi dan program promosi sebagai langkah untuk menambah bilangan pelancong ke Malaysia seperti berikut:

- (i) melebarkan syer pasaran serantau, pasaran berpotensi dan Asean dengan melaksanakan kempen pengiklanan taktikal yang lebih agresif dan fokus serta mempergiatkan kempen *Malaysia Truly Asia* di seluruh dunia;
- (ii) memupuk pakatan strategik dan perkongsian pintar antara kerajaan dan bukan kerajaan serta mempergiatkan kolaborasi dengan melibatkan secara aktif pihak swasta dalam melaksanakan sesuatu acara atau aktiviti dalam mempromosikan Malaysia;
- (iii) memantapkan dan mengukuhkan sumber dari segi kos operasi, keberkesanan dan mengikut trend pasaran termasuk meningkatkan penggunaan teknologi maklumat ICT termasuklah menerusi kempen pengiklanan secara *on-line*, melaksanakan latihan secara *on-line* kepada warga kerja pelancongan asing menerusi *Malaysia Travel Specialist* serta menggunakan aplikasi *eBrochure* dan *eNewsletter*;
- (iv) menyertai pameran-pameran pelancongan antarabangsa seperti *Arab Travel Mart* di Dubai dan *World Expo 2010* di Shanghai, China bagi meningkatkan kesedaran pelancong asing mengenai Malaysia;
- (v) menganjurkan *Media Familiarization Trip* iaitu program-program lawatan suai kenal kepada kumpulan media tempatan sebagai usaha mempromosikan destinasi-destinasi dan produk-produk pelancongan yang terdapat dalam negara; dan
- (vi) menganjurkan program-program baru seperti *Fabulous Food 1Malaysia*, *International Shoes Festival* dan *Malaysia Contemporary Art Tourism*.

Sekian.

**Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan dan penjelasan tadi. Sebenarnya soalan tambahan saya sudah terjawab melalui penjelasan yang panjang tadi.

■1010

Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan tahniah atas kejayaan kementerian ini sebab *despite of the economic situation*, kita berjaya menambah kedatangan *tourist* ataupun pelancong ke Malaysia. Tidak berapa lama dahulu, Yang Berhormat Menteri Pelancongan Malaysia telah mengumumkan jumlah *income* ataupun dari *tourism* di Malaysia tahun lepas ialah RM54 bilion. Ini yang kedua tertinggi *income* kita di Malaysia.

Jadi soalan saya, sektor manakah yang menghasilkan paling ramai *tourist*, sama ada *leisure*, *heritage*, *eco-tourism* dan sebagainya. Apakah sama ada trend ini sama di Sarawak, Sabah atau di Semenanjung? Soalan saya, apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan

lagi prestasi sektor-sektor tersebut dan adakah kementerian bercadang untuk menambahkan atau *to develop* sektor yang lain.

Kalau saya tengok di *internet, there's so many type of tourism. Have we explore all this type?* Ini kerana negara kita ini besar *and I think every division in Sarawak we have something to offer* dan sebagainya. Kedua apakah masalah dengan implementasi rancangan kementerian ini. Misalnya di Sarawak, kekurangan *direct flight* ke Kuching. Ini satu halangan yang besar untuk *development the tourism* di Sarawak, yang ada sekarang hanya ke Singapura dan Brunei sahaja. Sekian terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Saya nampak ada tiga soalan dalam satu, *three in one*. Pertamanya tentang sektor-sektor yang sememangnya boleh menarik pelancong-pelancong asing datang ke negara kita. Sektor-sektor ini yang pertama adalah *nature based tourism* ataupun pelancongan yang berkaitan dengan alam semula jadi. Ini adalah tarikan yang besar, 38% pelancong-pelancong asing dari negara luar datang disebabkan *nature based tourism*. Keduanya ialah beli-belah ataupun *shopping*. Memang tidak dapat dinafikan bahawa negara kita *is a value for money destination*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kerana harga barangan di negara kita adalah murah, termasuk juga makanan-makanan.

Untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian. Kementerian sebenarnya sekarang sedang mewujudkan produk-produk yang lain, seperti mewujudkan tempat spesifik di Bandaraya Kuala Lumpur supaya pelancong-pelancong asing senang pergi membeli belah, dan tahu di mana, daripada menaiki teksi dan pergi ke tempat yang jauh. Ini sedang dilakukan. Kedua, *niche product* yang lain-lain seperti *park and garden* akan dipasarkan juga. Kita akan memastikan bahawa *park and garden* di negeri-negeri akan diwujudkan.

Bagi masalah di Sarawak, memang benar dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat sebab tidak banyak *direct flight* dari negara-negara lain yang terus masuk ke Sarawak. Oleh yang demikian, pelancong asing masuk ke Sarawak hanya melalui Kuala Lumpur dan melalui Kota Kinabalu. Maka dengan masalah *flight* seperti ini, pelancong-pelancong asing agak susah datang ke Sarawak, walaupun produk-produk di Sarawak sememangnya banyak yang berkaitan dengan *nature based tourism*. Sekian.

**2. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) kedudukan projek Hospital Shah Alam yang tidak dapat disiapkan dalam masa yang ditentukan atas sebab sub-kontraktor yang tidak dibayar selama tiga bulan; dan
- (b) sebab kontraktor utama Sunshine Fleet tidak dibatalkan kontrak mereka atas masalah kewangan dan amalan pengkontrakkan Ali-Baba.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan dari Ahli Yang Berhormat Shah Alam yang dijadualkan esok 24 Jun 2010 memandangkan ia menyentuh perkara yang sama iaitu mengenai status projek pembinaan Hospital Shah Alam, Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, projek pembinaan Hospital Shah Alam, Selangor telah ditawarkan oleh Kementerian Kewangan secara rundingan terus kepada syarikat Sunshine Fleet Sdn. Bhd. dengan harga kontrak RM482.6 juta. Skop projek ini melibatkan pembinaan sebuah kompleks hospital dengan kemudahan 300 unit katil, dilengkapi kemudahan khidmat sokongan, klinikal yang lain. Projek ini telah dianugerahkan pada 15 November 2007 dengan tempoh siap asal adalah selama 36 bulan iaitu sehingga 14 November 2010. Walau bagaimanapun, projek ini dijangka akan siap sepenuhnya pada 26 Jun 2011 berikutan terdapat kelulusan tempoh lanjutan masa ataupun EOT selama 233 hari disebabkan oleh faktor-faktor di luar kawalan, seperti kenaikan harga bahan binaan di pasaran dan masalah pengalihan utiliti.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga 15 Jun 2010 kemajuan kerja di tapak projek berjalan dengan lancar, dan hampir mengikut jadual asal iaitu 25.3% berbanding 25.4%, di mana tempoh kelewatan dicatatkan hanyalah tiga hari sahaja. Dari segi bayaran kemajuan pula, sehingga kini JKR telah menjelaskan 29 kali bayaran kemajuan interim kepada kontraktor terbabit dengan jumlah keseluruhan bayaran RM122.5 juta iaitu merujuk kepada nilai-nilai kerja semasa yang telah dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya setakat ini tidak mendapati berlaku sebarang pelanggaran terhadap obligasi dan terma-terma kontrak oleh kontraktor utama. Sehubungan itu tidak timbul isu tentang kelewatan projek atau pembatalan kontrak, memandangkan projek sedang berjalan mengikut jadual dan mematuhi obligasi sebagaimana termaktub dalam kontrak yang dipersetujui dengan kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu soalan yang utama, yang pertama itu menteri kata buat masa ini projek berjalan dengan lancar dan tidak dijangka akan ada apa-apa masalah yang akan terjadi, yang akan terus melanjutkan masa yang diperlukan untuk menghabiskan projek ini tetapi, adalah menjadi satu pengetahuan awam di mana ada

pertenggaran dan *legal case* di antara pihak kontraktor dengan *main subcontractor*. *Main subcontractor* yang sebenarnya menjalankan seluruh projek pembinaan Hospital Shah Alam ini, dan pihak *main subcontractor* telah pun *sue the main contractor*, *the main subcontractor* telah saman *main contractor* dan *main contractor* sekarang telah pun menyaman *main subcontractor*. Apa yang diberitahu buat masa ini, walaupun wang telah dikeluarkan daripada JKR kepada bank, bank masih tidak dapat mengeluarkan wang kepada pihak *main subcontractor* dan juga sub-sub kontraktor seterusnya kerana ada perselisihan di antara kontraktor-kontraktor ini. Ini soalan pertama. Kedua, senang sahaja. Saya di sini... [Disampuk]

■ 1020

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, satu soalan sahaja, Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Sebab saya punya soalan ada dua *part*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sambungkan tidak apalah, Yang Berhormat. Jangan cakap soalan satu, soalan dua.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Pendek sahaja. Saya ada dokumen di mana projek ini telah pun ditawarkan secara *wholesale* kepada *main subcontractor* iaitu secara "Ali Baba". Macam mana Kementerian Kerja Raya tidak mengetahui tentang perkara ini sebab saya diberitahu bahawa maklumat-maklumat ini ada diserahkan kepada pihak JKR. So, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini memberi peluang kepada Kementerian Kerja Raya untuk menjelaskan status projek ini dengan lebih lanjut. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan mana-mana kontrak yang dimeterai antara kerajaan dengan kontraktor, kerajaan hanya bertanggungjawab dengan *main contractor* ataupun kontraktor utama yang melaksanakan projek.

Selagi projek itu berjalan mengikut jadual dan memenuhi tatacara-tatacara perolehan dan melakukan kerja mengikut spesifikasi-spesifikasi yang ditentukan oleh Jabatan Kerja Raya, maka tidak ada sesuatu yang dapat dilakukan oleh Kementerian Kerja Raya. Walau bagaimanapun, sekiranya ada terdapat kata tadi saman menyaman antara *subcontractor* dan *main contractor*, Kementerian Kerja Raya hari ini dalam proses melihat penubuhan satu akta untuk membantu sub kontraktor-sub kontraktor yang tidak mendapat pembayaran daripada *main contractor* ataupun kontraktor utama. Jadi dalam kes ini, selagi projek itu sebagaimana yang saya katakan tadi pada hari ini ia telah berjaya dilakukan sebanyak 25.3% berbanding dengan 25.4% seperti yang dirancang mengikut jadual, maka tidak ada sesuatu tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan kepada kontraktor utama kerana projek berjalan dengan lancar. Terima kasih.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Soalan Shah Alam, dia hendak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Untuk esok, soalan dari Shah Alam. Dia jawab dua-dua, boleh saya beri soalan tambahan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya panggil Bukit Katil dahulu.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia sudah sebut Shah Alam tadi, boleh tidak?

**Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah pada masa ini didapati banyak permohonan pembinaan hospital-hospital baru di seluruh negara dan dengan keadaan negara hari ini yang kos pembinaannya makin meningkat, harga barang meningkat, jadi saya ingin tahulah apakah perancangan kementerian di masa akan datang untuk memastikan bahawa kos-kos pembinaan hospital ini tidak terlalu tinggi. Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pembinaan hospital, kadang-kadang kalau kita melihat dari segi saiz hospital, jumlah katilnya agak sama tetapi mengapa harganya berlainan, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan dalam pembinaan sesuatu hospital, kegunaan hospital itu adalah amat penting. Sekiranya hospital itu menggunakan banyak peralatan atau *equipments* yang sofistikated, berteknologi tinggi, kos yang mahal, sudah tentu kos hospital itu akan lebih tinggi jika dibandingkan dengan hospital-hospital lain.

Ia ada dua kos. Satu adalah kos bangunan, dua adalah kos peralatan-peralatan dalam hospital itu. Kebanyakan perbezaan dari segi bangunan, kos puratanya adalah agak sama antara satu hospital dengan satu hospital. Yang menyebabkan ada perbezaan harga satu hospital dengan satu hospital walaupun harganya agak sama adalah kerana peralatan yang digunakan oleh hospital itu.

Dari segi bangunan, usaha kementerian untuk menentukan bahawa kos bangunan untuk sesebuah hospital yang ada dalam negara ini berada dalam tahap yang benar-benar memenuhi syarat-syarat perolehan, maka Kementerian Kerja Raya dengan Jabatan Kerja Raya telah mengadakan satu pertandingan mereka bentuk hospital dan menentukan kadar harga bagaimana yang sesuai untuk hospital-hospital dibina di peringkat daerah-daerah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**3. Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, pencapaian semasa inisiatif penggalakan pembangunan industri tenaga hijau negara hasil dari penyediaan jumlah peruntukan yang besar untuk tahun 2010. Nyatakan juga kategori industri tenaga hijau yang menjadi tarikan pelaburan asing di Malaysia berdasarkan jumlah pelaburan yang telah dibuat.

**Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Peter Chin Fah Kui]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk menjawab

soalan ini serentak dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Tanjong bertarikh 5 Julai kerana ia menyentuh isu yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah merangka beberapa rancangan penting untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2010 bagi menggalakkan pembangunan industri teknologi hijau negara. Salah satu daripadanya ialah penstrukturan semula Pusat Tenaga Malaysia kepada *Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia)*.

Penstrukturan semula organisasi ini adalah berdasarkan keperluan bagi melaksanakan dasar teknologi hijau negara yang lebih berkesan di masa hadapan di mana *GreenTech Malaysia* berperanan sebagai *focal point*, dengan izin, untuk membangunkan dan mempromosi bidang teknologi hijau selain daripada menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan yang menjurus kepada memberi nasihat, memudah cara pelaksanaan dasar teknologi hijau dan industri, menyelaraskan pembangunan dan aplikasi teknologi hijau dan menggalakkan pembangunan teknologi hijau secara meluas di negara ini.

Sementara itu juga, kementerian ini turut terlibat dalam penyediaan *green technology road map* dengan izin, yang akan digunakan untuk menentukan hala tuju teknologi hijau negara bagi jangka masa panjang. Satu *baseline study*, dengan izin, dan kajian analisa jurang akan dijalankan untuk mengukur tahap pencapaian semasa negara dalam bidang aplikasi teknologi hijau. Untuk mengenal pasti penyelesaian strategi bagi mengisi jurang yang menjadi halangan kepada pencapaian matlamat dasar teknologi hijau negara. Kerajaan juga turut menyediakan instrumen kewangan bagi tujuan membiayai projek-projek teknologi hijau.

Dalam pembentangan Bajet 2010, Skim Pembiayaan Teknologi Hijau atau *Green Technology Financing Scheme (GTFS)*, dengan izin, yang berjumlah RM1.5 juta telah diumumkan. Melalui skim ini, bantuan kewangan berbentuk pinjaman akan ditawarkan kepada syarikat pengeluar dan pengguna teknologi hijau untuk menyokong pembangunannya. Pihak kementerian juga sedang menjalankan perbincangan dengan SIRIM Berhad mengenai perancangan untuk mewujudkan satu program pelabelan atau melabelkan EKO kebangsaan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Selain itu juga, kementerian akan menganjurkan *International Green Tech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia* atau pendeknya IGEM 2010 di Kuala Lumpur Convention Center pada 14 Oktober sehingga 7 Oktober tahun ini untuk mempromosikan aplikasi teknologi hijau secara besar-besaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara kategori bagi industri teknologi hijau yang menjadi tarikan pelaburan tempatan dan asing adalah dalam bidang tenaga yang boleh diperbaharui atau *renewal energy* dengan kecekapan teknologi atau *energy efficiency*. Bidang tenaga yang boleh diperbaharui, nilai pelaburan langsung dalam dan luar negara sehingga Mac

tahun ini adalah sebanyak RM2.8 bilion manakala bidang kecekapan tenaga pula, nilai pelaburan langsung dalam dan luar negara adalah sebanyak RM4.7 bilion.

■ 1030

Kedua-dua merupakan nilai pelaburan bagi projek-projek *renewable energy* dan *energy efficiency* yang telah diluluskan insentif oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Dengan program-program seperti yang saya nyatakan tadi, diharapkan orang awam, pihak industri dan sebagainya dapat dimaklumkan mengenai kepentingan teknologi hijau dan pihak-pihak yang berkenaan dapat memberikan perhatian yang serius untuk membudayakan teknologi hijau dalam kehidupan kita semua seharian. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Adakah kerajaan mempunyai perancangan yang lebih dinamik dan lebih berkesan, kerana syarikat utiliti negara kita terutamanya Tenaga Nasional Berhad buat masa sekarang masih terlampau bergantung kepada bahan bakar yang berkaitan dengan minyak fosil. Mengikut laporan Tenaga Nasional Berhad pada tahun yang lepas, cuma 60% sahaja digunakan untuk hidro dan bakinya lebih daripada 90% adalah berkaitan dengan bahan bakar fosil. Saya rasa ini satu gejala yang tidak munasabah.

Jadi apakah perancangan kerajaan supaya mendesak syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad supaya mereka boleh mencapai satu nisbah untuk menggunakan *green technology*. Katakan dalam nisbah 30:70. Jadi saya hendak tanya apakah perancangan yang dinamik dan lebih berkesan? Terima kasih.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Satu soalan yang baik. Saya memang setuju. Buat masa sekarang, bagi yang disebutkan sebagai *energy mix* atau campuran tenaga yang digunakan oleh TNB ini memang tidak berapa merangsang dari segi kegunaan teknologi atau minyak atau *energy* yang lain. Bagi masa depan, kita ingin hendak mengubah *energy mix* ini supaya tidak terlalu bergantung terhadap minyak fosil yang sekarang hampir 92% dalam semua tenaga yang dijanakan di negara kita adalah bertumpu kepada minyak fosil ini iaitu gas, arang batu dengan minyak.

Salah satu ialah untuk TNB menggunakan tenaga yang boleh diperbaharui melalui kaedah-kaedah yang sedia ada seperti *biomass*, seperti solar dan hidro. Ini memang adalah satu langkah yang sekarang kita giat untuk mempromosikan tetapi, malangnya sebab kadar takrif yang sekarang ditentukan dalam *Small Renewable Energy Program* (SREP) ini terlalu rendah. Sebab itulah kita sekarang merangka satu cara baru iaitu dengan kaedah *feed in tariff* yang akan diperkenalkan kepada Dewan yang mulia ini pada bulan Oktober. Dengan adanya rancangan *feed in tariff* ini, maka pihak Tenaga Nasional Berhad kenalah membeli tenaga-tenaga yang dijanakan dalam pihak-pihak yang mempunyai sumber *renewable energy* ini dengan kadar yang lebih berpatutan dan menggalakkan pihak mereka untuk terus menjana tenaga-tenaga seperti itu.

Yang Berhormat, kita juga ingin hendak memperkenalkan, selain daripada *renewable energy* ini, kita harap dapat menggunakan kaedah *nuclear power* atau *nuclear energy* di masa-masa akan datang. Itu satu kaedah yang kita lebih tumpukan kepada menukar *energy mix* yang sedia ada.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sudah terimalah jemputan pada 30 hari bulan untuk mendengar tenaga nuklear itu. Saya pun hendak dengar jugalah kerana banyak negara sudah menggunakan teknologi nuklearnya. Di sini, bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan kementerian yang penting ini. Kajian yang dibuat ke atas industri yang sedia ada, yang mengeluarkan kumbahan dan sebagainya ke parit dan sungai. Misalnya di banyak tempat termasuk di kawasan Kepong. Di Kepong kita mempunyai dua sungai, iaitu Sungai Kroh dan Sungai Jinjang. Namun kalau Yang Berhormat Menteri pergi tengok kumbahan daripada industri sederhana dan juga industri kecil atau SME itu, sungai ini memang hampir yang terkotor sekalilah. Bukan sungai, jadi parit sekarang ini, ya.

Apakah kajian yang dibuat untuk mengetahui bilangan kilang yang mengeluarkan kumbahan yang kotor kepada sungai kita, dan apakah langkah yang dicadangkan oleh pihak kementerian kerana sudah lama disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri hendak menangani masalah ini tetapi mungkin...

**Seorang Ahli:** Soalan, soalan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah soalkah, sudah soal?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang ada soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat belum soal lagi, Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Belum soalan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak, saya tanya Yang Berhormat sudah soalkah belum?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sambungan kepada soalan yang asal itu kerana di sini pun dia katakan penggalakan pembangunan industri daripada Yang Berhormat Tanjong Malim. Saya hendak tahulah macam mana kita galakkan pembangunan industri yang hijau. Itu sahaja. Mungkin saya – mungkinlah kita boleh tambah kakitangan di kementerian untuk memantau keadaannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Yang Berhormat, memang salah satu kaedah untuk melaksanakan teknologi hijau di negara ini adalah dalam sektor air ini. Memang kita setuju tetapi kita pun perhatikan bahawa yang saya sebut tadi dalam jawapan asal, *technology route map* ini kita kena ada. Kita kena ada *study based line* yang ada, di mana industri yang mengguna pakai teknologi hijau, yang mana yang perlu kita galakkan, yang mana kita perlu mengambil tindakan yang lebih tegas supaya mereka akan menggunakan teknologi hijau tersebut. *Route map* ini,

*green technology route map* yang saya sebut itu akan memberikan satu gambaran yang lebih jelas kepada kita. Kemudian, kita memang akan terus memberikan insentif kepada pihak-pihak sektor-sektor yang kita akan menggalakkan menggunakan teknologi hijau tersebut.

Ini termasuk jugalah kilang-kilang yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Berkaitan dengan apa yang disebutkan iaitu pencemaran dari kilang itu, kita akan bekerjasama dengan pihak DOE untuk melaksanakan usaha penguatkuasaan.

**4. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, langkah kerajaan untuk membudayakan ilmu pengetahuan ke dalam masyarakat umum selaras dengan usaha untuk melahirkan mentaliti masyarakat dan infrastruktur Negara Kelas Pertama.

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan ini bersama pertanyaan daripada Yang Berhormat Sepang bertarikh 24 Jun 2010 dan Yang Berhormat Simpang Renggam bertarikh 30 Jun 2010, kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu usaha-usaha untuk meningkatkan budaya membaca di kalangan orang ramai.

■1040

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baiklah.

**Datuk Maglin Dennis D'Cruz:** Tanggungjawab membudayakan ilmu pengetahuan merupakan tanggungjawab bersama pelbagai kementerian, jabatan, agensi kerajaan dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) untuk menyokong penuh hasrat kerajaan ini dalam usaha melahirkan mentaliti masyarakat dan infrastruktur kelas pertama.

Justeru, KPKK melalui agensi jabatan di bawahnya telah melaksanakan pelbagai langkah untuk membudayakan ilmu pengetahuan yang mana ditunjangi oleh kempen Mari Membaca 1Malaysia di bawah Perpustakaan Negara Malaysia. Antara program-program yang dilaksanakan secara berterusan adalah seperti berikut:

- (i) menggalakkan aktiviti membaca di tempat tumpuan awam seperti di pusat membeli belah, stesen pengangkutan awam, pusat komuniti setempat dan taman-taman rekreasi;
- (ii) mendorong ibu bapa mengamalkan tabiat membaca dan menjelaskan kepentingan ilmu pengetahuan melalui perwujudan mini perpustakaan atau perpustakaan keluarga di rumah;
- (iii) memperluaskan rangkaian perkhidmatan perpustakaan desa dan pusat-pusat komuniti di seluruh negara khususnya di kawasan luar bandar yang tiada kemudahan bagi memudahkan mereka mengakses kepada sumber maklumat dan menyemai budaya membaca di kalangan masyarakat setempat;

- (iv) mengujudkan jaringan ilmu pengetahuan melalui *U-library* dengan perpustakaan-perpustakaan yang terdapat di seluruh negara bagi memudahkan akses kepada kepelbagaian sumber maklumat. *U-library* akan dilancarkan pada bulan Ogos tahun ini; dan
- (v) mengadakan kerjasama pintar dengan agensi kerajaan seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, agensi swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi menjalankan program dan aktiviti yang berteraskan ilmu pengetahuan dan menyokong dasar pembelajaran sepanjang hayat (*life long learning*) yang ditunjangi oleh agensi kerajaan seperti Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Selain itu, melalui projek Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI) bagi memperluaskan rangkaian perkhidmatan jalur lebar, KPKK secara tidak langsung telah dapat membudayakan ilmu pengetahuan di mana semua lapisan masyarakat sama ada di bandar, pinggir bandar dan luar bandar akan dapat mengakses pelbagai maklumat di *internet* dengan cepat dan mudah.

Manakala dalam usaha menggalakkan orang ramai menggunakan Perpustakaan Negara Malaysia, PNM sentiasa mencari pendekatan *touch point*, perkhidmatan perpustakaan yang lebih kondusif di Malaysia supaya ia dapat menarik minat pengunjung...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

**Datuk Maglin Dennis D'Cruz:** ...dan menjadikan perpustakaan sebagai tempat riadah mereka seperti mengadakan pameran jualan buku serta menganjurkan pelbagai pertandingan galakan membaca.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Perpustakaan keluarga adalah satu cara membudayakan ilmu pengetahuan dalam masyarakat tetapi ini jarang ditemui kerana tidak mencetuskan sikap dan kesedaran masyarakat. Lebih menarik ialah menonton TV selama beberapa jam sehari tetapi membaca buku hanyalah sejam sahaja.

Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah halangannya dan penyelesaiannya? Juga baru-baru ini tindakan kerajaan merobohkan Penjara Pudu tanpa mempertimbangkan nilai sejarah dan warisan yang ada padanya kerana telah berusia 115 tahun. Ramai rakyat tidak bersetuju dan penduduk Kuala Lumpur juga tidak bersetuju dirobohkan. Di temboknya ada lukisan terpanjang di dunia yang tercatat di dalam *Guinness Book of Records* pun telah dirobohkan.

Kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan baru-baru ini ada mengatakan perkara ini sangat dangkal dan sadis kerana di Kuala Lumpur sangat susah mendapat bangunan yang lebih 115 tahun. Saya ingin tanya, adakah kerajaan berhasrat untuk mengekalkan

sebahagian besar yang di hadapan Jalan Hang Tuah untuk mengekalkan pintu dan juga tembok yang tinggal untuk menjadi satu warisan negara dan juga untuk tatapan generasi yang akan datang? Minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri yang menjaga kebudayaan.

**Datuk Maglin Dennis D'Cruz:** *[Ketawa]* Okey, ini bukan soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Yang Berhormat ada cadangan-cadangan, boleh tulis kepada kementerian, boleh dipertimbangkan.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Maglin Dennis D'Cruz:** Akan tetapi kemudahan-kemudahan jumlah perpustakaan awam yang ditubuhkan oleh kerajaan di Malaysia sehingga Disember 2009 adalah sebanyak 1,401 buah. Jumlah ini termasuk perpustakaan negeri, cawangan daerah, wilayah, pekan, desa dan bas bergerak yang diwujudkan mengikut negeri. Perlis 47 buah, Kedah 109 buah, Pulau Pinang...

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Ini soalan tidak ditanya.

**Datuk Maglin Dennis D'Cruz:** Ya, saya beritahu apa yang ada.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Maglin Dennis D'Cruz:** Ada, boleh baca. Ini apa yang ada oleh kementerian...

*[Ketawa] [Dewan riuh]*

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab dengan tepat. Saya minta satu jawapan yang memuaskan.

**Datuk Maglin Dennis D'Cruz:** Soalan Yang Berhormat tanya itu tidak kena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Maglin Dennis D'Cruz:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jika tidak boleh jawab, boleh jawab secara bertulis.

**Datuk Maglin Dennis D'Cruz:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ilmu pengetahuan ini jelas boleh mengeluarkan kita daripada kejahilan kalau ia dimanfaatkan sepenuhnya. Yang Berhormat telah bangkitkan soal penyediaan prasarana yang cukup hebat seperti van bergerak, perpustakaan desa di setiap negeri dalam menggalakkan orang ramai termasuk semua golongan masyarakat untuk mendapat ilmu pengetahuan. Akan tetapi di sini Yang Berhormat, ini hakikat, kita sudah buat kempen membaca semenjak saya masih di alam persekolahan lagi. Kempen membaca dan kemudahan pelbagai tetapi ianya masih belum mendatangkan kesan yang mendalam walaupun belanja ataupun peruntukan yang besar diberikan oleh kerajaan dalam menggalakkan budaya membaca dalam mewujudkan mentaliti masyarakat kelas pertama dan sebagainya.

## ■1050

Di sini apakah perancangan kerajaan seterusnya - ini soalan *general* Yang Berhormat. Seterusnya dalam memastikan bahawa hasrat murni kerajaan untuk kita mencapai warganegara kelas pertama, mentaliti masyarakat kelas pertama agar tercapai sepenuhnya. Apa pandangan? Terima kasih.

**Datuk Maglin Dennis D'Cruz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu yang kita adakan *U-Library* yang dilancarkan pada bulan Ogos tahun ini. Mungkin boleh dapatkan akses daripada semua negeri yang boleh kita dapatkan perkhidmatan atau informasi daripada apa yang ada di negara Malaysia kita. Sekian, terima kasih.

5. **Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kementerian untuk membasmi kemiskinan luar bandar, khasnya yang tinggal di pedalaman Sabah dan Sarawak.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat dari Mas Gading. Kelmarin Tuan Yang di-Pertua, saya ditegur seorang rakan wakil rakyat dari Ranau, jawapan saya kurang panjang, kurang terperinci. Pagi ini saya tukar strategi, saya akan jawab secara terperinci, agak panjang jawabannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kalau tidak terperinci, Ahli yang menyoal menegur tetapi kalau terperinci, panjang, Tuan Yang di-Pertua akan menegur Yang Berhormat... *[Ketawa]*

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** *[Ketawa]* Terpulanglah Tuan Yang di-Pertua. Kalau terlalu panjang pada pendapat Tuan Yang di-Pertua, sila tegur dan saya akan berhenti.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan komited dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan negara dan telah meletakkan sasaran pengurangan kemiskinan kepada tahap 2.8% pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu pada hujung tahun ini. Secara dasarnya, langkah-langkah utama yang telah dan akan diambil bagi menangani isu kemiskinan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak adalah;

- (i) memperkukuh dan memantapkan lagi pelaksanaan program-program sedia ada di bawah skim pembangunan kesejahteraan rakyat dengan memberikan tumpuan yang lebih besar kepada:
  - (a) meningkatkan pendapatan bulanan kumpulan sasar melalui program PPP. Ini bukan parti senator tadi yang baru menjawab soalan, ini Program Peningkatan Pendapatan. Justeru itu, sejumlah RM115.64 juta telah diperuntukkan dalam RMKe-9 kepada negeri Sabah dan Sarawak bagi

- membayai pelaksanaan projek-projek yang telah menjana dan meningkatkan pendapatan kumpulan sasar miskin dan miskin tegar;
- (b) memperkukuhkan modal insan kumpulan sasar melalui pelaksanaan kursus latihan kemahiran di bawah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK). Bagi menjayakan matlamat ini, kerajaan menyediakan peruntukan berjumlah RM37.79 juta khusus bagi melatih kumpulan miskin dan miskin tegar di negeri Sabah dan Sarawak; dan
  - (c) menyediakan tempat kediaman yang selamat dan selesa di bawah program bantuan rumah. Bagi tujuan ini, kerajaan telah meletakkan sasaran untuk membina sejumlah 24,221 unit di negeri Sabah dan Sarawak dalam tempoh 2010 hingga 2012 dengan unjuran kos pembangunan berjumlah RM682.44 juta.
- (ii) kerajaan akan meneruskan strategi pembangunan tanah yang bersepadu bagi melonjakkan ekonomi di kawasan yang mempunyai insiden kemiskinan yang tinggi di luar bandar melalui projek lonjakan mega yang berkonsepkan agropolitan dan projek Ladang Sejahtera. Antara contoh projek-projek berkenaan adalah seperti projek Agropolitan Pulau Bangi dan Agropolitan Gana di Sabah. Projek Agropolitan Batang Sadong, Agropolitan Batang Lumar, Agropolitan Pulau Buit. dan Agropolitan Ulu Awik Gunung Sadong di Sarawak serta projek Ladang Sejahtera di Semenanjung Benua Sabah.
- (iii) meneruskan strategi dalam meningkatkan penyediaan akses pendidikan, kesihatan dan kemudahan asas seperti pembinaan jalan luar bandar, bekalan air serta elektrik yang lebih baik bagi menangani fenomena kemiskinan di kalangan minoriti bumiputera di Sabah dan Sarawak. Bagi tujuan ini, kerajaan melalui NKRA khasnya di bawah *Rural Basic Infrastructure* yang diterajui oleh kementerian ini akan memberikan manfaat. Idea ini dijangka akan memberi manfaat kepada pembangunan:
- (a) meningkatkan kemudahan jalan raya di Sabah dan Sarawak dengan sasaran untuk membina 1926.02 km jalan luar bandar;
  - (b) membekalkan kemudahan bekalan air bersih kepada 196,000 unit rumah di Sabah dan Sarawak; dan

- (c) meningkatkan liputan bekalan elektrik kepada 133,000 unit rumah di Sabah dan Sarawak.
- (iv) memperkukuh dan meningkatkan lagi keberkesanan sistem penyampaian program-program pembasmian kemiskinan melalui penubuhan Fokus Group Pembasmian Kemiskinan di peringkat nasional, negeri dan daerah yang akan berperanan dalam menyelia perancangan, pelaksanaan dan pemantauan serta penyaluran peruntukan bagi program ataupun projek pembasmian kemiskinan,
- (v) kerajaan juga telah membangunkan pangkalan data kemiskinan nasional yang dikenali sebagai e-Kasih dan akan menjadi pusat rujukan utama dalam menyediakan profil komprehensif golongan miskin dan miskin tegar yang akan diberi bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan langkah-langkah yang dinyatakan, kerajaan yakin insiden kemiskinan di Sabah dan Sarawak akan dapat ditangani dengan sewajarnya. Sekian.

**Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baru sahaja memberi jawapan kepada soalan yang saya kemukakan. Saya sedar dan saya tahu bahawa kementerian ataupun kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memang prihatin kepada masalah yang dihadapi oleh masyarakat di Sabah dan Sarawak dan telah bersungguh-sungguh untuk cuba memperkenalkan program dan juga projek dalam usaha untuk menangani masalah ini.

Namun demikian, daripada jawapan tadi, saya melihat bahawa tidak ada banyak perubahan daripada apa yang saya tahu sebelum ini. Saya rasa pendekatan yang kita gunakan selama ini tidak mengambil kira perbezaan di antara masyarakat luar bandar yang ada di Sabah dan Sarawak dengan masyarakat luar bandar yang ada di Semenanjung ini. Kalau di Semenanjung kebanyakannya adalah terdiri daripada kaum bumiputera Melayu dan juga Orang Asli. Akan tetapi di Sabah dan Sarawak, kita terpaksa berhadapan dengan bukan sahaja banyak kumpulan tetapi dari segi adat resam dan sebagainya pun banyak dan tempat tinggal pun ada yang duduk di atas gunung, duduk di lurah, tepi sungai dan sebagainya.

Jadi inilah masalah yang saya lihat yang kerajaan perlu menangani sebelum kita memperkenalkan program-program yang telah disebutkan tadi kerana pendekatan program, yang dikatakan *one size fits all* untuk semua kumpulan itu tidak akan memberi manfaat yang besar.

■1100

Jadi, saya ingin melihat keputusan kajian yang saya tahu sudah dan sedang dijalankan tentang pendekatan yang baru, yang kita akan ambil untuk menangani masalah kemiskinan ini. Sekian.

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Terima kasih Yang Berhormat dari Mas Gading. Terutama sekali kerana sedar tentang usaha-usaha yang dibuat oleh kementerian ini untuk

membasmi kemiskinan di Sabah dan Sarawak. Sebenarnya, baru-baru ini kita memang telah membuat perubahan dari segi pendekatan yang kita gunakan untuk mengatasi masalah miskin tegar dan miskin di Sabah dan Sarawak.

Misalnya, konsep NKRA banyak memberi haluan yang baru secara kita menyelesaikan masalah kurang *accessibility* di luar bandar. Tumpuan besar NKRA ini dari segi pandangan kementerian ini, dari segi peruntukan yang diberi kepada kementerian ini adalah untuk membantu orang yang miskin dan miskin tegar supaya penduduk di tempat-tempat yang terpencil yang biasanya miskin dapat berhubung secara lebih ramai lagi kepada pekan yang terdekat. Itu satu.

Kedua, kita mempunyai sasaran yang tertentu untuk meningkatkan dan menentukan supaya kadar penerimaan atau pun kadar penduduk yang mendapat bekalan elektrik di luar bandar di Sabah dan Sarawak akan meningkat pada hujung tahun 2012, sampai ke 95% jumlahnya. Untuk air misalnya sampai 90%. Ini adalah tumpuan atau pun satu fokus yang begitu serius dan peruntukan yang lebih dari biasa yang kita terima, telah diberi kepada kementerian ini untuk usaha ini.

Konsep agropolitan juga adalah konsep agak baru dan untuk Sabah dan Sarawak terutama sekali di Sarawak. Baru diperkenalkan konsep ini dan ditumpukan kepada kawasan-kawasan yang mempunyai ramai penduduk-penduduk yang miskin dan miskin tegar, terutama sekali di kawasan sekeliling Sri Aman di Sarawak. Jadi, kerajaan peka bahawa kaedah yang lama perlu diubahsuaikan dan fokus perlu diberi dengan lebih serius lagi di dalam RMKe-10 dan juga di bawah NKRA ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini mengenai Sabah dan Sarawak, di mana kita perhatikan bahawa kebanyakan pelaksana itu tidak dijalankan dengan betul-betul untuk melaksanakan strategi-strategi ini.

Memang saya setuju dengan Yang Berhormat Mas Gading di mana bukan semua strategi itu boleh dilaksanakan di dalam semua bidang, contohnya di kawasan-kawasan yang terpencil ini. Akan tetapi, masalah sekarang saya rasa ialah pelaksana itu contohnya agak mengambil peluang, mengambil kesempatan untuk mengaut semua keuntungan.

Contohnya di kawasan saya. 17 km yang mendapat syiling RMKe-9. Dahulu RM 34 juta, sekarang sudah naik pula kepada RM79 juta. Bagaimana itu dilaksanakan, sedangkan begitu tinggi sekali. Kedua ialah mengenai agropolitan ini. Saya difahamkan yang mendapat rumah dan yang juga mendapat pekerjaan di agropolitan ini terpaksa membayar rumah dan gaji-gaji mereka kurang daripada gaji minimum? Itu minta penjelasan.

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Terima kasih Yang Berhormat dari Sepanggar. Mengenai dengan pelaksanaan setahu saya di dalam kementerian ini tidak ada pelaksanaan yang dianggap sebagai tidak menepati objektif kita dikekalkan. Mana yang perlu diubah, kita ubah.

Setakat ini pelaksanaan projek-projek sama ada PBR atau pun untuk membasmi kemiskinan tegar dan sebagainya sangat memuaskan sebenarnya. Akan tetapi kadang kala, ada projek-projek yang dibuat oleh agensi ataupun kementerian yang lain seperti projek PBR, Program Bantuan Rumah ini dianggap sebagai projek kita. Setahun, dua tahun sebelum ini ada agensi yang lain sebenarnya melaksanakan projek ini dan bukan kementerian ini.

Dari segi peningkatan kos pembinaan jalan. Yang Berhormat kita tidak boleh mengikut *statement* Yang Berhormat dari Mas Gading tadilah, *one size fit all* ini. Kita tidak boleh gunakan satu kadar untuk keseluruhan tempat di Malaysia ini. Di kawasan Kapit misalnya 1km jalan, kalau mengikut *assessment* JKR lebih RM10 juta kerana bukit bukau dan jenis tanah batu dan sebagainya yang ada di sana. Jadi, saya tidak tahulah sama ada peningkatan kos yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ini disebabkan orang yang hendak mengambil untung atau pun memang betul-betul memerlukan peruntukan tambahan. Jadi, Yang Berhormat boleh berhubung dengan kementerian kita untuk mendapat tinjauan atau pun maklumat yang lebih terperinci berkenaan dengan ini.

Berkenaan dengan agropolitan, agropolitan ini adalah satu langkah yang cuba meringankan beban atau pun kesusahan penduduk di sesuatu tempat. Kita tidak menjamin bahawa sesiapa yang ambil dalam projek ini terus keluar dari kadar kemiskinan tegar. Akan tetapi, ia membantu. Selepas itu, kita akan cari kaedah yang lain atau pun jenis projek atau pun aktiviti yang lain untuk menambahkan lagi pendapatan mereka.

Setahu saya pada keseluruhannya, pada puratanya di mana projek kita dilaksanakan, pendapatan penduduk yang terlibat dalam projek kita pendapatan mereka meningkat di antara RM250 hingga RM500. Akan tetapi, ada juga di tempat-tempat yang tertentu seperti di Gahai, Pahang, pendapatan mereka meningkat antara RM800 hingga RM1,000 sebulan. Jadi, saya haraplah jangan lihat apa yang kurang berjaya sahaja tetapi kena beri satu pujian juga di mana kita sangat berjaya. Sekian, terima kasih.

**6. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, adakah cadangan supaya pekerja kontrak tidak layak ke Mahkamah Industri dan kebaikan terhadap pekerja.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah Mazlan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Langat di atas soalnya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Manusia telah memulakan usaha-usaha mengkaji semula akta-akta perburuhan supaya sesuai dengan keperluan semasa dan masa hadapan mengikut tuntutan-tuntutan terkini.

Proses *tripartisme* yang melibatkan pihak kerajaan, pekerja dan majikan merupakan pendekatan yang digunakan oleh kementerian. Daripada perbincangan Kementerian Sumber

Manusia dengan rakan-rakan sosial seperti MTUC, MEF, FMM, NUPW, MAPA dan lain-lainnya, telah diterima cadangan-cadangan untuk tujuan tersebut.

Salah satu daripada cadangan yang telah diterima ialah untuk mengecualikan pekerja-pekerja yang telah tamat tempoh perkhidmatannya dengan majikan, dengan izin, *fix-term contract* daripada memfailkan kes di bawah seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

■1110

Beberapa perjumpaan telah diadakan di antara Kementerian dengan wakil-wakil majikan, di antara Kementerian dengan wakil-wakil pekerja dan semua cadangan-cadangan yang telah dikumpulkan dan telah dimaklumkan kepada semua pihak berkepentingan.

Seterusnya Kementerian sedang mengambil langkah untuk membincangkan, mengamati dan untuk mendapat titik-titik pertemuan di dalam semua kes-kes ataupun cadangan-cadangan yang dibentangkan termasuklah isu pekerja kontrak. Ditegaskan bahawa kesemua cadangan-cadangan yang diperoleh telah dimaklumkan seperti yang saya sebutkan tadi dan kita masih lagi pada masa ini dalam proses memberi dan mendengar pandangan daripada semua pihak. Pihak Kementerian Sumber Manusia masih lagi belum memuktamadkan mana-mana cadangan yang telah dikemukakan termasuklah kedudukan pekerja kontrak yang dibangkitkan. Terima kasih.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mendengar dengan teliti dan khusyuk penghujahan yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya tidak terjawab. Saya kata kenapa tidak layak ke Mahkamah Industri dan apa kebajikannya?

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, pekerja kontrak *black market* ini adalah lebih daripada 40%. Tujuan ataupun fungsinya Mahkamah Industri untuk membela mereka yang teraniaya. Jadi soalan saya menjurus kepada objektif sebenar fungsi Mahkamah Industri. Apakah alasan yang kukuh menidakkan hak pekerja yang terlibat secara kontrak ataupun tidak kontrak dalam fungsi mereka untuk mereka dibela dan diberikan keadilan di Mahkamah Industri yang ada satu-satunya mahkamah untuk pekerja dalam dunia negara ini? Terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Langat yang begitu bersemangat sekali, tetapi mungkin Yang Berhormat tidak dengar atau tidak faham apa yang telah saya jawab tadi... [Ketawa]

Jadi saya ingin tegaskan bahawa Kementerian...

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri *direct to the point*...

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Yang Berhormat...

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** ...Jangan 'dok kelengkong, kelengkong, kelengkong' berkali-kali. Saya ada *limit* tetapi, saya cakap terus pada sasaran. Sasaran saya ialah fungsi Mahkamah Industri - tidak dijawab! Beliau kata perbincangan, perbincangan! Saya kata itu cadangan yang hendak dibuat. Jawab terus kepada soalan Tuan

Yang di-Pertua. Jangan 'dok kelengkong, kelengkong'. Saya pun tahu, dengar! Dan saya pun faham. Beliau kata seolah-olah saya ini pekak badak!.. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnansamy]:** Sabar sahaja.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak pun langsung berhasrat untuk mengatakan bahawa Yang Berhormat Kuala Langat ini pekak, beliau yang mengatannya sendiri.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa pada masa ini kita mempunyai satu jawatankuasa yang memang secara berterusan mengkaji tentang perundangan perburuhan. Yang mana pada masa ini sejajar dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020 dan ingin menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi. Untuk itu kita perlu bersama-sama.

Saya ingin mengajak Yang Berhormat Kuala Langat juga supaya kalau ada sebarang cadangan. Kita mempunyai banyak forum dan kita mempunyai banyak platform di mana kita boleh sama-sama menyumbang. Saya berharap bahawa Yang Berhormat sedar bahawa pada masa ini satu *exercise* yang mana kita mendukung semangat *tripartism* dan kita ingin membina hubungan yang baik di antara kesatuan, majikan dan kerajaan kerana ini sangat penting supaya negara kita sentiasa berada di dalam keadaan *industrial harmony* yang baik. Untuk itu saya ingin menegaskan di sini bahawa, kita ada menerima cadangan daripada pihak majikan supaya pekerja kontrak ini dikecualikan daripada memfailkan kes.

Selain daripada itu untuk makluman Yang Berhormat, kita ada lebih daripada 23 cadangan yang melibatkan Mahkamah Perusahaan Malaysia dan juga Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Berkaitan dengan pekerja kontrak ada juga isu-isu lain yang kita terima seperti isu pembaharuan kontrak yang dibuat berterusan berkali-kali, isu pekerja kontrak yang ditamatkan perkhidmatan *prematurely* dan juga isu dari pekerja tetap dipaksa menjadi pekerja kontrak dan kita juga ada isu pegawai percubaan dan lain-lainnya.

Untuk itu Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan lagi sekali supaya Yang Berhormat sekiranya ada sebarang cadangan, pandangan bolehlah mengemukakan kepada Kementerian Sumber Manusia secara terus supaya dapat menyumbang kepada pemantapan akta-akta perburuhan yang sedang dilaksanakan pada masa ini. Terima kasih.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila seseorang pekerja kontrak ditamatkan dari segi jangka pendeknya ialah tanggungan keluarga dan anak-anak. Jadi apakah pihak kementerian bercadang untuk mengusahakan atau mewujudkan satu dana sama ada melalui sumbangan pihak swasta ataupun sebagainya? Ini supaya tanggungan keluarga ini dapat diatasi sebelum mereka mendapat pekerjaan atau kesnya ke mahkamah industri ataupun

seumpamanya. Ini kerana, apa yang penting ialah penyaraan hidup keluarga yang dihadapi oleh mereka ini. Terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Saya ingin maklumkan bahawa antara perkara yang sedang diusahakan oleh Kementerian Sumber Manusia ialah untuk mengujudkan tabung *relief fund* ataupun tabung untuk membantu pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan. Ini sedang dilaksanakan dan kementerian juga tahu bahawa pekerja-pekerja mesti mempunyai satu sokongan ataupun kemudahan kebajikan. Salah satunya Yang Berhormat ialah melalui penyumbangan kepada PERKESO ataupun SOCSO yang mana di situ banyak perkara yang boleh dibantu kepada mereka-mereka ini. Di antaranya, PERKESO pada masa ini selain daripada hal-hal pampasan juga sedang mengkaji lain-lain bantuan ataupun perkhidmatan yang boleh dipanjangkan. Terima kasih.

7. **Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]** minta Perdana Menteri menyatakan, sasaran dan keberkesanan penubuhan Nasional G-Ekonomi dalam melonjakkan pencapaian usahawan Melayu dan bumiputera agar mampu bersaing dan muncul sebagai pemain ekonomi utama global.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnansamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana mengajukan soalan. Kerajaan sentiasa peka dengan kehendak dan keperluan usahawan bumiputera dalam meningkatkan peluang dan keupayaan mereka untuk bersaing dalam pasaran domestik dan antarabangsa. Sebagai satu langkah proaktif dan berterusan untuk memaju, memperkasa dan mempertingkatkan usahawan bumiputera supaya dapat berdaya maju dan lebih bersedia untuk bersaing dalam pasaran domestik dan antarabangsa.

Kerajaan pada 14 Mei 2010 telah mengumumkan perwujudan Nasional G-Ekonomi bertujuan untuk melonjakkan pencapaian usahawan Melayu dan bumiputera agar mampu bersaing dan muncul sebagai pemain ekonomi utama dan menjadi pesaing kompetitif di peringkat global. Langkah mewujudkan Nasional G-Ekonomi ini juga adalah selaras dengan Model Ekonomi Baru (MEB) yang diperkenalkan kerajaan bagi meningkatkan pendapatan rakyat sebagai persediaan muncul negara maju menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, bersesuaian dengan hasrat dan matlamat tersebut, Nasional G-Ekonomi akan menjadi keutamaan kerajaan untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh ini. Melalui Nasional G-Ekonomi, kerajaan telah memastikan sekurang-kurangnya 14 bidang perniagaan berpotensi tinggi untuk diteroka oleh usahawan Melayu dan bersaing dalam bidang ekonomi kritikal serta meloncatkan prestasi dan pencapaian bumiputera. Senarai tersebut akan diumumkan kelak oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun bagi menjayakan agenda ini, usahawan bumiputera perlu bersedia dan melengkapkan diri dengan ilmu perniagaan dan keusahawanan serta mempunyai nilai dan

sikap positif di samping memperkukuhkan reputasi mereka sebagai seorang ahli perniagaan yang berjaya di peringkat domestik dan antarabangsa. Terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya lihat yang paling ketara perbezaan Nasional G-Ekonomi yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan program-program pembangunan usahawan yang lain adalah program ini memberi keutamaan kepada bidang perniagaan yang berpotensi tinggi, baru dan juga kompetitif.

■1120

Jadinya soalan tambahan saya adalah apakah pendekatan dan juga kepastian serta bagaimanakah yang akan diguna pakai untuk memastikan usahawan-usahawan terutamanya usahawan-usahawan yang berada di luar bandar termasuklah ibu-ibu tunggal agar mereka ini tidak ketinggalan, agar mereka ini juga mampu berjaya bersaing, dapat dibantu oleh kerajaan untuk bersaing di peringkat global. Kalau kita tengok Sime Darby pun, yang besar pun mengalami kerugian. Jadinya adakah kerajaan juga telah merangka dan menetapkan jumlah dana yang akan diperuntukkan di bawah program ini. Terima kasih.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Pendekatan yang digunakan memang ditinta dalam muka surat 167 sehingga 175 di dalam Buku Rancangan Malaysia Kesepuluh dan akan diperincikan lagi apabila NEKA diumumkan mungkin pada bulan Oktober nanti oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu *National Economic Key Areas*. Sama seperti NTP di mana NKRA telah diumumkan dan kaedah pencapaiannya begitu terperinci. Maka, itulah 12 sektor telah dikenal pasti itu, contohnya minyak dan gas, contohnya perkhidmatan kewangan di mana syarikat-syarikat yang berupaya besar akan dikenal pasti di kalangan bumiputera untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Untuk soalan lagi satu yang dikatakan adakah golongan-golongan berpendapatan rendah dan juga luar bandar serta ibu tunggal akan juga diperjuangkan dalam agenda ini. Apabila satu syarikat yang besar seperti GLC-GLC diwujudkan dalam konteks ini atau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri pandang sini Yang Berhormat.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Oh, *sorry* saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Saya terharu sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Saya tahu Yang Berhormat Parit Sulong itu wanita.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Itu sebabnya saya ke sana. Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya terlupa seketika... [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, *so* itulah, bila syarikat-syarikat besar seperti itu yang boleh bersaing di peringkat antarabangsa, sudah tentunya

industri-industri hiliran yang bakal diwujudkan akan sampai ke peringkat di bawah. Maka, itulah harapan kita dan itu sebabnya kita tidak mahu ada GLC yang gagal diulangi lagi.

Maka, kita hendak menyediakan daya upaya yang kukuh, itulah lebih kurang apa yang dikatakan, kita tunggulah satu majlis pembangunan usahawan yang berimpak tinggi akan diwujudkan di mana Perdana Menteri menjadi pengerusi, EPU akan jadi urus setia dan ada banyak lagi jawatankuasa kecil mengikut bidang-bidang tertentu untuk itu...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, minta itu Yang Berhormat Padang Serai suruh diam seketika, nanti boleh jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan cadangan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, ada menyebut tentang beberapa muka surat dalam Laporan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini. Antara yang paling penting untuk soalan tambahan saya nampak berkenaan dengan usaha untuk meningkatkan pendapatan rakyat kepada pegawai-pegawai tinggi dan hal yang mustahak dalam soalan ini ialah menumpu kepada 40% pendapatan isi rumah yang paling rendah untuk diangkat daripada RM1,400 kepada RM2,300, termasuk dalam lingkungan ini ialah 83% menumpu kepada pendapatan isi rumah bumiputera yang juga merupakan di kalangan usahawan-usahawan bumiputera yang menjalankan aktiviti perniagaan secara *scale* yang sederhana ataupun yang paling rendah.

Saya hendak tanya pada pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah keajaiban yang diperlukan sekarang, oleh sebab buat masa ini kita masih di tahap RM1,400 pendapatan isi rumah. Dalam masa lima tahun kita hendak angkat kepada RM2,350. Keajaiban apa yang kita perlukan. Kalau setakat rangka kerja yang hendak diberi atau hendak dibentangkan di bawah NKRA dalam masa dua, tiga bulan atau beberapa bulan lagi, saya rasa tidak ada satu keajaiban yang boleh menjamin pencapaian perkara ini.

Kalau begitu, retorik dalam buku ini rasanya tidak perlu kita bentang di dalam Dewan kerana tujuannya ialah untuk memberi satu kepastian, bukan retorik Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pandang kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** *[Ketawa]* Saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat sana. Tuan Yang di-Pertua, kerangka Rancangan Malaysia Kesepuluh ini adalah lima tahun dan kali ini kita ada *rolling plan* di mana peringkat pertamanya ialah 2011 sehingga 2012. Selepas itu kita akan buat analisis dan juga penilaian serta ubah suai sekiranya perlu *but*, ubah

suai kepada *rolling plan* kedua. Ini pertama kali, kedua seperti yang dikatakan keajaiban, *the* retorik ini, saya rasa tidak baiklah dicakap macam itu kerana kita tahu bahawa niat Perdana Menteri kita memang ikhlas. 40% itu, RM2,300 *threshold* yang digunakan telah diubahsuai mengikut keadaan semasa. Dalam tempoh lima tahun ini, salah satu NKRA ini begitu penting adalah pembasmian kemiskinan. Lapan kementerian terlibat merentasi untuk membuat program-program ke arah ini. Tidak perlu saya ceritakan satu-satu akan tetapi golongan ini akan menentukan adakah negara kita berjaya atau tidak berjaya. Adakah kita maju pada 2020 atau tidak, maka kita sama-sama buat...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Mesti bolehkah?

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Saya jawab habislah Tuan Yang di-Pertua. Maka, saya ucap terima kasihlah tetapi tidak payah sebut keajaiban, retorik, ini semua sandiwara politik. Tidak payah, ini ikhlas punya kerja.

**8. Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]** minta Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyatakan, perincian belanja Projek *Little India* di Brickfields dan kriteria pemilihan yang diguna pakai dalam memutuskan projek tersebut dianugerahkan kepada syarikat MRCB secara runding terus.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai projek *Little India* merupakan projek yang akan dilaksanakan di sekitar kawasan Brickfields bagi tujuan menaik taraf kemudahan infrastruktur dan gerai-gerai penjaja dan kedai sedia ada di kawasan tersebut. Ini kerana kawasan Brickfields dilihat sebagai kawasan yang berpotensi dan berdaya maju untuk dijadikan destinasi tarikan pelancongan dan pusat tumpuan pelbagai kegiatan ekonomi.

Melalui projek *Little India* kawasan Brickfields akan berubah wajah yang mana kedai-kedai peniaga serta gerai-gerai penjaja akan dinaiktarafkan dengan dilengkapi kemudahan infrastruktur yang lebih moden canggih, moden dan menarik yang merangkumi unsur-unsur tradisi masyarakat India di Malaysia. Pembangunan yang akan dilaksanakan tidak akan mengetepikan aspek kebudayaan setempat dan ciri-ciri tersebut akan ditonjolkan dalam rekaan pada bangunan, arca, perabot jalan serta gerai-gerai. Pembaharuan di kawasan Brickfields akan dinikmati oleh masyarakat setempat melalui penjana sumber pendapatan di samping peningkatan kualiti kehidupan dan persekitaran.

Tuan Yang di-Pertua, kos projek *Little India* ini dianggarkan sebanyak RM35 juta yang mana ia akan meliputi naik taraf jalan raya di sekitar, gerai-gerai, kedai peniaga, perabot jalan dan tempat letak kereta. Walau bagaimanapun, kos ini mungkin akan meningkat atas permintaan penduduk setempat ataupun peniaga-peniaga. Sebagai kerajaan yang berprinsip, berpegang kepada "Rakyat didahulukan", mungkin kerajaan akan mengambil kira permintaan penduduk-

penduduk setempat. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, syarikat MRCB merupakan salah sebuah syarikat *government linked company* dengan izin, projek *Little India* ini sebenarnya tidak diberikan secara rundingan terus kepada MRCB.

Sebaliknya, syarikat ini terbabit dengan Kerajaan Pusat dalam melaksanakan sebuah projek penswastaaan dan juga skim penyuraian trafik untuk kawasan Brickfields dan kawasan pembangunan KL Sentral di bawah pakej rangsangan ekonomi, maka MRCB telah mengambil sebagai tanggungjawab sosial atau *corporate social responsibility* (CSR) mereka untuk melaksanakan projek *Little India* di Brickfields. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau memang MRCB tidak diberikan secara rundingan terus dan mereka melaksanakan *corporate social responsibility*, maka apakah sebenarnya pemberian atau pun jumlah yang dibelanjakan oleh MRCB. Ini adalah kerana saya dengar RM35 juta. Akan tetapi dikatakan *corporate social responsibility*, maksudnya kerajaan bayar juga kepada MRCB, itu satu.

Kedua, saya mendapat rungutan bahawa banyak ahli-ahli MIC diberikan ruang untuk pemindahan tempat baru nanti apabila dinaik taraf. Apakah jaminan dan adakah pihak kementerian bersedia mempamerkan senarai penjaja yang akan mendapat tempat dalam tapak baru sejurus selepas *Little India* ini siap kepada mereka yang benar-benar layak dan bukanlah mereka ahli-ahli baru MIC dan sebagainya, itu satu.

■1130

Kalau projek ini lewat, kerana targetnya tahun 2012. Kalau ada kelewatan tidak selesai pada tahun tersebut, berapakah anggaran kos dan adakah MRCB akan menanggung perbelanjaan tambahan? Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan dengan teliti bahawa jumlah anggaran kos adalah lebih kurang RM35 juta. Baru-baru ini ada juga permintaan daripada penduduk dan peniaga setempat untuk kemudahan-kemudahan tambahan. Ini merupakan, kemungkinan besar sebab kita berpegang kepada prinsip, 'Rakyat Didahulukan', maka kemungkinan besar kosnya akan bertambah. Memandangkan apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya percaya kita tidak perlu jawab untuk rungutan mengatakan bahawa mungkin ada gerai-gerai yang akan diberikan kepada ahli-ahli politik. Ini adalah satu fitnah. Fitnah itu lebih kejam ataupun lebih teruk disifatkan sebagai lebih teruk daripada membunuh...  
[Ketawa]

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Jadi bersedia mempamerkan kepada umum?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Yang Berhormat, biar....

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Penting pameran itu. Kerana saya dengar janji tetapi, saya hendak tengok.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Yang Berhormat, biar saya jawab sepenuhnya.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Okey, terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, kita Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menyenaraikan jumlah ahli-ahli peniaga yang didapati lebih kurang 68 orang dan gerai-gerai akan dibina kepada mereka yang berniaga di sana dan bukan untuk mana-mana ahli-ahli parti politik. Saya bagi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat Kerajaan Barisan Nasional tidak mengamalkan budaya seperti itu, sekian terima kasih.

**Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Tipulah itu.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar Ibrahim [Lembah Pantai]:** MRCB? Tuan Yang di-Pertua, dia tidak jawab pasal MRCB.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat itu sahajalah jawapan-jawapan lisan bagi soalan-soalan lisan pagi ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.31 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan sehingga selesai ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 24 Jun 2010.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

**USUL****RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH (2011-2015)**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

**“Bahawa Dewan ini,**

**menyedari** akan cabaran pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan dalam menghadapi persekitaran global yang begitu mencabar;

**merestui** usaha kerajaan untuk terus melaksanakan Misi Nasional dengan disokong oleh Model Baru Ekonomi sebagai rangka dasar pembangunan bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

**meluluskan** Rancangan Malaysia Kesepuluh yang akan dilaksanakan berasaskan hala tuju strategik, program dan peruntukan yang diperlukan untuk merealisasikan Wawasan 2020 dan membawa negara ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020 seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah CMD.3 Tahun 2010;

**Bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesepuluh, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya bersatu padu dengan semangat “1Malaysia : Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan” dan mempunyai iltizam yang teguh bagi melaksanakan tanggungjawab yang murni untuk menjayakan pelan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju, berdaya tahan dan berdaya saing, demi untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia” **[22 Jun 2010]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Sila Yang Berhormat.

**11.33 pg.**

**Menteri Pelajaran [Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesepuluh khususnya yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pelajaran Malaysia. Justeru penjelasan yang akan saya berikan pada hari ini akan meliputi aspek yang berkaitan isu dasar mahupun spesifik selari dengan apa yang telah pun digariskan dalam RMKe-10.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab, pelbagai saranan dan soalan yang dikemukakan oleh ahli Yang Berhormat izinkan saya terlebih dahulu menjelaskan secara ringkas berhubung pelaksanaan RMKe-9.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Secara keseluruhannya sebanyak RM26.093 bilion telah pun diperuntukkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dengan jumlah 15,324 projek termasuk tambahan 808 projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi dan sehingga 15 Jun 2010, sebanyak 8,870 projek telah pun berjaya disiapkan, 5,312 projek masih dalam pelbagai peringkat pelaksanaan, manakala 942 projek akan bersambung ke RMKe-10.

Bagi prestasi perbelanjaan pula, sehingga 31 Mei 2010, kementerian telah pun membelanjakan sebanyak RM16.668 bilion iaitu 85.12% daripada keseluruhan siling yang ditetapkan dan dijangka akan dapat membelanjakan keseluruhan peruntukan tersebut menjelang akhir tahun ini, *insya-Allah*.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan pembentangan RMKe-10, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menggariskan hala tuju negara dengan lebih menitikberatkan usaha untuk membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia. Tanggungjawab ini bukan hanya digalas oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sahaja, tetapi sebaliknya perlu digembeng bersama secara komprehensif dan bersepadu. Justeru dalam tempoh RMKe-10 ini, Kementerian Pelajaran Malaysia akan mengguna pakai rangka kerja pembangunan modal insan berpaksikan kepada falsafah pendidikan kebangsaan melalui pembudayaan pendidikan sepanjang hayat yang bersepadu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kepong awal-awal lagi mahu mengganggu.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Belum jawab lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itulah, belum jawab lagi dia sudah berdiri.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Belum jawab lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Kepong, singkatkan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang singkat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu baru mukadimah Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak ada mukadimah, terus terang. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sebelum kita masuk ke jawapan RMKe-10, bolehkah Yang Amat Berhormat mengulangi angka tersebut bilangan projek yang telah pun dilaksanakan dan bilangan yang terbengkalai dan jumlah wang yang terlibat. Sebab saya dengar tadi RM16 bilion sahaja. Bagi saya sangat kecil jumlah itu.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menyebutkan secara terperinci. Bermakna bahawa sehingga di bawah RMKe-9, kita diperuntukkan RM26.83 bilion dan jumlah projek yang terlibat ialah 15,324 projek termasuk 808 projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi. Saya sebutkan tadi bawah sehingga 15 Jun tahun

ini, sebanyak 8,870 projek telah pun berjaya disiapkan. Sebanyak 5,312 projek masih dalam peringkat pelaksanaan, bukan gagal. Masih dalam peringkat pelaksanaan, belum siap lagi. Manakala 942 projek akan bersambung RMKe-10. Ini sudah pun diperuntukkan, tetapi belum lagi kita dapat mulakan tetapi kita kena bawa ke dalam RMKe-10 dengan peruntukkan yang telah disediakan.

Bagi prestasi perbelanjaan saya sebutkan tadi hingga 31 Mei, ini angka yang kita dapat. Kementerian telah pun membelanjakan sebanyak RM16.668 bilion iaitu 85.12% daripada keseluruhan siling yang ditetapkan tetapi dijangka akan dapat dibelanjakan keseluruhannya. Kerana ini berdasarkan biasanya ialah peraturan kewangan. Apabila bil itu telah pun diserahkan ataupun dibayar, maka itulah yang diselesaikan tetapi ada yang berbaki, termasuk projek yang belum diselesaikan tadi bil itu belum sampai, maka peruntukan itu belum dibayar lagi. Namun Insya-Allah macam mana biasa, peruntukan itu akan kita gunakan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, setelah setahun lebih saya di Kementerian Pelajaran, dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak, telah sampai masanya saya ingin lihat bahawa sistem pendidikan di negara kita ini diteliti dinilai semula dan dirombak supaya seiring dengan Pelan Transformasi Negara ataupun *Government Transformation Plan* demi untuk mencapai modal insan yang dikatakan bertaraf dunia. Oleh itu langkah pertama adalah wajar bagi kerajaan bagi mengkaji permulaan sesi persekolahan formal daripada enam tahun *plus* ataupun campur kepada seawal kepada lima tahun, campur.

Untuk makluman Yang Berhormat Kubang Kerian, kementerian sebenarnya sedang pun dalam peringkat akhir kajian untuk melaksanakan inisiatif tersebut. Kajian terperinci yang telah dilaksanakan oleh kementerian menunjukkan bahawa 95% kanak-kanak telah dapat menguasai kemahiran 3M iaitu membaca, mengira dan menulis dan mempunyai kemahiran bersosialisasi dengan rakan sebaya seawal umur lima tahun melalui pendidikan prasekolah.

■ **1140**

Tambahan pula usaha-usaha yang dilaksanakan di bawah bidang keberhasilan utama negara NKRA termasuklah memperkukuhkan prasekolah dan memastikan murid-murid normal menguasai 3M di akhir tahun tiga sudah pasti akan dapat mencapai matlamat yang disebutkan tadi. Oleh itu kementerian sedang pun merangka strategi untuk melaksanakan dasar baru ini dengan teratur dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kedua yang telah dan pun sedang dilaksanakan oleh kementerian adalah melahirkan modal insan berkemahiran dan kebolehpasaran bermula di peringkat persekolahan. Saranan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Hulu Terengganu dan juga Yang Berhormat Kepong supaya pendidikan teknik dan vokasional dipertingkatkan telah pun diberikan perhatian melalui rombakan sistem pendidikan teknik, vokasional dan kemahiran supaya menjadi pendidikan arus perdana. Ini melibatkan penambahbaikan kurikulum pendidikan *voc-tech* yang sedia ada melalui pengukuhan

pendidikan daripada *knowledge base* kepada *competency base*, dengan izin supaya kita dapat mencapai standard yang dapat memenuhi keperluan pekerjaan, *job specification* dan kehendak pasaran semasa.

Selain itu, kementerian juga telah pun mengatur strategi untuk mewujudkan hubungan kerjasama yang lebih erat dengan agensi-agensi latihan, industri dan juga badan profesional agar bersama-sama menyumbang membangunkan modal insan yang berkemahiran. Mata pelajaran vokasional di sekolah harian juga dipertingkatkan setaraf dengan sekolah menengah vokasional dan teknik di samping mewujudkan *vocational wings* ataupun sayap vokasional untuk menampung keperluan setempat. Penukaran sekolah menengah teknik kepada sekolah menengah vokasional juga sedang pun dilaksanakan secara yang berperingkat-peringkat...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Bangun]

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [Bangun]

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Terengganu, sebuah sekolah menengah vokasional di Kuala Berang telah pun dicadangkan untuk dibina dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini dan usaha-usaha ini adalah bertujuan untuk meningkatkan martabat pendidikan *voc-tech* dan sekali gus mengikis persepsi masyarakat yang meletakkan pendidikan ini sebagai kelas kedua.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga sentiasa berusaha untuk meningkatkan...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Mohon izin.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tan Sri, penjelasan... [Ketawa] Penjelasan. Memang Yang Amat Berhormat, saya berharap apa rancangan yang dibuat, langkah-langkah yang diambil dapat dijayakan tapi memandangkan dalam sepuluh tahun ini, pihak kementerian pun sudah, ini bukan di bawah Yang Amat Berhormat ya, sudah merombak nak menjayakan pendidikan teknik dan vokasional.

Di dalam sepuluh tahun ini saya nampak tidak berjaya, tidak berjaya dan di sinilah Yang Amat Berhormat sudah mengatakan nak tambahkan pelajar vokasional daripada 10% sekarang kepada 20% pada 2015. Memang satu angka masih rendah kerana ada negara yang 50%, 60%, ini bermakna memang kita ketinggalan dengan banyak dan bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini, bagaimana kita boleh mencapai walaupun rendah matlamatnya, 20% ini.

Saya ada mencadangkan semasa saya berucap di sini supaya pihak kementerian memberitahu kepada rakyat jelata dalam 2011, berapa yang ditambah dan apa peralatan dan kemudahan dan sekolah yang akan ditambah bagi tahun-tahun yang seterusnya, setiap tahun dengan terperinci. Bagi kita tahu kerana kita tak mahu ini tak berjaya lagi sepuluh tahun akan datang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh jawab sekali Tan Sri? Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Menteri.

Saya sehaluan dengan Yang Berhormat Kepong tetapi saya tidak pula bersetuju dia mengatakan tidak berjaya sebab langkah-langkah yang diusahakan oleh kerajaan menampakkan kejayaan. Justeru itu, kejayaan itu telah menarik minat, telah memanggil pelajar-pelajar khususnya dari luar bandar yang ada keinginan untuk memasuki sekolah teknik dan vokasional tetapi malangnya sekolah vokasional dan teknik ini tidak mencukupi. Jadi saya juga ingin bertanya apakah kementerian mempunyai cadangan yang begitu luas iaitu contohnya 2011 berapa vokasional yang akan dibuka, berapa sekolah menengah teknik di Kinabatangan contohnya adakah tidak sebab ada keperluan. Kalau tidak ada, kenapa?

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusof [Balik Pulau]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa kekangan dia, apa masalah yang dihadapi oleh kerajaan sebab kita melihat untuk menuju negara maju, kita harus melahirkan modal-modal insan yang menguasai ilmu teknologi. Jadi ini saya rasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pelajaran akan dapat memberi penekanan ke arah bagaimana perancangan ini boleh dilaksanakan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** [Bangun]

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusof [Balik Pulau]:** Menteri, sedikit Menteri. Saya rasa Menteri mungkin boleh bersetuju dengan saya. Di kala ini pembangunan pendidikan bukan lagi bersifat lokasi pentingnya kerana komunikasi dipermudahkan dengan teknologi.

Kita masih lagi berbincang mengenai pendidikan bandar dan luar bandar. Isunya timbul disebabkan perancangan pembangunan yang pada mulanya, kerangkanya bandar dan luar bandar. Saya mencadangkan dan mohon penjelasan menteri, dengan kekuatan sekarang saya rasa sekolah yang berada di bandar, kualitinya mesti sama penting dengan sekolah di luar bandar kerana isu *physical location is no more an issue when communication now* dengan izin, *every point is centre*. Dia boleh berada di Balik Pulau dan masih lagi mampu menjadi sekolah terbaik di Malaysia. Mohon penjelasan Menteri.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Mohon sekali Tan Sri, tentang teknik dan vokasional.

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** [Bangun]

**Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya perlu ingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ...

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Boleh saya jelaskan ini dahulu Yang Berhormat? Saya akan bagi peluang.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Peraturan Mesyuarat 37(1)(b). Dalam mencelah untuk minta penjelasan, yang diminta itu harus kesamaran yang timbul daripada ucapan Yang Amat

Berhormat Timbalan Perdana Menteri bukan lagi satu isu baru yang akan menimbulkan perbahasan. Jadi ingat kepada peruntukan Peraturan Mesyuarat 37(1)(b). Sila.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Mohon izin Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana yang saya telah sebutkan tadi bahawa kita akan membuat satu rombakan yang besar Tuan Yang di-Pertua kerana saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat sama ada Kepong kah, Kinabatangan kah bahawa selama ini memang kita tidak memberi perhatian agak istimewa kepada sekolah-sekolah vokasional sedangkan bagaimana yang saya sebutkan juga di Dewan ini kepentingan kita daripada segi membangunkan Modal Baru Ekonomi untuk menjana insan yang dikatakan dapat menampung keperluan negara itu adalah dalam bidang-bidang yang berhubung kait dengan vokasional dan teknikal dan ini dapat dilihat berlaku di banyak negara yang maju.

Justeru itu saya telah pun menyatakan juga di Dewan ini bahawa kita akan menambah bilangan sekolah-sekolah vokasional dengan bentuk kurikulum yang baru dan juga dengan bentuk latihan *instructor* yang jauh berbeza daripada apa yang kita adakan sekarang dan juga bidang-bidang yang ada hubungan kait dengan keperluan negara, sektor-sektor kecil tertentu yang kita fikir perlu kita bangunkan yang sekarang ini tidak disediakan untuk memenuhi industri, itu kita perlu sediakan.

Jadi oleh sebab itu kita nyatakan mungkin dalam tempoh lima tahun ini, kita meningkatkan sekali ganda. Itu pun sudah besar, daripada 10% kepada 20%, itu sudah besar. Sedangkan dalam tempoh selama ini hanya 10% sahaja.

Kalau bolehlah ditanya saya, boleh tak lebih besar daripada itu, kalau boleh kita mampu buat, kita mahu buat lebih banyak daripada itu kerana kalau tidak kita akan menghadapi masalah tenaga manusia yang kita kata tidak terlatih tadi. Cuma tidak dapat saya jelaskan dalam Dewan ini, nanti dalam peringkat-peringkat yang akan datang kita akan senaraikan di manakah keperluan ini untuk kita sediakan umpamanya kita mungkin melihat daripada segi kluster.

■1150

Kalau di kawasan yang berhampiran dengan industri tertentu yang memerlukan bidang-bidang vokasional untuk disediakan, maka mungkin kita boleh bangunkan sekolah-sekolah vokasional berhampiran dengan kawasan itu, supaya mereka juga dapat ditempatkan di industri itu untuk orang kata, *on job training*. Ini sebahagian daripada perancangan yang kita buat supaya mereka ini ada latihan-latihan praktikal yang boleh digunakan untuk terlibat dalam pembangunan sektor-sektor industri yang berkenaan. Jadi dalam peringkat sekarang ini saya belum dapat hendak menjelaskan secara terperinci tetapi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan tadi elok kita senaraikan.

Bila kita sudah bentangkan nanti, saya fikir kita dapat melihat dengan lebih jelas bidang mana hendak kita bangunkan, apa kemudahan yang ada dapat kita sediakan. Sama ada

sekolah yang sudah ada sekarang boleh kita tukarkan dalam bentuk sekolah vokasional daripada sekolah biasa. Mungkinkah kita perlu kekalkan pembelajaran mata pelajaran vokasional di sekolah biasa untuk dipindahkan kepada sekolah vokasional khusus yang kita hendak bangunkan. Jadi ini satu *exercise* yang boleh dikatakan besar tetapi juga yang tidak kurang penting Tuan Yang di-Pertua, ialah soal tenaga untuk melatih dalam bidang-bidang kecil yang kita perlukan.

Macam dalam sektor pendidikan ini ialah latihan-latihan daripada mereka yang mahir dan pakar. Ini memerlukan kita meneliti soal institusi yang boleh melatih guru-guru teknikal dan vokasional yang hendak kita tempatkan di sekolah-sekolah yang kita hendak bangunkan. Jadi pendek kata bagi saya memang tumpuan itu sudah pun kita berikan, *resources* mungkin kita akan lihat apakah sumber yang ada. Akan tetapi kemampuan kementerian untuk menganjak daripada situasi yang ada sekarang kepada melipatgandakan bilangan itu agak terbatas. Saya kira bila sudah mulakan usaha-usaha yang telah pun saya sebutkan tadi mungkin kita akan percepatkan proses. supaya bilangan pelajar ini dapat kita tambah pada masa-masa yang akan datang.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Laluan Tan Sri.

**Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]:** Laluan untuk perkara yang sama Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Amat Berhormat Tan Sri. Keadaan yang berlaku di masa lalu Yang Amat Berhormat Tan Sri adalah sangat berbeza. Ini kerana di masa yang lalu pilihan untuk menyertai vokasional dan teknikal ini merupakan golongan-golongan yang tidak cemerlang dalam akademik, tidak seperti mana yang berlaku di negara-negara maju. Jadi dalam mencapai hasrat kerajaan terdapat sedikit pertindihan dari segi pengiktirafan apabila mereka meneruskan pelajaran di peringkat tinggi. Ada yang terletak di bawah kementerian lain seperti Kementerian Sumber Manusia untuk pengiktirafan rasmi bagi mereka yang terlibat dalam latihan vokasional.

Begitu juga dalam Jabatan Elektrik dan lain-lain bermakna tidak sama dengan apa yang termaktub untuk kita merancang sukatan pelajaran yang lebih berkesan. Jadi di sini, adakah kita mengadakan satu *coordination meeting* untuk kita selaraskan supaya Kementerian Pelajaran sahaja yang bertanggungjawab untuk mengendalikan urusan ini, supaya senang kita membuat satu sahaja pengiktirafan daripada sebuah kementerian.

Kedua, untuk mereka mencapai ke tahap yang lebih tinggi, adakah atau tidak pihak kementerian merancang untuk mewujudkan *east and west wing* sekurang-kurangnya di IPTA ternama di negara kita, untuk memastikan bahawa minat yang mendalam daripada para pelajar untuk menyertai bidang ini. Saya minta pandangan Yang Amat Berhormat Tan Sri.

**Tuan Che Uda bin Nik [Sik]:** Terima kasih...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Yang Berhormat Lipis Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Che Uda bin Nik [Sik]:** Tuan Yang di-Pertua sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua di bawah RMKe-10 ini kerajaan akan merombak sistem pendidikan untuk meningkatkan prestasi pelajaran dengan penuh *significant*lah. Cuma saya hendak timbulkan di sini apa yang jelas bahawa setakat ini perubahan yang dibuat selalunya berdasarkan kepada pandangan Menteri ataupun beberapa orang pegawai di kementerian sahaja. Adakah Tan Sri merasakan kita perlu untuk membuat satu kajian yang teliti bagi perubahan-perubahan yang kita hendak buat, supaya pelajar-pelajar kita tidak menjadi seperti kita katakan bahan ujian.

Saya takut kalau pindaan-pindaan dibuat tadi tanpa penyelidikan yang rapi, mungkin dalam masa tidak lama nanti kita sedar bahawa perubahan itu tidak memberi faedah. Contohnya macam kita hapuskan sekolah vokasional dahululah tetapi, hari ini kita hendak buat balik. Ini merupakan satu kerugian besar kepada kerajaan dan negara serta pelajar yang terlibat. Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Yang Berhormat Lipis Tuan Yang di-Pertua. Sambung sudah berapa kali.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Tuan Yang di-Pertua sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu, nanti dahulu. Yang Berhormat biar Yang Amat Berhormat jawab dahulu apa yang ditimbulkan tadi dan kalau ada isu-isu yang kurang penting itu biarlah Yang Amat Berhormat menjawab dahulu, kasi jalan dahulu.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Ini berkaitan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa pencelahan ini sudah terlampau padat pada peringkat awal ini, saya takut masa tidak mengizinkan kita. Sila, sila Yang Berhormat Ampang. Selepas Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Lipis selepas itu Yang Amat Berhormat berucap.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin meminta agar kementerian dalam keghairahan untuk melakukan program vokasional ini, tidaklah sampai menggadaikan sebuah padang sekolah seperti apa yang berlaku di Ampang, padang Sekolah Menengah Dato Ahmad Razali, di mana satu padang *football* telah digantikan untuk membina satu gudang untuk MPV, yang mana pada hari ini saya difahamkan belum lagi beroperasi. Ini sudah dua tahun, padang *football* itu digantikan dengan padang sebesar futsal.

Sebab itu makanya *football* standard negara kita jadi macam itu, kucar kacir keliru. *Football* main dalam padang futsal. Jadi apa yang saya hendak sampaikan di sini, tolong pastikan jangan menggadaikan peluang riadah anak-anak sekolah itu kepada satu program sahaja untuk membina satu bangunan atas kepentingan orang lain. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tan Sri. Berkaitan juga dengan teknikal dan vokasional dahulu. Jadi memang pada satu masa dahulu kita ada dua jenis sekolah, iaitu sekolah teknik dan sekolah vokasional. Sekolah teknik merupakan sekolah-sekolah yang terdiri daripada mereka yang mempunyai prestasi yang cemerlang dalam akademik mereka pergi ke sekolah teknik. Sekolah vokasional pada satu masa dahulu merupakan sekolah yang mereka kurang cemerlang dari segi akademik, mereka pergi dihantar ke sekolah vokasional.

Jadi kalau kita lihat pada satu masa sekolah vokasional ini telah ditukar semuanya kepada sekolah teknik. Kini kita hendak membuat rombakan semula, di mana sekolah teknik itu yang pernah satu masa dahulu menjadi sekolah vokasional akan ditukarkan kembali kepada sekolah vokasional. Mungkin dengan perkembangan baru dan sebagainya. Jadi apa yang saya harapkan kerana bila perubahan itu berlaku semasa kita menukar kepada sekolah teknik. Jadi banyak perkara yang berkaitan dengan pendidikan teknik diletakkan di sekolah vokasional yang ditukarkan itu. Apabila kita hendak berbalik kepada sekolah vokasional mungkin peralatan dan sebagainya sudah tidak sesuai lagi dan kita terpaksa mengganti baru.

Tenaga pengajar yang terletak di sekolah teknik itu juga mungkin terpaksa berpindah dan sebagainya. Apa yang saya harapkan dalam perubahan ini sekolah-sekolah vokasional yang telah dipindahkan kepada sekolah teknik dijadikan balik sekolah vokasional ini diadakan kedua-dua *wing*nya. *Wing* teknikal dan *wing* vokasional di satu sekolah. Jadi dengan cara ini mungkin tenaga pengajar dan sumber yang ada di sekolah itu yang selama ini telah mengajar di bidang teknikal boleh kekal dan pelajar-pelajar di peringkat teknikal. Seperti contohnya kalau di Kuala Lipis ada satu sekolah mereka boleh datang belajar dan tidak paksa dipindahkan ke Kuantan dan sebagainya. Mohon penjelasan. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyatakan bahawa untuk membuat rombakan besar pada pembelajaran vokasional ataupun vokasional ini. Saya sendiri mempengerusikan mesyuarat di peringkat kementerian yang saya telah bentuk untuk meneliti semua perkara. Pasal macam mana Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi dia meliputi skop yang agak luas. Dia punya kurikulumnya, dari segi kemudahannya, infrastrukturnya, perguruan, latihan, peruntukan dan sebagainya. Jadi sebab itu, pada satu peringkat nanti saya akan umumkan untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sementara itu sebagaimana yang dinyatakan tadi, memang di peringkat sekarang ini bukan sahaja kementerian saya. Pelbagai agensi di kementerian pun ada menyediakan pelbagai bentuk latihan yang sama ada dikatakan latihan kemahirankah, vokasionalkah atau teknikal. Bagi saya ini lagi banyak lagi baik. Soal yang disebutkan tadi penting ialah soal penyelarasan supaya tidak ada pertindihan dari segi program-program yang diatur. Ini memang kita ambil kira supaya tidak akan menimbulkan orang kata 'pembaziran'.

Soal yang disebutkan Yang Berhormat tadi mengatakan, kita buat ini ialah dengan tidak ada kajian dengan teliti. Saya fikir tidak betul. Pasal situasi dunia berubah. Kita dalam situasi yang agak dinamik dan tuntutan dari segi perkembangan dalam negara pun berubah dengan pesat. Sebab itu keadaan-keadaan ini memerlukan kerajaan, kementerian meneliti apakah keperluan-keperluan baru yang perlu kita ambil kira, supaya kita dapat memenuhi tuntutan perkembangan umpamanya dalam sektor industri dan sebagainya.

■1200

Apalagi bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebutkan soal Model Baru Ekonomi, di mana menuntut kita melihat semula langkah-langkah yang telah pun kita ambil selama ini dan bagaimana ia dapat memenuhi tuntutan perkembangan masa kini sebagai contoh. Jadi sebab itu ia tidaklah dibuat secara *ad hoc* dan ini memang dari semasa ke semasa perlu kita kaji.

Bukan kerana Menteri baru datang, maka Menteri baru ada idea baru kerana walaupun Menteri ada di situ, pihak pegawai di peringkat kementerian sudah lama membuat kajian-kajian dan di beberapa peringkat mereka akan maklumkan kepada Menteri pendapat ataupun dapatan ataupun hasil daripada apa yang telah dikaji dan mungkin memohon supaya kita membuat keputusan. Maka di peringkat itu Menteri akan membuat sedikit pengumuman bagaimana yang telah pun dilakukan selama ini.

Soal yang di Ampang itu mungkin tidak secara langsung berhubung dengan debat yang sedang berlaku tetapi saya ambil kiralah. Memang saya sendiri pun telah menegur bila saya hendak galakkan 'Satu Murid, Satu Sukan' yang mana di antara faktor yang dibangkitkan ialah tiadanya infrastruktur, padang sekolah yang besar sudah pun disempitkan. Langkah-langkah sebegini memang menjejaskan proses pembelajaran kokurikulum dan sebagainya.

Oleh sebab itu, kita telah minta dengan pendekatan baru dan dasar baru menekankan pembangunan kokurikulum. Maka, kemudahan infrastruktur sukan ini mesti kita jaga. Bukan setakat bilangan di padang saiz itu tetapi kalau boleh kita tambah dengan kemudahan-kemudahan yang lain. Ini kita ambil kira.

Ahli Yang Berhormat dari Lipis juga menyebutkan perubahan dari segi – dasar itu memang jelas.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** [*Bangun*]

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin:** Biar saya jelaskan Yang Berhormat dahulu. Yang dahulu itu bila dikatakan teknikal itu Tuan Yang di-Pertua, ia lebih banyak berbentuk teori. Sekarang ini kita hendak melihat pada bidang yang dikatakan lebih praktikal. Sebab itu vokasional itu lebih menjurus kepada bidang-bidang yang dikatakan *hands on*. Di sini saya lihat ada keperluan dan minat anak-anak kita di sekolah pun pada arah ini lebih besar daripada teknikal. Oleh sebab itu kementerian membuat perubahan dari segi pendekatan supaya kita lebih perlu memperluaskan skop vokasional.

Akan tetapi soal teknikal itu tidaklah kita langsung hapuskan. Itu pun memang kita ambil kira. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih...

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum Yang Berhormat kemukakan, saya ingatkan balik kepada Ahli Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat 37(1)(b). Jangan *opinion* yang dikemukakan itu adalah *opinion* baru. Pencelahan ini minta penjelasan daripada hujah yang menimbulkan kesamaran. Ini baru kementerian pertama Yang Berhormat. Kita ada 27 lagi. Kita cuma ada empat hari untuk perbahasan ini. Jangan terlampau padatkan sangat.

Selepas Yang Berhormat Bukit Mertajam saya nampak Yang Berhormat Labuan pun sudah berdiri. Belum pun mukadimah Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri, sudah sepuluh orang mencelah sebelah sini. Sila Yang Berhormat Bukit Mertajam. Selepas ini Yang Amat Berhormat boleh teruskan. Sila.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri. Oleh kerana merupakan satu perombakan yang besar, jadi saya rasa kita tidak ada cukup masa untuk bincang di sini. Itulah saya hendak tanya sama ada akan ada *consultation* di antara pemain-pemain di dalam bidang ini dan juga Ahli-ahli Parlimen? Adakah kita ada berpeluang untuk memberi pandangan sebelum ia dirombakkan? Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersikap terbuka. Kita tidak menolak pandangan dan cadangan daripada mana-mana pihak atau datang daripada Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Itu tidak jadi masalah. Cumanya, di peringkat kementerian kita ada pasukan ataupun *team* yang *expert*. Mungkin itu juga penting bagi kita supaya mereka menumpukan sepenuh masa.

Berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kita tidak boleh tukar begitu sahaja. Akan tetapi dalam kementerian saya ada *team*, ada pakar-pakar dan kita juga ada pihak-pihak yang kita gunakan untuk dapatkan khidmat nasihat dalam bidang-bidang tertentu macam vokasional ini. Kita ambil juga pengalaman daripada setengah-setengah negara yang sudah pun maju dalam bidang pembangunan vokasional, kita ambil kira. Akan tetapi saya tidak ada halangan kalau Yang Berhormat Bukit Mertajam pun ada idea untuk mengemukakan bagaimana cara kita hendak memajukan sektor vokasional ini. Itu kita akan terima. Satu peringkat nanti kita akan jelaskan. Ini bukan rahsia, kita akan umumkan apakah perancangan kita. Biasanya dalam Dewan ini pun diperincikan secara *detail* apakah item-item yang boleh kita beritahu untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecemerlangan pendidikan supaya anak-anak kita dapat dibangunkan secara holistik, kreatif dan

juga inovatif. Oleh yang demikian, kementerian saya sedang pun mengkaji untuk menyusun semula sistem pendidikan yang sedia ada termasuklah memperkenalkan sistem pentaksiran yang berasaskan sekolah dan mencadangkan kemungkinan supaya peperiksaan UPSR dan PMR dimansuhkan.

Ini merupakan perubahan yang terbaru dalam sistem pendidikan negara yang dirasakan boleh memberikan kesan yang positif untuk meningkatkan kreativiti, inovasi, penglibatan dalam sukan dan juga kokurikulum. Langkah ini juga akan dapat mengelakkan pembelajaran berasaskan hafalan (*rote learning*) dengan izin, yang kurang memberikan penekanan kepada cara berfikir.

Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Terengganu, walaupun saya telah pun menerima banyak maklum balas yang positif mengenai cadangan ini, langkah tergesa-gesa tidak akan kita lakukan. Sebaliknya masa akan diberi untuk mendapatkan respons daripada pelbagai pihak agar sebarang pembaharuan...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** [*Bangun*]

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin:** ...yang hendak dilaksanakan dapat difahami dan diterima oleh semua. Selain itu...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Yang Amat Berhormat.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin:** Selain itu Tuan Yang di-Pertua, langkah untuk mengurangkan peperiksaan awam ini dijangka dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan dalam aspek perbelanjaan mengurus penggunaan sumber manusia dan juga mengurang beban tugas guru untuk mengendalikan proses peperiksaan.

Pengurangan peperiksaan juga akan dapat memberikan peluang kepada guru dan murid untuk memberikan tumpuan kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan di samping tumpuan kepada meningkatkan kemahiran *soft skills*, inovasi dan kreativiti dapat dipertingkatkan.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Yang Amat Berhormat.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin:** Saya juga menjangka... Biar saya selesaikan dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga menjangka ini akan dapat mengurangkan bebanan dan juga tekanan kepada ibu bapa termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri dalam hendak menyediakan kos-kos tambahan persekolahan seperti bayaran tuisyen, pembelian buku rujukan dan sebagainya. Sila.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya hanya hendak bertanya. Yang Amat Berhormat menyebut tadi bahawa peperiksaan UPSR, SPM mungkin dimansuhkan. Ia merupakan satu cadangan dan telah pun Yang Amat Berhormat memberi sedikit sebanyak hujah kebaikannya tetapi masih mahu mendapat maklum balas.

Soalan saya ialah apakah tidak mungkin pada masa akan datang sesuatu perkara yang hendak dibuat terutama yang membabitkan dasar-dasar besar, bahawa kerajaan memastikan

dahulu tentang kebaikannya maka barulah dibuat pengumuman. Ini disebabkan saya dapati banyak juga pengumuman sebelum ini, bukan sahaja perkara ini di mana timbul banyak kekeliruan dan perdebatan polemik yang tidak memberi apa-apa faedah selain daripada mengelirukan masyarakat dan orang ramai.

Jadi apakah tidak mungkin sesuatu perkara pada masa akan datang dipastikan dahulu kebaikannya, maka barulah dibuat pengumuman ataupun diminta pandangan maklum balas secara yang tidak formal dengan pihak-pihak yang dikatakan *stake holder*. Ini bagi mengelakkan kekeliruan yang timbul yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrur Osman [Lipis]:** Lipis, Yang Amat Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran A/L Murugesoni [Ipoh Barat]:** Yang Amat Berhormat, dua perkara Yang Amat Berhormat.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrur Osman [Lipis]:** Lipis, Yang Amat Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Satu adalah saya hairan dengan satu dasar yang baru oleh kerajaan kerana ini menghapuskan analisa prestasi seseorang murid di sekolah. Kedua, saya hairan kenapa alasan yang diberi – saya rasa itu adalah permulaan di mana kita akan menjimat wang. Saya rasa itu adalah alasan yang tidak boleh diterima kerana kemakmuran dan kebaikan anak-anak kita di sekolah adalah patut diberi keutamaan.

Kalau kita hendak hanya menjimat wang, tidak perlu beli *sub marine* dan sebagainya lah. Kita akan jimat berbilion-bilion. Yang ini tidak ada – *no comparison*. Lagi satu, adakah kerajaan rela untuk *form* satu *select committee* supaya dasar baru ini dapat di analisa dengan teliti supaya seluruh negara, pihak-pihak yang berkenaan dapat menyumbang fikiran mereka, pandangan mereka supaya satu keputusan yang baik dibuat?

Ini kerana saya difahamkan Yang Amat Berhormat, bahawa setiap Menteri yang datang, dia ada satu dasar yang baru. *On education*, nampaknya ini tidak boleh diterima langsung. Kita perlu satu sistem yang konsisten dan daripada 52 tahun ini, saya rasa setiap tahun ada satu dasar yang baru, *very inconsistent, incorrigible* dan tidak boleh diterima. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrur Osman [Lipis]:** Sambung Lipis, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Amat Berhormat, sebelum menjawab ada satu pengumuman yang ingin saya buat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato' Seri Paduka Haji Mohd Salleh, Peguam Negara Brunei Darussalam ke Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]*

■1210

Semoga kehadiran Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Hayati dan delegasinya ini dapat mengeratkan lagi hubungan setia kawan antara Malaysia dan Brunei Darussalam yang telah sedia terjalin kukuh selama ini. Selamat datang. Silakan.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lipis menyambung tentang PMR dan ini tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingatkan lagi ini baru kementerian yang pertama dan saya faham Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran ini memang popular... *[Ketawa]* Dia akan boleh jawab semua persoalan tetapi masalahnya masa sangat mencemburui kita. Jadi, saya tidak boleh benarkan semua celahan itu.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Amat Berhormat.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana mengatakan saya popular... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Memang pun.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Terima kasih. Apa pun Tuan Yang di-Pertua, pertamanya tadi Yang Berhormat Pasir Mas memberikan pandangan supaya jangan buat sesuatu pernyataan sehingga kita sudah membuat kajian. Sebenarnya kita sudah lama membuat kajian Tuan Yang di-Pertua. Saya dimaklumkan sejak tahun 2007 dan ada pasukan yang telah pun meneliti tentang isu yang berbangkit selalu, yang dikatakan bahawa sistem pendidikan di negara kita ini lebih ber ala peperiksaan kerana terlalu banyak. Kita ada tiga buah peperiksaan awam. Banyak negara di dunia sekarang ini hanya mempunyai satu buah peperiksaan awam. Bolehlah semak di mana-mana negara.

Jadi, disebabkan bukan sahaja peperiksaan awam, saya setuju penting, saya pun ada anak yang bersekolah mengambil SPM tahun ini dan dia akan menduduki peperiksaan awam. Soalnya memang penting tetapi disebabkan begitu maka kalau disebut daripada soal operasinya pada peringkat kementerian, pegawai kita pada peringkat sekolah, guru dan sebagainya banyak tertumpu pada soal untuk mencapai gred, orang kata *straight A's*, cemerlang. Oleh sebab itu, urusan-urusan di sekolah banyak menjurus ke arah itu.

Disebabkan itu juga ada tanggungan-tanggungan kerja yang bertambah. Ini pastinya akan membebankan guru. Di samping itu juga membebankan pelajar umpamanya kerana mereka tahu mereka akan diukur tahap pencapaian, berdasarkan peperiksaan itu. Maka ibu bapa yang *concern* menghantar anak mereka untuk mengambil tuisyen walaupun sekolah telah menyediakan sistem pelajaran yang boleh dikatakan baik tetapi bukan setakat yang baik, mereka hendak yang cemerlang. Maka itu mereka terpaksa juga menghantar anak mereka ke tuisyen. Tidak salah. Bukan saya mengatakan salah tetapi kos untuk membiayai tuisyen yang saya dimaklumkan berbilion setiap tahun, memberikan keuntungan kepada pihak-pihak tertentu. Mungkin ada baiknya tetapi ini adalah kesan daripada itu. Saya boleh jelaskan dengan panjang lebarnya.

Jadi, setelah diteliti pada peringkat kementerian dengan mendalam, sudah beberapa tahun malahan banyak pakar mengatakan sepatutnya sudah lama dibuat, mengapakah sekarang

ini dilakukan? Jadi, saya sebagai Menteri Pelajaran membuat satu orang kata pengumuman yang mahu supaya masyarakat agak respons dan baik juga apabila respons itu saya mendapat tahu sendiri. Kalau tidak saya boleh mendengar daripada satu puak atau dua puak. Akan tetapi di sini dalam media dan sebagainya, dalam kenyataan itu saya dapat mengukur sama ada kenyataan mereka itu tepat atau tidak...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Mungkin itu kita akan teliti. Saya sebutkan tadi, bukan peperiksaan tidak penting. Setiap orang pelajar yang pergi ke sekolah mesti diukur tahap pencapaian mereka tetapi cara bagaimana? Adakah dengan *public exam* yang menjadikan perkataan pokok di situ ialah *public*. Jadi kalau tidak ada *public exam*, kita hendak mencadangkan sebagai contoh, selagi kita belum memutuskan, ini penilaian berasaskan sekolah. *Assessment* dibuat setiap tahun.

Saya sebagai ibu bapa hendak mengetahui anak saya belajar di sekolah apakah pencapaian mereka. Kita mahu mengukur berdasarkan satu ukuran yang boleh dikatakan objektif bukan dinilai dalam sistem tidak tersusun. Jadi, dalam cadangan yang saya sebutkan, saya telah menyebutkan tadi mungkin kita hendak memperkenalkan penaksiran berasaskan sekolah, *school-based assessment*. Maknanya di setiap sekolah ada sistemnya dan sistem ini hendak kita seragamkan, yang mana Lembaga Peperiksaan akan nanti menentukan apakah bentuk soalan yang boleh disediakan oleh guru. Apabila sudah diukur, maka pelajar itu akan diketahui kedudukannya, bagaimana pencapaian dan sebagainya.

Jadi, bukan makna hendak dihapuskan sistem. Maknanya tidak ada penilaian. Saya tidak bersetuju, sehingga ke Tingkatan 5 barulah ada SPM untuk menilai. Saya pun tidak bersetuju. Jadi, maknanya menggantikan sistem peperiksaan awam pada satu sistem taksiran yang berasaskan sekolah. *Details* nya belum kita maklumkan tetapi ini sudah diteliti, dikaji dan didapati mungkin sesuai kerana diamalkan di banyak negara. Mungkin Ahli Yang Berhormat kata, "*itu di negara lain, lain caranya, di Malaysia lain caranya.*" Akan tetapi saya fikir tidak banyak beza dalam soal peperiksaan.

Pokoknya ia tidak akan menjejaskan soal pembelajaran sebab soal cara guru mengajar, cara murid belajar, itu serupa. Akan tetapi bagaimana hendak dinilai sama ada diadakan *public exam* ataupun dengan sistem penilaian yang saya sebutkan tadi. Ini yang kita kemukakan, yang banyak saya dengar tadi, dia tidak setuju atau setuju tetapi tidak ada cadangan bagaimana cara untuk mengatasi cadangan saya, untuk katalah kalau tidak diadakan UPSR dan PMR. Apakah gantian dan sama ada sistem yang menggantikannya adalah yang lebih baik daripada sistem yang ada sekarang.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya hendak bertanya mengenai *Select Committee*. Adakah kerajaan akan menyediakan satu *Select Committee* untuk menyiasat?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Saya tidak berfikir ia perlu Tuan Yang di-Pertua fasal ini tanggungjawab pada peringkat kementerian, bukan pada urusan Parlimen sahaja. Kita akan beritahu tetapi kalau Yang Berhormat ada idea yang hendak disampaikan kepada saya, saya bersedia untuk menerimanya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang saya hendak respons secara ringkas. Kita di dalam sistem sekolah sekarang dengan peperiksaan mesti dirombak. Mesti dirombak. Memang saya bersetuju dengan itu. Walau bagaimanapun, kita mesti mempertimbangkan dengan secara mendalam kerana kualiti-kualiti guru kita. Bukan semua guru yang baik. Ada yang baik, ada yang tidak, kualiti guru kita. Di setiap sekolah bagaimana kita boleh dapat penilaian yang baik daripada setiap sekolah? Ini sememangnya penting.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua ada berkaitan. Ini kerana kita ada banyak buku. Terlalu banyak buku pun tidak guna juga. Dia memang ada tuisyen dan sebagainya. Di sini bolehkah Yang Berhormat mempertimbangkan secara ringkas bagaimana kita boleh menyemai sikap, pandangan dan fikiran daripada Tahun Lima lagi, sikap untuk menyelidik dan inovasi kerana di Malaysia tidak ada. Memang tidak ada dan yang penting kita hendak merombak secara konstruktif, kita menyemai semangat dan fikiran untuk menyelidik dan berinovasi sejak dari prasekolah lagi. Disebabkan itulah saya memang boleh berhujah berjam-jam.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Walau bagaimana pun, berjam-jam. Kita secara ringkas, saya berharap Yang Amat Berhormat dapat berfikir dengan secara mendalam bagaimana kita boleh menyemai semangat yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Saya sebenarnya memohon Yang Berhormat Menteri mengkaji semula yang mana membangkitkan isu penilaian ataupun peperiksaan sebagai satu isu yang perlu ditekankan sekarang. Bagi saya, isu yang sekarang ini masih lagi pada peringkat isu *assess*, isu yang kita panggil *enabling factor*, dengan izin. So, jadi pada pandangan saya apa yang saya katakan sebagai 3T itu (*Talent, Technology and Truth*). Kuncinya di sini ialah saya menggesa kerajaan memastikan projek 100 *million laptops*, seperti yang dibuat oleh MIT itu yang mampu dibuat oleh kerajaan supaya pelajar-pelajar Malaysia mendapat sebuah *laptop* seorang itu, dipercepatkan.

Ini kerana bagi saya apabila dia ada teknologi, *talent* akan berkembang, *enabling factor* ada, komputer atau *laptop* itu, benda-benda tafsiran itu akan datang secara *natural*. Akan tetapi pada pandangan saya, mudahkan dahulu untuk mereka mendapat akses informasi iaitu projek *laptop* itu perlu diteruskan, yang USD100 per *laptop* yang dibuat oleh *MIT Media Lab* itu patut diguna pakai oleh Kerajaan Malaysia.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang benar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kepong tadi iaitu kualiti guru itu adalah satu yang paling utama. Apa-apa pun kita hendak merombak, hendak buat sistem apa sekali pun, kita perlu memiliki tenaga perguruan yang pakar dan mahir. Disebabkan itu, proses latihan perguruan ini dibuat secara berterusan.

Apabila kata hendak buat itu sebelum itu pun kita buat perancangan maka guru mesti dilatih semula, *retraining* untuk *skill* seperti yang kita sebutkan dia mesti *interact*, kreatif, inovatif dan sebagainya. Memang pun komponen itu sudah ada tetapi bagaimana guru itu boleh jadi lebih kreatif dan inovatif. Jadi, ini perlukan bentuk-bentuk latihan dan latihan kita buat secara berterusan. Cumanya kerana jumlah guru kita ini agak besar. Jadi, ia akan mengambil masa.

Keduanya ialah bahawa kualiti guru juga tidak lari daripada soal dia mempunyai kelayakan dan telah pun saya sebutkan di dalam Dewan ini juga bahawa dalam tempoh yang sekarang ini mungkin di sekolah rendah lebih kurang 27% adalah graduan yang mengajar.

#### ■1220

Tahap yang hendak kita sasarkan ialah 60%. Dalam tempoh RMKe-10 ini, hendak naikkan bilangan supaya yang mengajar di sekolah rendah pun adalah guru-guru yang berkelayakan ijazah dan terlatih dalam bidang itu. Ini sasaran kita. Makin rendah di sekolah itu - macam sekolah rendah, maka lebih penting. Itu adalah guru yang terlatih dan yang ada kemahiran dan ada kelulusan. Ini pun sudah kita putuskan dan kita akan melaksanakan secara berperingkat.

Ini - apa pandangan Yang Berhormat tadi betullah, kalau boleh kita sediakan. Akan tetapi tanggungjawab ini bukan hanya terletak pada pihak kerajaan untuk menyediakan setiap pelajar dapat satu komputer. Saya tahu di sesetengah kerajaan negeri mereka ada bantu - ada pihak sekolah mengambil inisiatif, tetapi ibu bapa dan keluarga juga penting. Akan tetapi, di samping itu di mana kita hendak perkukuhkan teknologi pembelajaran, teknologi di sekolah itu dengan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti ini. Setiap sekolah ada bahagian ICT yang boleh digunakan secara berkongsi. Akan tetapi saya sedar bahawa ini belum lagi mencukupi kerana jumlah pelajarnya ramai. Ini tidak mungkin akan dapat mempercepatkan proses menimba ilmu lebih menerusi sistem teknologi maklumat. Jadi ini rancangan kita dari segi masa panjang, memang ada untuk kita tingkatkan dari segi penggunaannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk memperkasakan sekolah kebangsaan, menjadikan sekolah utama untuk ibu bapa, maka mata pelajaran Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan akan diperluaskan. Dalam konteks ini, kepelbagaian kemahiran berbahasa dapat di perkasa di sekolah tersebut, di samping membantu meningkatkan keupayaan integrasi di antara kaum yang bertepatan dengan usaha kerajaan untuk merealisasikan konsep 1Malaysia.

Untuk tujuan ini, semua sekolah akan dibekalkan dengan guru opsyen berkenaan secara berperingkat-peringkat untuk mengajar bahasa tersebut. Usaha ini secara tidak langsung akan membuka ruang dan peluang kepada semua pihak yang berkelayakan dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menjadi guru termasuklah lulusan UEC. Di samping itu, penempatan guru-guru akan dikaji semula secara komprehensif dengan menempatkan di mana-mana sekolah sama ada di sekolah kebangsaan jenis kebangsaan Cina, jenis kebangsaan Tamil dan sebagainya mengikut opsyen kepakaran mereka dan bukan mengikut kaum ataupun lokasi.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga terus berusaha untuk memperluaskan pendidikan pra sekolah terutama di luar bandar dan pedalaman...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** ...Khususnya di tempat-tempat yang masih tidak mempunyai akses pendidikan. Oleh itu untuk makluman Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Sarikei, dan Yang Berhormat Sri Aman, penyediaan kemudahan pendidikan pra-sekolah seperti di rumah-rumah panjang dan pusat komuniti setempat akan terus diberikan perhatian khusus. Ini adalah untuk memastikan semua kanak-kanak sewajarnya mendapat asas pendidikan walau di mana mereka berada - sebagai biasanya bolehlah saya katakan begini; sekiranya kanak-kanak tidak pergi ke sekolah, maka sekolah akan mencari mereka.

Oleh itu sebagai langkah permulaan, pada 26 Jun 2010 yang akan datang ini, saya akan merasmikan pelancaran pra-sekolah rumah panjang di Sarawak - Kampung Sapak di Pantu, Sri Aman. Perlu ditegaskan bahawa perluasan program pra-sekolah di rumah panjang ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan mengikut kemampuan kewangan semasa kerajaan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional prihatin kepada keperluan semua rakyat tanpa mengira lokasi ataupun kaum walaupun terpaksa menanggung kos yang tinggi.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya ada membangkitkan itu bahasa ibunda Cina, Mandarin dan Tamil. Sukacita saya dengar Yang Amat Berhormat berkata, bahawa ini bukan satu dasar yang baru, dari 53 tahun dahulu pun serupa juga. Akan tetapi hakikatnya, kita kekurangan guru-guru Cina dan Tamil di sekolah kebangsaan. Nampaknya tidak ada inisiatif atau sesuatu yang kena supaya ada sekurang-kurangnya guru kepada semua dalam semua sekolah kebangsaan.

Kedua, iaitu adakah kerajaan akan mewajibkan masyarakat Cina dan masyarakat India untuk mempelajari bahasa ibunda di sekolah kebangsaan. Kalau tidak, kenapa tidak? Mengenai pembaharuan, pembinaan sekolah-sekolah baru Cina dan Tamil dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Nampaknya tidak apa-apa dasar dikatakan walaupun kerajaan mengatakan mengagihkan RM70 juta untuk sekolah Tamil yang *pittance*, berbanding dengan sekolah-sekolah lain. Juga wang yang diagihkan untuk sekolah Cina pun *pittance*, dan apakah yang akan dibuat supaya murid akan mendapat *equal treatment* dalam sekolah-sekolah? Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, soal *people's own language* ataupun bahasa ibunda di sekolah ini memang bukan dasar baru. Sudah lama tetapi orang kata tidak dilaksanakan sepenuhnya. Jadi sebab itu saya bersetuju supaya kita laksanakan, perluaskan. Jadi adalah orang kata peluang untuk sesiapa yang hendak menghantar anak ke sekolah kebangsaan, kalau mereka daripada di kalangan Tamil ataupun Cina, ia boleh belajar bahasa ibundanya.

Sekarang ini lebih kurang 500 buah sekolah sahaja yang menyediakan. Jadi kita mahu tingkatkan, sebab itu saya sudah sebutkan untuk itu kita perlu tambah guru, yang memang peringkat ini kalau tidak ada memang bilangan guru agak berkurangan. Jadi langkah yang telah kita umumkan baru-baru ini umpama, kita *recognized* ada sedikit orang kata *career path* untuk mereka yang ada UEC. Dengan ada sedikit - orang kata penambahan SPM, maka bolehlah kita hantar untuk menjadi guru dilatih di institut perguruan kita dan selepas itu empat tahun ia akan keluar untuk menjadi guru Bahasa Cina.

Saya belum meneliti lagi, bagaimana kita hendak menampung kekurangan guru bahasa Tamil. Kalau Yang Berhormat Ipoh Barat tahu, boleh ada orang-orang yang agak pakar mahir, kita akan ambil mereka, hantar mereka dan berkursus di IPGM kita dan lepas itu dapat menampung. Saya fikir jumlah pun agak ramai kerana kita ada lebih kurang 7,000 sekolah rendah di seluruh negara. Jadi kalau kita hendak perluaskan, sekurangnya 7,000 guru Bahasa Cina dan 7,000 guru Bahasa Tamil, sekurang-kurangnya untuk ditempatkan di semua sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan. Jadi ini satu bilangan yang agak besar Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Pembinaan sekolah baru Tamil dan Cina?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Untuk penjelasan, sama ada ini *Chinese and Tamil class* di sekolah kebangsaan, ia merupakan POL sahaja atau ia akan juga dibenarkan murid-murid yang lain yang minat juga boleh belajar - itu yang pertama.

Kedua, bolehkah kita di sekolah Tamil juga boleh adakan kelas Mandarin supaya mereka juga berpeluang untuk mempelajari bahasa Mandarin sekiranya mereka hendak. Mengenai sekiranya kita mengiktiraf *Unified Examination Certificate*. Jadi saya rasa kita tidak akan menghadapi masalah kekurangan guru berbahasa Mandarin, berkelayakan Mandarin. Akan tetapi saya juga hendak minta, bolehkah kita terus mengiktiraf *Unified Examination Certificate* (UEC) sebagai satu kelayakan untuk kemasukan universiti kerajaan? Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Ipoh Barat tadi ada yang saya belum jawab. Jadi soal hendakkan mewajibkan - setakat ini kita tidak wajibkan iaitu opsyen, pilihan mereka dan saya fikir kalau kita sudah sediakan itu mungkin mereka mahu mengambil, ada peluang untuk mereka belajar di sekolah-sekolah itu. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi untuk bantuan untuk sekolah-sekolah

jenis kebangsaan ini. Kita sedang timbang atas kes-kes yang tertentu kerana saya juga ada berjumpa dengan banyak pihak pemimpin politik yang minta supaya kita tambah peruntukan. Akan tetapi saya berikan gambaran bahawa kita mempunyai sejumlah 10,000 buah sekolah kebangsaan, 1,000 jenis sekolah kebangsaan Cina, 500 sekolah jenis kebangsaan India. Jadi dari segi *amount* ataupun jumlah yang besar keperluan itu untuk sekolah kebangsaan.

Jadi saya beri gambaran untuk Sabah dan Sarawak sebagai contoh. Banyak sekolahnya dalam keadaan yang agak uzur dan memerlukan kita membangunkan semula, bina semula. Dari segi kosnya, jumlahnya tidak mencukupi kalau dibandingkan dengan peruntukan yang telah lulus RMK-9 dan RMKe-10, kerana keperluannya adalah amat besar sekali. Sebab itu dari segi pengagihan, apabila dikatakan adil, istilah adil itu - adil mestilah berdasarkan *needs*, keperluan dan juga bilangan. Saya pasti boleh *confirmed* kita memerlukan lebih banyak peruntukan untuk membaiki, membetulkan, menambah bilik darjah, membina sekolah baru di sekolah kebangsaan daripada jenis kebangsaan.

■1230

Akan tetapi atas dasar pertimbangan tertentu, kita telah luluskan juga dan saya mungkin hendak minta kerjasama daripada Yang Berhormat juga kerana di kalangan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil dan juga Cina Tuan Yang di-Pertua, ada peratus yang dikatakan sekolah kurang murid dan kos untuk kerajaan menanggung sekolah kurang murid ini jauh lebih tinggi daripada kos menanggung sekolah kebangsaan. Kalau ikut per sekolah lebih kurang RM7.4 juta per sekolah berbanding dengan sekolah kebangsaan RM6.4 juta. Jadi mana pasal murid kurang.

Ada sesetengah sekolah itu gurunya tujuh orang, muridnya tujuh orang juga Tuan Yang di-Pertua. Ini banyak berlaku dan sekolah jenis kebangsaan Cina, 200 lebih dan ini apabila saya berbincang dengan pemimpin MCA pun, saya minta kerjasama. *What do we do with these schools?* Bagaimana caranya dan kalau kita kata boleh minta pindahkan ke tempat lain, saya tidak ada halangan kalau ada keperluan untuk atas dasar *needs* keperluan kawasan-kawasan yang berkenaan tadi...

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Minta penjelasan.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Biar saya jawab dahulu, bagi saya peluang jelaskan dahulu. Tuan Yang di-Pertua, pasal sama ada pelajar-pelajar yang bukan Cina dan Tamil...

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Saya hendak tanya tentang perpindahan sekolah, sekolah perpindahan ini, boleh?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Biar saya jelaskan dahulu. Murid-murid yang bukan Cina dan Tamil dia boleh belajar, cucu saya dia belajar bahasa Mandarin...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Saya sudah tua...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Guru-guru.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Dapat 'A', *distinction*. Okey, dia boleh belajar, tiada halangan dan saya fikir mungkin kalau sudah ada disediakan guru, anak-anak Melayu hendak belajar boleh ambil dan mungkin dia juga sama cemerlang dengan bukan Melayu. *That is the intention* dan ini adalah satu peluang untuk mereka. Akan tetapi untuk menyediakan guru *mandarin* di sekolah Tamil, saya fikir susahlah. Kita belum selesai lagi sekolah kebangsaan, jadi biar kita *pragmatic* dalam soal ini..

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Bila hendak *start*?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** ...yang penting kita hendak tumpukan bagaimana kita hendak perkukuhkan sistem yang sudah sedia ada. Yang ini saya sudah sebutkan tadi, kita akan cuba laksanakan secara berperingkat-peringkat.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya hendak minta sedikit penjelasan daripada Timbalan Perdana Menteri. Tadi Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa memang ada SJK(C), SJK(T) di mana jumlah muridnya tidak cukup, tidak banyak. Jadi susah kita hendak menanggung kos-kos untuk sekolah-sekolah macam itu. Jadi saya rasa perpindahan sekolah di sini memang bukan satu isu, saya rasa masyarakat Cina dan masyarakat orang India, mereka juga berharap bahawa sekolah-sekolah ini boleh dipindahkan kepada tempat di mana kita mempunyai lebih banyak murid-murid.

Akan tetapi masalahnya adalah dasar KPM mengenai perpindahan sekolah adalah bahawa sekolah-sekolah yang diluluskan perpindahan disyaratkan mencari tapak sendiri dan bukan tanah rizab pendidikan. Jadi saya hendak tanya di sini, tiada masalah untuk SJK(C) ataupun SJK(T) dipindahkan ke tempat yang lain tetapi kenapa mereka tidak diizinkan untuk menggunakan tanah rizab pendidikan. Ini jawapan daripada kementerian pada November tahun lalu. Jadi saya hendak tanya, ini 1Malaysia ke? Ini 1Malaysia bahawa di mana sekolah kebangsaan boleh menggunakan tanah rizab pendidikan tetapi di sebaliknya SJK(C), SJK(T), mereka tidak diizinkan untuk menggunakan tanah rizab pendidikan. Kenapa itu? Kenapa kita perlu, kenapa SJK(C) dan SJK(T) perlu cari tanah sendiri. Saya rasa ini bukan 1Malaysia dan SJK(C) dan SJK(T) dengan jelasnya telah dianaktirikan oleh Barisan Nasional...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Betul kah?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Malaysia Boleh!

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** [Ketawa]

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Malaysia Boleh! Sebenarnya inilah 1Malaysia Tuan Yang di-Pertua, yang bertunjangan kepada Perlembagaan, itu disebutkan oleh Perdana Menteri, itu prinsipnya. Dalam soal ini bukan kita menganaktirikan, kita harus mengutamakan sistem pendidikan kebangsaan, itu yang telah diluluskan...

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** SJK(C) dan SJK(T) juga sebahagian daripada...

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Ya, ya...

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** ...Sistem pendidikan kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Biar saya jelaskan

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Bukan kita menafikan. Saya fikir Malaysialah negara yang agak begitu, orang kata baik hatinya kerana sudah pun termaktub dalam Perlembagaan. Kita bagi respek dan membiarkan supaya masyarakat bukan Melayu, Cina dan India bagaimana sejarahnya membina sekolah-sekolah seperti ini. Kita tidak sekat dan tidak halang pun sehingga tidak ada peruntukan dalam undang-undang membolehkan menteri tutup sekolah pun. Itu sudah dibahaskan dalam sesi Parlimen pada masa-masa yang lepas. Cumanya soal ini, pro-rata ataupun prioriti Tuan Yang di-Pertua, kerana yang disebutkan Yang Berhormat tadi, dasar ini dahulu apabila hendak bina sekolah-sekolah jenis kebangsaan ialah boleh, dengan syarat pihak masyarakat menyediakan tapak, kenapa begitu?

Kerana kerajaan hendak mengutamakan sekolah-sekolah kebangsaan. Kita tidak mempunyai tapak, mungkin Yang Berhormat akan kata, di kawasan saya ada tapak, tapak itu sekolah kebangsaan kenapa tidak dibagi sekolah Cina? Saya kena melihat perancangan bukan untuk waktu ini, setahun, dua tahun, lima tahun, waktu mana saya perlu bina sekolah kebangsaan saya terpaksa mencari tapak yang kosnya terlalu tinggi. Kita ada perancangan, tiap-tiap kawasan, tiap-tiap tahun ataupun dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh sebagai contoh, membina sejumlah bilangan sekolah. Memang kita perlukan tapak-tapak itu dirizabkan supaya bila waktu mana ada jumlah penduduk-penduduk mereka tinggal di situ memerlukan sekolah, maka perlulah waktu itu kita cari tapak dan kita bangunkan, kalau tidak kita akan berhadapan dengan masalah.

Sebab itu, saya hendak minta supaya ada persefahaman dalam soal begini. Bukan hendak sekat, hendak halang malahan kita bantu. Saya telah jelaskan, ada orang kata kita tidak sokong sebagainya, pasal ini sudah jadi *legacy*, kita terima kenyataan. Ini tidak boleh dinafikan sekolah jenis kebangsaan dan sekolah Cina serta Tamil, jenis kebangsaan sudah ada dalam sistem pelajaran dalam negara kita...

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Cuma yang kita minta ialah kerjasama kerana kerajaan Barisan Nasional yang dikatakan tidak adil tadi. Tuan Yang di-Pertua, mungkin pun juga tidak berapa sedar bahawa kita belanja RM1.8 bilion setiap tahun untuk membayar gaji lebih kurang 32,000 guru yang mengajar di sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, Tuan Yang di-Pertua. RM1.8 bilion, Yang Berhormat mungkin daripada DAP tahu ataupun tidak tahu tetapi tidak pernah hendak disebutkan. Ini adalah sokongan Kerajaan Pusat untuk membantu supaya sekolah ini dapat terus berjalan dengan kita membayar gaji setiap guru-guru mereka.

Ini satu peruntukan yang besar, jadi itu juga hendak diambil kira. Jadi soalnya dalam soal pelajaran ini, saya hendak minta supaya ada *understanding* dan kerjasama daripada masyarakat yang bukan Melayu yang mahukan supaya kerajaan bantu, kita bantu, kita sediakan guru, kita bayar gaji. Tidakkannya masyarakat tidak boleh menyediakan tapak, di mana waktu mana yang kita peruntukkan, kita berikan peruntukan. Umpama dalam pakej *pre-emptive*, lebih kurang RM95 *million* yang masih tersedia ada untuk kita gunakan tetapi masalahnya tapak tidak dapat disediakan.

Oleh itu, soal pokoknya bukan sebab kita tidak mahu bagi, saya pun kena ambil kira sebagai Menteri Pelajaran kalau kita hendak bangunkan sekolah kebangsaan, tapaknya kita kena cari juga. Sebab itu saya kira dalam kes-kes tertentu ada dan ini sudah pun berlaku. Saya beri contoh di Hulu Selangor. Saya pergi sendiri, kita beri peruntukan RM3 bilion, sebab itu kita menang ya...

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Kita bagi untuk sekolah apa pun saya tidak ingat, yang dipindahkan. Tapak itu sudah pun dijadikan untuk tapak sekolah jenis kebangsaan Cina.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Bermakna nilainya lebih daripada RM3 *million*, jadi kalau dikatakan tidak bantu sudah ada bukti kita sudah bantu.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Menyampuk]*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Akan tetapi soal pilihan raya atau tidak pilihan raya, kita bagi sepanjang masa.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *By election* kerajaan bagilah, semasa *by election*, bukannya selepas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Kita bayar gaji...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, *I will allow...*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Itu dasar dia.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** ...RM1.8 *billion* setiap tahun Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya cuma akan benarkan...

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** ...Tidak perlu pilihan raya kita bayar gaji. Tidak tanya sama ada dia sokong DAP atau sokong PAS ataupun BN. Pasal apa? Soal pendidikan. Jadi... *[Dewan riuh]* Saya hendak supaya...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** ...Masyarakat bukan Melayu mengambil kira soal sumbangan Kerajaan BN itu. *It is not small* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. RM1.8 bilion setahun dan bukan baru. Sudah dekat berpuluh-puluh tahun, jadi angka ini adalah satu angka besar. Saya tidak fikir Kerajaan DAP di Pulau Pinang menyediakan peruntukan sebanyak itu...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Ketawa]*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Dia bagilah RM2-RM3 juta agaknya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Pendapat dan hasil dia...

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Dia bagi RM2-RM3 juta Tuan Yang di-Pertua, dia gempak seluruh dunia RM2-RM3 juta.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Ketawa]*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Yang kita bayar RM1.8 bilion tidak ada gempak pun.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *That is the obligation of the government.*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya benarkan penjelasan kalau dibuat secara berhemah. Jangan perbahasan yang begitu baik kita dengar selepas itu ada *sidekick-sidekick* politik itu, saya tidak benarkan itu. Nanti saya akan menggunakan kuasa saya di bawah 37(2) kerana masa tidak mengizinkan. Saya sudah beberapa kali sebut.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila. Yang Berhormat Bagan saya beri peluang.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya hendak tanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa apabila kita sebut tentang peruntukan, kita sebut ialah tentang peruntukan pembangunan dan kalau kita lihat dari segi peratusan. *So*, kalau yang disebut tadi tentang gaji memang RM1.8 bilion tetapi kalau segi gaji secara keseluruhan, kalau kita lihat dalam peratusan khususnya dalam bentuk pembangunan ia amat berkurangan. Ini adalah disebabkan kalau kita lihat di bawah RMKe-9, sungguhpun ada pelajar sebanyak 22% dari segi jumlah pelajar tetapi peruntukan pembangunan yang diberikan hanya setakat 3.6%.

*So*, itu yang kita minta, kita tidak minta lebih. Kita minta berdasarkan bilangan murid, kalau bilangan murid di kalangan semua pelajar adalah 20%, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mempertimbangkan berikan juga 20% dalam aspek peruntukan pembangunan.

Saya rasa itu sahaja, tidak minta lebih daripada itu iaitu selaras dan selari dengan jumlah pelajar yang ada sekarang. Itu sahaja sekian.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Kita tidak boleh buat seperti itu Yang Berhormat, ia berdasarkan *ratio* pelajar. Kita ambil infrastruktur kerana ia soal pembangunan pelajar itu. Kita bayar gaji guru, kalau per kapita memanglah kosnya lebih tinggi di sekolah jenis kebangsaan daripada sekolah kebangsaan. Akan tetapi soal peruntukan pembangunan saya kata kita kena ambil kira secara holistik, melihat keperluan kepada keseluruhannya. Oleh sebab kita perlu menanggung lebih 5.6 juta pelajar dan ia tersebar ke seluruh negara termasuk pendalaman di Sabah. Di Tutuh Apuh, mungkin Yang Berhormat pun tidak pernah tahu di mana ia yang saya terpaksa tengok hari itu sekolah itu sudah hendak runtuh. Setahun hanya 12 bulan tetapi ia tenggelam 18 kali Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, dengan sebab itu saya kata kena bina baru. Kosnya berapa? Kalau di sini mungkin RM10 juta dan banyak sekolah jenis kebangsaan semuanya dalam bandar. Akan tetapi di situ RM56 juta. Jadi, kalau kita agihkan mengikut formula itu saya fikir tidak adil. Oleh sebab itu saya mengambil langkah sebegitu bukan kerana apa, kerana ada keperluan itu dilihat pada dasar yang dibahagikan itu ialah dasar yang adil. Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya sambung?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai program PERMATA seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Sri Gading. Ingin dijelaskan bahawa pelaksanaan program PERMATA pada masa ini masih di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun, mulai tahun 2012, program tersebut akan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pelajaran Malaysia dengan tujuan untuk menyelaras dan mengintegrasikannya ke dalam sistem pendidikan formal. Selaras dengan itu, pada masa ini Kementerian Pelajaran Malaysia sudah pun melaksanakan pelbagai persiapan rapi khususnya dalam pengurusan dan pentadbiran program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan PERMATA Sukan seperti yang pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jempol. Sebenarnya usaha untuk menggilap bakat-bakat sukan telah pun dimulakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Dua buah sekolah sukan telah pun diwujudkan untuk mengasah bakat-bakat murid yang berpotensi dalam bidang berkenaan.

Selain itu sekolah sukan negeri telah juga ditubuhkan untuk menampung keperluan murid yang berbakat. Malahan saya telah pun mengarahkan kementerian supaya melaksanakan dasar mewajibkan setiap murid menyertai sekurang-kurangnya satu sukan mulai tahun 2011.

Bagi merealisasikan dasar ini, saya akan memastikan peruntukan yang mencukupi disediakan di dalam RMKe-10 dan hasrat ini bukan sahaja untuk melahirkan atlet-atlet yang boleh dibanggakan tetapi juga modal insan yang pakar di dalam pelbagai bidang pengurusan

sukan. Selain itu, budaya bersukan seharusnya dipupuk di peringkat sekolah lagi sebagai satu bentuk riadah bersesuaian dengan slogan 'Otak yang cerdas, lahir daripada badan yang sihat'.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Ipoh Barat. Matlamat asal penubuhan kolej matrikulasi ialah untuk mengimbangi kemampuan akademik kaum bumiputera berbanding bukan bumiputera dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Hakikat bahawa keupayaan akademik dan kemampuan kewangan kaum bumiputera agak terkebelakang harus diterima oleh semua pihak. Justeru, kolej matrikulasi diwujudkan bagi memastikan kaum bumiputera mempunyai peluang dan mampu bersaing dalam menimba ilmu pengetahuan.

Namun demikian, atas dasar toleransi terhadap masyarakat majmuk di negara ini, kerajaan membuka 10% peluang kepada murid-murid bukan bumiputera untuk masuk ke kolej matrikulasi. Saya tidak mahu perkara ini terus dipolitikkan sebagaimana dakwaan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan wujudnya pilih kasih ataupun tiada ketulusan dalam pemilihan kemasukan ke dalam kolej matrikulasi yang tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat Ipoh Barat, kemasukan ke kolej tersebut adalah berasaskan kepada kuota yang telah ditetapkan dan apa yang berlaku adalah persaingan di antara murid-murid yang terbaik mungkin mengikut kuota yang telah pun ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Minta penjelasan. Mengenai pengambilan pelajar-pelajar ke kolej matrikulasi, bolehkah kerajaan kaji balik bahawa selepas kerajaan mengaku bahawa biasiswa yang diberi di mana kuota itu telah diubah dikatakan 55% hingga 45%. Bolehkah situasi yang sama diguna pakai di matrikulasi? Jikalau tidak, bolehkah sekurang-kurangnya lebih banyak kolej-kolej matrikulasi dibina supaya anak-anak kita tidak mengambil kisah apakah bangsanya Melayu, Cina, Kadazan, Iban, Orang Asli dan sebagainya, tetapi asalnya *the benchmark* adalah nombor satu adalah *needs base and merit base*. Itu yang mustahak. Bolehkah ia dilaksanakan? Jikalau tidak, mengapa?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah sebutkan prinsip asas mengapa kolej matrikulasi diperkenalkan. Saya tidak hendak berselindung kerana itu sudah lama dimulakan. Akan tetapi, atas desakan dan tuntutan-tuntutan pelbagai pihak, maka kerajaan telah bersetuju untuk memperuntukkan daripada apa yang ada ialah 10%.

Memang sekarang ini pun saya tahu bahawa permohonan untuk masuk ke matrikulasi itu adalah amat tinggi sekali. Lebih 100,000 yang mohon untuk lebih kurang 20,000 tempat Tuan Yang di-Pertua. Jadi, di kalangan bumiputera, bukan bumiputera, dan sesiapa pun ada cemerlang. Saya sedar sendiri, tetapi tidak mampu kesemuanya disediakan tempat yang dikehendaki. Disebabkan itu kita terpaksa orang kata menolak dan menimbulkan rasa tidak puas hati.

Kedua, apabila kita terima sekarang ini ada rayuan yang telah dikemukakan daripada sejumlah yang saya sebutkan tadi hampir 18,000 yang telah merayu semula kepada pihak kementerian untuk menimbang semula. Ini kita sedang teliti kalau boleh kita tokok sedikit lagi dengan ruang tempat yang sedia ada insya-Allah kita akan lakukan dan saya akan umumkan dalam tempoh yang terdekat ini.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat. Di sini saya rasa kita mungkin perlu juga fikiran yang baru kerana dalam *enrollment* kepada universiti pada tahun ini saya lihat bahawa kebanyakan bumiputera melalui matrikulasi dan kebanyakan bukan bumiputera melalui STPM. Akan tetapi saya rasa pelajar yang pergi ke STPM semakin berkurangan kerana STPM merupakan satu peperiksaan yang amat susah berbanding dengan SPM dan matrikulasi. Ia dikatakan satu peperiksaan yang paling susah sekali.

Jadi, sekarang ada ramai ibu bapa yang kalau boleh kalau tidak bantu pun sedaya upaya untuk memilih *A-Level* sekiranya tidak mampu masuk ke matrikulasi, SPM dan mendapat biasiswa pergi ke *A-Level*. Saya rasa ini akan menjadikan bahawa 1Malaysia tiga aliran ataupun ini bukan 1Malaysia lagi. Setelah masuk ke universiti mungkin ia kita akan lihat *consequences* selepas ini. Jadi, saya minta kerajaan menimbang cadangan Yang Berhormat Ipoh Barat bahawa kita adakan matrikulasi *plus*. Sekarang kita ada matrikulasi untuk bumiputera okey, *fine*. Akan tetapi tambahkan untuk mereka non bumiputera yang datang daripada luar bandar, keluarga yang kurang berpendapatan tinggi dan juga OKU. Sekarang ini saya lihat OKU Yang Berhormat pun berjamuan dengan mereka tetapi tidak masuk mana-mana. Jadi, saya mohon supaya semasa kita merombak sistem pendidikan kita mesti fikir untuk mereka yang akan masuk ke universiti juga. Terima kasih.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri, satu soalan yang pendek dari Bakri, boleh?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Saya belum jawab lagi. Oh orang Bakri orang Muar.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Bersekali. Terima kasih Yang Berhormat. Baru-baru ini saya baca surat khabar Singapura, *Nanyang Siang Pau* menyatakan pelajar *O-Level* yang terbaik satu sekali lagi diambil oleh seorang pelajar Malaysia bernama Hua Yi Heng. Surat khabar tersebut gunakan perkataan 'satu sekali'. Apa pendapat Yang Berhormat tentang berita ini?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Minta maaf, saya kurang jelas soalan itu. Apa yang dimaksudkan tadi?

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Saya sebutkan semula lagi. Baru-baru ini surat khabar Singapura *Nanyang Siang Pau* menyatakan pelajar *O-Level* yang terbaik sekali lagi diambil oleh seorang pelajar Malaysia bernama Hua Yi Heng. Surat khabar tersebut gunakan perkataan satu kali lagi. Apa pendapat Yang Berhormat tentang berita ini, tentang pelajar cemerlang ini?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Baguslah. *[Ketawa]* Tahniahlah walaupun dia tidak ambil sistem pelajaran kita dia pergi ke Singapura ambil *O-Level, it is okay* lah. Kita tidak ada sekat tidak ada halang.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *Brain drain.*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Brain drain. [Menyampuk]*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Tidak ada, *brain drain* lama-lama dia balik juga, ada *brain drain*. Kita sudah ada dibincangkan nanti di dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini *talent cooperation* dan sebagainya, itu ada inisiatif kerajaan.

■ 1250

Saya tidak *worry* tentang soal itu kerana memang dalam sistem pelajaran pun banyak anak-anak kita yang mahu kerja di luar negara dan ibu bapa yang mahu menghantar ke laur negeri kita tidak halang. Jikalau dia dapat *distinction* atau *first class honors* di *Harvard* dan di *Oxford* kita rasa bangga. Saya tidak fikir kita rasa kecewa. Itu universiti yang bertaraf dunia.

Tuan Yang di-Pertua, soal apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam ini kita perlu teliti betul-betul kerana ini bukan satu perkara kecil. Saya tidak boleh mahu menjawab sama ada elok atau tidak. Akan tetapi pandangan-pandangan itu kita boleh ambil kira. Saya tidak kata kita setuju, *let's study* apakah perkara itu yang dikatakan STPM itu susah daripada matrikulasi dan sebagainya itu.

Saya fikir kita perlu lihat bagaimana supaya pelajar ini mesti diberikan peluang untuk mendapat keputusan yang baik berdasarkan sistem yang dikatakan adil. Apakah sistem sekarang ini tidak adil menyebabkan dia susah untuk lulus dan sebab itu tidak ada peluang untuk ke universiti? Saya tidak fikir begitu, kita perlu kaji. *Insyaa-Allah* kita akan teliti perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun mengamati isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Ranau, Sarikei, Sabak Bernam, Limbang, Rasah, Ipoh Barat, Bukit Bintang, Gopeng, Hulu Selangor, Lenggong, Baling, dan Sri Aman berkaitan infrastruktur. Prasarana dan juga bantuan pendidikan sebahagiannya pun saya telah jelaskan tadi. Kementerian amat menyedari akan keperluan untuk meningkatkan tahap infrastruktur dan prasarana pendidikan tanpa mengira lokasi dan juga jenis sekolah. Namun demikian, satu pendekatan yang lebih berkesan sedang pun dilaksanakan oleh kerajaan dalam hendak menentukan pembinaan sesebuah sekolah atau lain-lain kemudahan pendidikan. Pada masa ini, kementerian di peringkat akhir untuk melaksanakan auditan ke atas semua sekolah...

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Seterusnya, akan menetapkan keutamaan berdasarkan kepada keperluan sesebuah sekolah. Dalam konteks ini sekolah yang benar-benar memerlukan peruntukan akan diberikan keutamaan dan pertimbangan yang sewajarnya.

Soal lokasi atau pun jenis sekolah tidak timbul. Semua sekolah akan diberikan perhatian khusus supaya persekitaran dan pembelajaran yang kondusif dapat diwujudkan. Sehubungan itu, dalam menentukan senarai projek-projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, laporan auditan tersebut akan diguna pakai sepenuhnya atau dengan ringkasnya penetapan pembinaan sekolah baru atau penambahbaikan adalah berdasarkan kepada keperluan bukan berasaskan desakan mana-mana pihak.

Selain itu, saya juga telah mengarahkan kepada kementerian supaya membuat penilaian yang telus dalam pemberian bantuan kepada murid yang benar-benar layak untuk menerimanya. Saya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan pada mana-mana pihak yang khusus di bawah kementerian saya yang tidak amanah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Belud berdiri Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Sila.

**12.53 tgh**

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini berkenaan dengan audit Yang Amat Berhormat. Empat tahun yang lepas, saya berpeluang untuk mengiringi Menteri Pelajaran yang lalu pergi ke satu sekolah di kawasan pedalaman di negeri Sabah. Dalam program itu, ada satu penyampaian hadiah dan sebagainya. Kanak-kanak ini beratur dan naik ke atas pentas dan menerima sijil daripada Menteri. Apabila melihat keadaan fizikal budak-budak ini, Menteri bertanya kepada saya, budak-budak ini darjah berapa? Didapati budak-budak yang ada di depan matanya itu dalam darjah enam. Akan tetapi pembentukan fizikalnya dan keadaan kesihatannya nampak seperti darjah satu.

Jadi, kita berunding Yang Amat Berhormat dan saya telah membawa isu ini kepada Menteri yang berkenaan dan kementerian. Soal pertama sekali ialah masalah pemakanan iaitu Rancangan Makanan Tambahan (RMT). Ini kira masalah audit. Bertahun kementerian telah mengenal pasti masalah Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di pedalaman. *Not consuming the right nutritional value* dengan izin telah pun diperakui oleh bahagian sekolah dan sebagainya. Ketirisan dari segi peruntukan telah pun diperakui oleh Audit. Akan tetapi bertahun kita menunggu untuk menyelesaikan masalah ini. Masalahnya masih berlaku lagi terutamanya di kawasan pedalaman negeri Sabah Tuan Yang di-Pertua.

Saya berpendapat kita mempunyai permasalahan apabila saya ajukan soalan ini kepada pegawai-pegawai di kementerian salah-satu perkara yang mereka katakan ialah oleh sebab wang ini turun daripada kementerian kepada Jabatan Pendidikan dalam bentuk tunai. Kadang-kadang ada permasalahan di situ, nombor satu. Keduanya pula, apabila penyediaan makanan ini dibuat oleh operator kantin dan telah didapati jumlah makanan dan sebagainya tidak menepati piawaian, mereka memberitahu kepada saya bahawa kalau kita tarik peruntukan ini dan gunakan

*retort pouch* contohnya kantung makanan sistem baru itu, maka operator akan mengalami kerugian. Operator kantin telah tidak mempunyai pendapatan.

Jadi, saya minta kalau boleh Yang Amat Berhormat, pertamanya kalau RMT ini bukan tujuannya untuk membantu operator sekolah. RMT diberi kepada sekolah-sekolah untuk membantu nak-anak makan makanan yang seimbang. Kalau kita mahu membantu operator sekolah, kerana itu sebabnya kita beri kepada mereka tidak menggunakan *retort pouch* sistem ini, saya minta supaya kementerian mengadakan satu program tersendiri untuk membantu operator sekolah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, apakah kementerian bersedia untuk menggunakan sistem *retort pouch* ini atau pun sistem kantung makanan ini yang telah pun diperakui oleh SIRIM, Jabatan Kesihatan, dan Jabatan Kimia yang mempunyai sistem di mana *nutritional value* itu boleh diterima oleh pelajar-pelajar dan tidak lagi menggunakan sistem operator kantin yang menyediakan makanan tanpa piawaian yang sepatutnya. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju berkenaan pokok yang kita lakukan sekarang inilah untuk membantu supaya tumbesaran anak-anak kita itu tidak terganggu hanya kerana mereka tidak datang daripada keluarga miskin atau makanan mereka itu tidak yang berkhasiat. Mungkin itulah sebabnya dia sudah sampai Darjah 5 tetapi, seperti anak Darjah 1. Badannya agak kecil dan tidak membesar. Ini mengganggu saya fikir pembesaran otak dan sebagainya. Minta maaf seperti Yang Berhormat Ipoh Barat, ya.

Jadi, oleh kerana itu saya fikir kita akan teliti perkara ini. Memang RMT ini masih kita teruskan terutama kawasan-kawasan pedalaman disebutkan sebentar tadi memang kita mahu supaya diteruskan dan soal yang biasa timbul itu terutama di kawasan-kawasan pedalaman ini, pengurusan, dan juga pemantauan Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kerana sekolah itu jauh. Jadi, kadang-kadang operator kantin tidak mematuhi apa yang kita kehendaki. Ini yang timbul masalah ini. Jadi, kalau apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Belud itu satu langkah yang boleh menyelesaikan masalah pemantauan dan sebagainya kita kana ambil kira, *insya-Allah*. Saya ada sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh saya habiskan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan sentiasa menjaga kebajikan guru. Bukan sahaja menyediakan pelbagai elaun malah peluang kenaikan pangkat yang lebih luas bersesuaian dengan sumbangan dan bakti yang telah pun dicurahkan.

Namun begitu, masih kedengaran suara-suara yang menyatakan bahawa kualiti dan profesionalisme perguruan masih di tahap yang kurang memuaskan. Justeru, kementerian telah pun menetapkan syarat-syarat yang lebih ketat bagi kemasukan ke IPGM serta mencadangkan

pengambilan tenaga pengajar guru dari pasaran terbuka dilaksanakan bagi pendidikan tertentu seperti Pendidikan Vokasional dan Teknik.

Untuk maklumat Yang Berhormat Ledang, Jawatankuasa Khas mengkaji beban tugas guru juga telah ditubuhkan untuk mengkaji dan mengenal pasti syor serta cadangan bagi mengatasi masalah tersebut. Oleh itu, saya berharap apabila masalah beban tugas guru ini dapat ditangani, semua warga pendidik khususnya berupaya melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan dengan berkesan dan seterusnya mengangkat martabat profesion perguruan di kedudukan yang lebih tinggi serta dihormati oleh semua lapisan masyarakat. Kementerian juga sentiasa berusaha untuk memperkukuhkan lagi modul-modul latihan seupaya profesion perguruan dapat dimantapkan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya perelaskan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas perhatian, keprihatinan, teguran, dan sokongan yang berterusan oleh Ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh kementerian Pelajaran Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat daripada Kementerian Perusahaan, Perladangan, dan Komuniti. Sila. *One minute... [Ketawa]*

**12.59 tgh**

**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Ranau, Jasin dan Kanowit yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh mengenai bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan, dan Komuniti. Saya akan menjawab sekali mengikut isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara yang berkaitan dengan sektor getah terlebih dahulu. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua, kerajaan telah melaksanakan program Bantuan Bahan Tanaman Berkualiti bagi penanaman baru getah kepada pekebun kecil persendirian di Sabah dan di Sarawak. Peruntukan adalah sebanyak RM6 juta di mana bekalan anak benih getah berkualiti, baja dan racun rumpai diberi kepada pekebun kecil yang mempunyai tanah seluas di antara 0.7 hingga 1 hektar dan belum pernah menerima apa-apa bantuan daripada mana-mana agensi pelaksana. Bilangan pekebun kecil yang terlibat adalah seramai 2,859 orang iaitu melibatkan kawasan tanaman baru seluas 2,710 hektar. Setakat ini sebanyak RM3.8 juta telah dibelanjakan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat sambung sebelah tengah hari?

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Terima kasih Tuan Yang di-pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kita tangguhkan mesyuarat sehingga jam 2.30 petang nanti.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Menteri, saya ingin minta kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita ada 25 kementerian dan kita ada empat hari, esok kita tidak boleh sambung. Jadi, kalau mencelah pun berbangkit daripada ucapan Yang Berhormat Menteri yang tidak jelas, bukan untuk membawa idea baru dan mencelah dengan soalan bukan dengan ucapan Yang Berhormat. Dengan itu saya jemput Yang Berhormat Menteri. Sila Yang Berhormat.

**2.34 ptg**

**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyambung jawapan secara bersekali kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Ranau, Jasin, Kanowit dan Ketereh.

Spesifik menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ranau, setakat ini seluas 4,906 hektar kebun getah telah sedia wujud di Daerah Ranau. Memang benar masih terdapat tanah yang sesuai untuk penanaman getah. Oleh itu, satu projek mewujudkan kebun contoh seluas 257 hektar sedang diusahakan di kawasan Ranau pada tahun ini. Ini adalah tambahan kepada kebun contoh seluas 523 hektar yang diwujudkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Kementerian ini melalui Lembaga Getah Malaysia akan meneruskan bantuan bahan tanaman berkualiti kepada pekebun-pekebun kecil getah di seluruh negara di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Program seperti ini dilaksanakan bagi memastikan pekebun-pekebun kecil terlibat dengan penanaman getah akan mendapat hasil yang lebih baik pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan menaikkan kadar bantuan tanam semula getah, kerajaan telah meluluskan bantuan tambahan bernilai RM2,300 sehektar bagi pekebun kecil di Semenanjung Malaysia yang menanam semula getah. Bantuan ini merupakan tambahan kepada bantuan tanaman semula yang telah diberikan oleh pihak berkuasa kemajuan pekebun kecil getah ataupun RISDA yang bernilai RM7,000 sehektar. Bagi negeri Sabah, RISDA akan menyediakan bantuan sebanyak RM14,000 sehektar, manakala bagi Sarawak bantuan sebanyak RM13,500 sehektar akan diberi untuk penanaman semula getah. Program ini akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada cadangan supaya diwujudkan bantuan sara diri sebagai salah satu komponen dalam Program Penanaman Semula Getah seperti yang diberikan kepada pekebun kecil di bawah Program Penanaman Semula Kelapa Sawit, kementerian akan meneliti cadangan tersebut. Bantuan sara diri ini akan membantu pekebun kecil sebelum pokok-pokok getah mengeluarkan hasilnya.

Selain itu, pekebun-pekebun kecil yang terlibat dalam program seperti ini juga, digalakkan untuk menanam tanaman kontan seperti nanas, pisang dan kacang tanah untuk kegunaan isi rumah ataupun dijual sebagai pendapatan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pembangunan tanah di tanah LGM di Sungai Bilut, ia tidak akan menjejaskan usaha penyelidikan sektor getah yang dilaksanakan oleh Lembaga Getah Malaysia. Lembaga Getah Malaysia bercadang untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 710 ekar daripada 3,300 ekar di mana kawasan yang merupakan khazanah negara yang ditanam dengan benih pokok getah yang berasal daripada negara Brazil akan dikekalkan.

Di samping itu, beberapa bangunan seperti kompleks pentadbiran baru *Rubber Living Museum* dan makmal penyelidikan getah serta inkubator untuk tujuan pengkomersialan teknologi terkini dalam pembuatan barangan berasaskan getah akan diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada bantuan yang diberikan kepada pekebun kecil getah, kementerian melalui Lembaga Koko Malaysia telah melaksanakan program pemulihan tanaman koko, program pembangunan dan konsolidasi kelompok tani serta program peluasan tanaman koko baru di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan akan dicadangkan untuk diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Di bawah program pemulihan tanaman koko, bantuan insentif diberikan kepada pekebun koko yang memiliki ladang kurang dari enam hektar. Bantuan diberi dalam bentuk input pertanian, bahan tanaman berkualiti, racun serangga dan rumpai. Pakej bantuan adalah bernilai 6,500 hektar untuk tempoh tiga tahun bagi program pemulihan kawasan koko sedia ada dan lima tahun untuk kawasan tanaman koko yang baru.

Bagi program pembangunan dan konsolidasi kelompok tani, ia bertujuan untuk mengekalkan pekebun kecil sedia ada supaya terus mengusahakan kebun koko masing-masing. Insentif bernilai RM6,500 dalam bentuk input pertanian iaitu bekalan baja dan racun rumpai diberikan kepada peserta untuk tempoh lima tahun.

Program peluasan tanaman koko baru pula mensasarkan tanaman koko baru sekurang-kurangnya 2,000 hektar setahun. Program ini terbuka kepada semua pekebun kecil di seluruh negara. Insentif dalam bentuk input pertanian iaitu baja, bekalan benih koko bermutu dan racun rumpai dibekalkan kepada pekebun-pekebun kecil terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tanaman lada, program peningkatan pengeluaran lada adalah antara program yang dicadangkan untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Tujuan utama program ini adalah untuk meningkatkan produktiviti pekebun kecil lada

supaya ia terus menjadi sumber pendapatan dan ekonomi mereka. Komponen utama program ini meliputi:

- (i) bantuan input pertanian bernilai RM18,000 sehektar untuk tempoh tiga tahun bagi pekebun yang akan menanam semula lada;
- (ii) bantuan penyelenggaraan tanaman dalam bentuk input pertanian untuk membaik pulih kebun terbiar bernilai RM14,000 sehektar bagi tempoh dua tahun. Ini mensasarkan seramai 15,000 pekebun lada dengan keluasan 3,000 hektar dan ini termasuk kawasan Kanowit; dan

■ 1440

- (iii) penyediaan kemudahan pemprosesan lada bagi membantu pekebun meningkatkan mutu lada.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada pertanyaan mengenai perpindahan pusat pentadbiran Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) dari Kelantan ke Kuala Lumpur, untuk makluman, ianya merupakan cadangan awal. Cadangan ini adalah selaras dengan fungsi baru lembaga tersebut yang bertanggungjawab bagi membangunkan tanaman kenaf sebagai satu komoditi yang berpotensi menjadi sumber pertumbuhan baru di seluruh negara dan tidak hanya tertumpu di negeri-negeri tertentu sahaja. Walau bagaimanapun, pemindahan pusat pentadbiran LKTN tersebut adalah masih dalam pertimbangan kementerian dan perlu mendapat kelulusan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri penggulungan ini, ingin saya menyatakan bahawa kementerian saya telah mengambil maklum terhadap segala pandangan dan saranan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya serta pegawai-pegawai kementerian dan agensi-agensinya di bawahnya akan memberikan perhatian yang sepenuhnya kepada semua isu yang telah dibangkitkan dan akan berusaha untuk mengambil tindakan yang difikirkan wajar dan sesuai. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Boleh, boleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Sudah habis Yang Berhormat. Menteri sudah duduk.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Sedikit sahaja, bolehkah Tuan Yang di-Pertua? Sebab saya hendak berbalik kepada bantuan kepada pekebun-pekebun kecil tanaman sawit ini. Walaupun Yang Berhormat Menteri tadi ada menyatakan bahawa banyak bantuan yang hendak disalurkan dari segi racun dan sebagainya tetapi saya pernah mengemukakan permohonan bantuan ini kepada kementerian tetapi dia kata tidak ada duit. Jadi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri ini, apakah sebenarnya? Adakah

permasalahan dari segi kewangan dan sebagainya, sebab dia kata sudah habis perkara ini. Jadi saya minta Yang Berhormat, apa sebenarnya berlaku?

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan ini, saya ingin mendapat tahu apa sebenarnya jenis bantuan yang telah dipohonkan dan saya dapat bertemu dengan pegawai-pegawai yang menguruskannya supaya mendapatkan satu penjelasan yang penuh. Bantuan ini adalah satu galakan kerajaan untuk menggalakkan pertanian di negara ini dan dari segi sudut kementerian saya, memang kelapa sawit adalah sebahagian besar daripada aspek pertanian di negara ini. Kalau saya diberikan maklumat yang lengkap itu, saya akan susuli dan saya ingin menyatakan di sini bahawa kita masih mempunyai peruntukan untuk memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan dalam beberapa bidang iaitu kelapa sawit, koko dan getah...

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya ingat ini bukan Jawatankuasa sebenarnya Yang Berhormat.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Saya hendak ucap terima kasih sahaja, Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Menteri sudah habis tetapi saya beri peluang kepada Yang Berhormat tadi.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Boleh saya sambung sedikit Tuan Yang di-Pertua? Semasa pembentangan RMKe-10 ini, kita dapati bahawa kerajaan telah menggariskan dengan memberikan tumpuan kepada 12 bidang utama negara ataupun NKEA. Cukup jelas juga satu daripada bidang utama yang mempunyai potensi serta boleh memberikan pulangan kepada negara adalah kelapa sawit. Jadi soalan saya, mengapakah kelapa sawit sahaja diberikan tumpuan sedangkan getah dikesampingkan?

Ini kerana kalau kita tengok daripada jumlah tanaman, 4.7 juta hektar yang ditanam kelapa sawit memberikan pulangan lebih kurang 10% kepada KDNK negara, sedangkan getah hanya ditanam sebanyak 1.1 juta hektar sahaja dapat memberikan pulangan kepada KDNK 5%. Keduanya, bagi kita menentukan supaya negara kita dapat terus menjadi pengeluar getah dunia, kita seharusnya memberikan insentif kepada pekebun-pekebun kecil untuk beralih kepada tanaman getah. Sekarang kita hanya memberikan bantuan tanam semula daripada getah kepada getah tetapi tidak ada bantuan atau insentif yang diberikan kepada pekebun-pekebun kecil yang menanam tanaman lain kepada getah. Adakah kerajaan membuat perancangan untuk memberikan perhatian kepada golongan ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, ini kali yang akhirlah Yang Berhormat.

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Kali yang akhir ya. Sebenarnya sudah gulung tadi. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya sedar bahawa daripada

jumlah 6 juta hektar tanah pertanian yang digunakan untuk pertanian di negara ini, lebih kurang 4.7 juta hektar diguna pakai untuk kelapa sawit. Getah pula hanya ditanam dalam keluasan 1.1 juta hektar. Kalau Yang Berhormat lihat isi kandungan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang telah dicadangkan dan telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kelapa sawit merupakan satu NKEA yang kedua. Akan tetapi kalau kita lihat pula sehingga ke nombor 11 atau 12 itu, ia termasuk pertanian.

Saya sarankan di sini bahawa getah dan koko juga merupakan satu usaha pertanian dan mungkin masa ini diambil kira dalam perancangan. Jadi *in short*, maksudnya getah ini sudah pun masuk dalam NKEA dalam perancangan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Jadi semuanya akan dikaji bagaimana kita dapat mengisikan apa yang telah dibentangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Menteri dari Kementerian Dalam Negeri.

#### **2.46 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan secara spesifik, izinkan saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas keprihatinan beliau semasa pembentangan RMKe-10 yang turut menyentuh berkenaan KDN dalam perkara mempertingkatkan keyakinan rakyat terhadap keselamatan awam di bawah teras strategik kelima iaitu mewujudkan persekitaran kondusif ke arah mempertingkatkan kualiti hidup. Sehubungan dengan ini, *insya-Allah* KDN akan memanfaatkan sepenuhnya peruntukan yang akan disalurkan bagi memberi impak yang maksimum kepada usaha memelihara keamanan, keselamatan, kesejahteraan rakyat serta negara yang menjadi teras utama kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, KDN juga akan terus bergerak dan bekerja keras bagi menjayakan Bidang Keberhasilan Utama Negara mengurangkan indeks jenayah sebanyak 5% setiap tahun sehingga tahun 2012 termasuk mengurangkan indeks jenayah jalanan sebanyak 20% pada akhir tahun 2010, terutama di empat negeri iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang berbanding kadar jenayah kini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal mengurangkan jenayah di bawah NKRA, Yang Berhormat Pokok Sena mempertikaikan kesahihan data statistik penurunan kadar jenayah ini seperti yang dilaporkan baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua, statistik-statistik kadar jenayah yang dilaporkan oleh pihak kerajaan adalah berdasarkan kepada statistik yang diperolehi melalui

sistem laporan komputer Polis Diraja Malaysia yang dikenali sebagai *Police Reporting System*. Oleh itu, kesahihan statistik tersebut seharusnya tidak perlu diragui.

Dari segi terdapatnya perbezaan kadar penurunan jenayah yang dilaporkan dari masa ke semasa khususnya dari segi peratusannya, ia adalah disebabkan perbezaan tempoh perbandingannya. Sebagai contoh, kadar jenayah bagi tiga bulan pertama iaitu dari Januari hingga Mac 2010 dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun 2009, kadar penurunan yang berlaku sebanyak 14% bagi jenayah indeks dan 29% bagi jenayah jalanan.

#### ■1450

Bagi tempoh tiga bulan pertama pula iaitu dari Januari hingga Mac 2010, dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun 2009, kadar penurunannya berbeza dari tempoh laporan tiga bulan pertama iaitu 14% jenayah indeks dan 29% bagi jenayah jalanan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Bakri dan Yang Berhormat Kuala Krai telah menyentuh berkaitan dengan kegiatan jenayah judi haram. Berhubung dengan isu ini, Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat Baling telah menggesa agar lebih menumpukan kepada aktiviti pencegahan jenayah seperti ragut, rogol, samun, curi, rompak daripada kes jenayah judi haram.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan gesaan Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat Baling ini, kementerian ini ingin menjelaskan PDRM sentiasa memandang serius terhadap kedua-dua kategori jenayah ini.

Bagi menunjukkan kesungguhan PDRM menangani kegiatan jenayah ini bagi tempoh Januari-Mei 2010, PDRM telah berupaya menurunkan jenayah indeks kes samun berkawan tanpa senjata, kes samun tanpa senjata dan kes ragut. Sebagai contohnya, perbandingan kes bagi tempoh Januari-Mei 2009/2010, kes yang menunjukkan penurunan iaitu kes samun berkawan tanpa senjata ialah minus 3,084 kes (-30.13%). Diikuti samun tanpa senjata iaitu minus 260 kes (-13.83%). Kes curi pula adalah minus 1,101 kes (-6.85%) dan kes ragut adalah minus 1,319 kes (-31.6%).

Bagi kes judi pula, PDRM mengambil tindakan ke atas penganjur dan pengusaha haram di bawah Undang-undang Pencegahan iaitu Akta Kediaman Terhad 1933 dan Ordinan Darurat 1969. Berikut adalah jumlah serbuan yang dibuat mengikut tahun 2008/2009 dan Januari-Mei 2010. Bagi tahun 2008, sebanyak 15,361 serbuan telah dibuat. Bagi tahun 2009, 16,071 serbuan telah dibuat dan bagi tahun 2010, bagi tempoh Januari-Mei sebanyak 8,954 serbuan telah dibuat.

Jumlah tangkapan pula adalah pada tahun 2008 sebanyak 15,722 orang tangkapan telah dibuat. Bagi tahun 2009, sebanyak 18,259 orang telah dibuat dan bagi tahun 2010 untuk tempoh Januari-Mei sebanyak 7,663 orang tangkapan telah dibuat. Pada tahun 2010 sehingga bulan Mei sebanyak 38 kes fail di bawah Akta Kediaman Terhad 1933, telah dibuka dan seramai 27 orang telah dikenakan perintah sekatan.

Bagi Ahli Yang Berhormat Bakri, beliau telah meminta PDRM menyiasat individu-individu tertentu yang mendalangi sindiket judi haram. Berkaitan perkara itu, kementerian mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat dalam memberikan maklumat-maklumat berkaitan. Dalam hal ini, PDRM mengambil serius perkara tersebut dan akan membuat siasatan. Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan hal ehwal kepolisan....

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan berkenaan statistik. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Hari itu saya ada bangkitkan berkenaan dengan statistik jenayah. Tadi Yang Berhormat kata, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena berkenaan kesahihan statistik jenayah, Yang Berhormat kata tidak boleh dipertikaikan kesahihannya tetapi, sebelum ini Yang Berhormat Menteri sendiri di dalam Dewan pernah menjanjikan pada 1 April bahawa statistik jenayah dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya ambil ungunya, kata-katanya dalam *Hansard* bertarikh 1 April beliau berkata, "*Saya rasa dalam masa beberapa bulan ini, apabila ia telah pun dirangkaikan, indeks itu kita boleh siarkan dan kita boleh paparkan dalam website kita tanpa segan silu, tidak ada apa-apa yang perlu kita sembunyikan*". Akan tetapi Yang Berhormat pada 10 hari bulan yang lalu berkata tidak akan berbuat demikian.

Jadi untuk mengikis, untuk tidak menimbulkan perasaan tidak percaya kepada keadaan jenayah pada masa kini, mengapakah kerajaan masih enggan mempamerkan statistik jenayah ini agar kita boleh memantau situasi yang sebenarnya. Kalau tidak, hanya apabila Ahli Parlimen dalam Dewan bangkitkan barulah Yang Berhormat boleh maklumkan keadaan dan kedudukan jenayah.

Jadi, Yang Berhormat Menteri telah berjanji akan pameran dalam laman web. Mengapa sekarang tukar keputusan atau tukar fikiran? Kalau tidak berbuat demikian, pameran dalam laman web, bagaimana kita boleh memantau bersama? Kalau tidak Yang Berhormat hanya kata selamat sahaja padahal kita di tempat umum, di rumah merasa tidak selamat. Kereta dicuri, rumah di pecah masuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Sudah Yang Berhormat...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jadi saya pohon penjelasan. Hari itu saya bangkitkan tetapi Yang Berhormat masih belum menjelaskan mengapa masih tidak mempamerkan statistik jenayah ini.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah untuk mengetahui berkaitan dengan data jenayah ia tidak menjadi masalah. Kalau apa Yang Berhormat ingin mendapatkan, kita boleh bila-bila masa memberikan data-data tersebut.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Maaf, saya rasa Yang Berhormat sudah silap. Apa yang saya maklumkan ialah menjadi kenyataan umum indeks jenayah ini, statistik jenayah ini.

Perkara ini Yang Berhormat Menteri telah janji. Dia kata tanpa segan silu, tidak ada apa-apa yang hendak disembunyikan. Boleh pameran dalam laman web.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Saya belum habis cakap. Belum habis lagi Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Akan tetapi bila untuk pohon sahaja baru boleh diberi. Pohon penjelasan.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Ini orang muda, dia tidak sabarlah... [Ketawa]

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya hanya mahu jawapan. Tidak payah buat kenyataan berkenaan sikap saya. Itu...

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Yang Berhormat Bandar Kuching..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Akan tetapi, kita kena ikut juga peraturan Yang Berhormat...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya, saya ikut statistik-statistik yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri nampaknya agak berpuas hati dengan *performance* Polis Diraja bahawa kadar jenayah telah turun. Akan tetapi satu jawapan yang saya telah terima daripada kementerian Yang Berhormat adalah bahawa kadar jenayah mengikut statistik kementerian Yang Berhormat adalah meningkat di Sarawak.

Saya petik angka-angka itu daripada jawapan yang diberi. Dalam tahun 2009 di Sarawak, kes jenayah adalah 12,556 tetapi dalam masa empat bulan iaitu pada tahun 2010, kes jenayah adalah 4,363 kes. Kalau kita *multiply by three* ialah dalam tahun 2010, angkanya akan menaik di mana kadar kes jenayah di Sarawak akan naik kepada 13,000 berbanding dengan 12,556 kes. Ini menunjukkan bahawa di Sarawak, kadar jenayah telah meningkat jika kita menggunakan statistik yang digunakan oleh PDRM. Apakah Yang Berhormat akan buat untuk menyelesaikan atau *to tackle this issue?*

#### ■1500

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan paparan data di laman web. Jadi saya kata sebentar tadi bahawa ianya bukan satu rahsia dan di mana jika Yang Berhormat berkehendakkan data-data ini, bahawa pihak PDRM sentiasa mengalu-alukan untuk mendapatkan data-data tersebut. Jadi berkaitan dengan pertanyaan Yang Berhormat, mengapa data ini tidak lagi dipaparkan dalam laman web. Saya tiada jawapan di sini, saya akan mendapatkan maklumat daripada PDRM dan akan saya maklumkan kepada Yang Berhormat...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Cukup, cukup. Duduk. Cukuplah.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Berapa kali peluang kena bagi Menteri...

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Duduk. Saya hendak jawab Yang Berhormat Kuching dahulu.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya tanya, berapa kali peluang kena bagi. Pada 10 haribulan, Yang Berhormat Menteri jawab, saya ada bangkit selepas pukul 11.30. Hari ini, sampai hari ini 23 haribulan masih tidak dapat jawapan.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Saya tidak beri laluan, duduklah.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Itulah cara untuk lari daripada tanggung jawab.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Tidak ada lari...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Akan tetapi tidak ada jawapan!

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Berkaitan dengan Yang Berhormat Kuching bahawa apa yang saya katakan tadi berkaitan dengan indeks jenayah di bawah NKRA iaitu secara umum dan juga berkaitan dengan jenayah-jenayah yang telah di senaraikan di bawah NKRA. Jadi dalam isu Sarawak ini, saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan hal ehwal kepolisan. Yang Berhormat Permatang Pauh membangkitkan berkenaan projek penswastan yang melibatkan syarikat Web Power. Di mana beliau mendakwa syarikat ini telah mendapat kontrak menyediakan 31 buah helikopter untuk disewakan kepada PDRM dengan kos sebanyak RM400 juta setahun, bagi tempoh 30 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan isu ini, kerajaan telah meluluskan sewaan termasuk penyelenggaraan hanya sebanyak 21 buah helikopter sahaja, iaitu bagi 13 helikopter jenis AS355, empat jenis AS365 dan empat jenis EC2225 selama 30 tahun melalui *private funding* inisiatif dengan syarikat Asiakopter Sdn. Bhd. pada tahun 2007. Bagaimanapun, perolehan ini tidak diteruskan oleh kerajaan mulai 30 Julai 2008. Jadi apa yang telah didakwa oleh Yang Berhormat Permatang Pauh itu adalah tidak ataupun berbeza dengan jawapan saya hari ini. Seterusnya sahabat saya, Yang Berhormat Gombak, meminta KDN menyatakan status kontrak *E-Police Force Solution* yang ditawarkan juga dikemukakan oleh Web Power Sdn. Bhd. Dengan kos projek sebanyak RM4.2 bilion. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, kementerian sememangnya ada menerima cadangan pelaksanaan projek *E-Police Force Solution* tersebut, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak. Walau bagaimanapun, tiada sebarang kelulusan diberi ke atas cadangan berkenaan.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam isu yang sama, hari ini Yang Berhormat menjawab bahawa tiada kelulusan yang diberikan. Ini bercanggah dengan kenyataan di dalam Dewan yang mulia ini bertarikh pada 5 Mac 2009, ketika Yang Berhormat Permatang Pauh membangkitkan masalah peningkatan kadar jenayah di dalam negara. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pada ketika itu iaitu pada 5 Mac 2009, telah menyatakan bahawa kementerian sedang dalam usaha membangunkan projek *Central Intelligence Unit* (CIU) yang bakal berfungsi sebagai gerbang

maklumat bagi memantapkan mutu siasatan serta perisikan. Projek ini telah diluluskan di bawah Pelan Strategik Lima Tahun yang diberi nama *E-Police Force Solution*.

Jadi hari ini Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri tampil dalam Dewan mengatakan cadangan diterima, tetapi tidak diluluskan. Maka boleh saya dapatkan penjelasan yang mana sebenarnya tepat, kerana pada 5 Mac 2009 dalam Dewan yang sama, kementerian mengesahkan bahawa projek *E-Police Force Solution* ini telah diluluskan di bawah Pelan Strategik Lima Tahun (PS5T). Terima kasih.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya rasa projek yang CIU disebutkan oleh Yang Berhormat tadi adalah lain daripada projek *E-Police Force Solution*. *E-Police Force Solution* ini adalah berkaitan dengan perancangan untuk menswastakan pungutan saman, tiada kena mengena dengan projek CIU itu Yang Berhormat, ia lain.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat Menteri perlu teliti dahulu jawapan yang akan diberikan dalam Dewan yang mulia ini. Persoalan penswastakan kutipan kompaun itu adalah mekanisme untuk membayar kepada Web Power dalam menganugerahkan projek ini. Projek *E-Police Force Solution* ini jelas bertujuan iaitu membangunkan sistem ICT dan pengkomputeran PDRM, yang diintegrasikan.

Ini jelas, saya ada surat daripada Ketua Polis Negara sendiri yang dihantar kepada Perdana Menteri bertarikh 3 November 2006, dengan jelas menyokong supaya projek ini diberikan kepada Web Power. Oleh sebab itu saya tanya apa peranan Ketua Polis Negara, sama ada Ketua Polis Negara ini berperanan untuk menjaga keselamatan dalam negara atau menjadi agen kepada syarikat-syarikat seperti Web Power? Ini jelas dan ia tidak menyebut soal menswastakan kompaun dalam kes-kes trafik. Ini terkandung – satu lagi dokumen yang saya peroleh iaitu *E-Police Force Solution* ini, ketika dibentangkan kepada Perdana Menteri, jelas untuk mengintegrasikan sistem pengkomputeran. Maka pembayarannya adalah melalui penswastakan, kompaun trafik ini. Jadi ia dua benda yang berbeza Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Gombak ini ada sedikit kekeliruan. Sebenarnya *E-Police Force Solution* dalam – seperti ditunjukkan oleh surat tadi, yang dikatakan dibuat oleh IGP. Projek itu tidak diluluskan sehingga hari ini, *I'm very clear of myself*, Yang Berhormat. Jadi berkaitan dengan peranan apa yang dibuat oleh IGP berkaitan dengan surat itu, di mana ianya tidak memberi apa-apa kesan terhadap projek yang hendak diguna oleh polis.

Jadi oleh kerana ianya tidak diluluskan, jadi ia tidak apa-apa kesan berkaitan dengan projek yang dikemukakan itu. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Parit meminta supaya diperkemas gaji anggota dan pegawai polis, di mana perjawatan mereka adalah setanding dengan skim perkhidmatan lain. Akan tetapi skim gaji rendah. Kementerian juga diminta

menyemak semula skim perkhidmatan inspektor polis yang tidak menarik minat orang ramai untuk menyertai walaupun syarat kemasukan telah dinaikkan daripada diploma kepada ijazah.

■1510

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil maklum perkara ini dan kajian berkaitan dengan skim gaji, khususnya skim gaji anggota polis masih dalam kajian. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perubahan skim baru perkhidmatan PDRM telah diluluskan pada 12 Disember 2009 dan tarikh kuat kuasa dikebelakangkan kepada 1 Januari 2009.

Antara perubahan utama skim tersebut ialah peningkatan kelayakan masuk minimum ke jawatan inspektor polis telah ditingkatkan daripada diploma ataupun STPM kepada ijazah, sarjana, atau PhD. Berikutan dengan perubahan skim tersebut, pihak kementerian mendapati sambutan orang ramai untuk menyertai perkhidmatan polis adalah menggalakkan. Ini adalah berdasarkan kepada iklan pengambilan oleh PDRM yang bermula pada 23 Mei 2010 sehingga tarikh tutup permohonan pada 11 Jun 2010 yang lalu, telah menerima sejumlah 4,936 permohonan baru.

Yang Berhormat Shah Alam pula meminta KDN mendedahkan tindakan-tindakan yang diambil oleh polis bagi mengawal fahaman tertentu yang senang menular di IPTA dan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian dan PDRM telah merangka tindakan bersepadu dengan agensi-agensi berkaitan untuk menangani isu-isu keselamatan yang wujud di IPTA dan IPTS seluruhnya. Agensi-agensi yang terbabit adalah Kementerian Pengajian Tinggi, JAKIM, Jabatan Imigresen Malaysia, Majlis Keselamatan Negara dan bahagian penyelidikan JPM. Isu-isu yang ditangani meliputi dua aspek iaitu kegiatan yang sedang berlaku dan usaha-usaha pencegahan untuk menangani isu yang berkaitan. Dalam pada itu, KDN hanya memantau dan melakukan tindakan terhadap apa jua fahaman yang mengancam keselamatan dan ketenteraman awam sahaja.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Penjelasan.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** ...Sekejap, saya habiskan sedikit. Yang Berhormat Kota Kinabalu menyentuh berkaitan dengan anggota keselamatan di Sabah iaitu polis dan tentera tidak mencukupi bagi menampung kes keselamatan jenayah di Sabah. Jumlah kekuatan keseluruhan pegawai anggota polis bagi Pasukan Gerakan Am (PGA) di Sabah adalah berjumlah 2,684 orang. Jumlah ini terdiri daripada pegawai dan anggota di Ibu Pejabat Briged Sabah - 569 di Batalion 14, Tawau; 592 di Batalion 15, Sandakan; 780 di Batalion 16, Kota Kinabalu; dan 585 di Batalion 17, Lahad Datu. Dengan kekuatan yang ada, saya yakin ia dapat membendung dan mengawal keselamatan negara terutama di negeri Sabah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ekoran daripada jawapan penjelasan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada soalan yang dibangkitkan oleh

Shah Alam. Saya pun mendengar apa yang Shah Alam sebut iaitu dia mempersoalkan dan saya sendiri pun bersetuju dengan beliau. Bahawa apa yang diumumkan oleh Ketua Polis Negara yang berkaitan dengan isu-isu keselamatan yang akhirnya kita lihat bahawa sehingga hari ini pihak berkuasa, kerajaan sendiri tidak dapat hendak memberikan satu pembuktian yang jelas.

Seperti yang disebut oleh laporan *MalaysiaKini*, daripada kenyataan yang dibuat oleh Dr. Asri Zainal Abidin - bekas Mufti Perlis yang diuar-uarkan akan menyertai UMNO dalam sehari dua ini. Beliau mempersoalkan satu majlis taklimat yang dibuat oleh pihak polis kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang disertai oleh timbalan-timbalan naib canselor universiti dalam tempoh dua hari yang lalu yang turut disertai oleh Institusi Latihan Islam Malaysia (ILIM).

Di dalam pertemuan tersebut, pihak polis yang memberikan taklimat tersebut tidak pun boleh memberikan satu pembuktian yang jelas yang kononnya bahawa wujudnya sarang-sarang pengganas di universiti-universiti. Hanya seorang sahaja wakil daripada ILIM yang memaparkan isu-isu yang berkaitan dengan ajaran *Wahabi*, yang menyiarkan - yang cuba mengaitkan gambar bekas Mufti Perlis dan juga Mufti Perlis yang ada sekarang, gambar Yang Berhormat Marang dan juga gambar bekas Menteri Besar Perlis, abang kepada Yang Berhormat dari Arau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ringkaskan, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** ...Jadi saya kata, di mana isu keganasan yang digemparkan oleh Ketua Polis Negara? Sedangkan ia akan memberikan kesan yang tidak baik kepada seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Shah Alam dari sudut pertumbuhan ekonomi negara kita ini. Saya minta penjelasan.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Yang Berhormat...

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** ...Dan terima kasih Yang Berhormat dari Pokok Sena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Menteri, hendak jawab atau bagi peluang dahulu satu soalan?

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Boleh sambung terus, Yang Berhormat?

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Ya, sila.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Ini minta penjelasan sedikit Yang Berhormat, mengenai dengan jumlah polis di Sabah. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa Yang Berhormat yakin dengan jumlah anggota polis Sabah ini memadai untuk menjaga keselamatan terutama sekali di Sabah. Kita sedia maklum bahawa kehadiran pendatang-pendatang tanpa izin di Sabah ini begitu ramai sekali. Mengikut statistik, jumlah kes-kes jenayah yang berlaku di Sabah ini kebanyakannya dilakukan oleh mereka ini. Saya percaya, melihat keadaan bahawa kita perlu untuk memperkuat jumlah polis.

Yang Berhormat, saya perhatikan ada pekan-pekan kecil - saya ambil contohlah untuk rekod, di pekan kecil Tinggilan di kawasan saya yang mempunyai pengundi kurang lebih hampir-

hampir 1,500 orang. Ia dikawal oleh seorang anggota polis sahaja - *one little* pondok polis *manned by one policeman*. Jadi apabila berlakunya satu kejadian, ia terpaksa berkejar ke pekan Tuaran minta bantuan kerana tidak mampu. Dengan nisbah seorang polis dengan jumlah penduduk, sama sekali tidak memadai.

Saya ambil satu kes lagi, Yang Berhormat. Di kawasan Kota Belud beberapa tahun yang lalu dalam satu kampung yang sensitif di tepi pantai. Apabila berlakunya rompakan, saya dimaklumkan bahawa polis yang *manning* pondok polis di situ terpaksa ia berdiam diri dan berpura-pura menjadi *surveillance* kerana tidak mampu untuk mengatasi serangan dua, tiga orang lanun yang merompak kampung itu. Jadi ini adalah contoh sahaja. Jadi apa yang saya katakan di sini bahawasanya jelas jumlah anggota polis di Sabah ini perlu diperkukuhkan memandangkan keadaan yang sedemikian tadi. Terima kasih.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa apa yang telah dinyatakan tadi bahawa dari segi anggotanya memang banyak kita tempatkan di sempadan Sabah. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa kalau di sempadan di Malaysia Timur ini, kawasannya memang begitu luas daripada sempadannya. Jadi kalau kita hendak menempatkan secukupnya, memang tidak cukup. Begitu juga dari segi pantainya yang begitu luas, kalau kita hendak menempatkan *marine police* dan sebagainya memang tidak cukup. Jadi, kerana itulah apa yang kita telah menempatkan anggota-anggota polis ini setelah mengambil kira anggota-anggota keseluruhannya yang kita ada. Jadi, inilah keadaan di mana urusan-urusan dalam penempatan anggota-anggota ini dibuat.

Sehubungan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi bahawa seolah-olah apa yang didakwa oleh Yang Berhormat ini, apa yang dinyatakan oleh pihak kerajaan seolah-olah kita sengaja membuatkan isu-isu seperti ini.

#### ■1520

Akan tetapi kalau kita lihat apa yang berlaku Yang Berhormat, semasa kes yang kita membuat tangkapan baru-baru ini, pada 21 Januari 2010 di mana PDRM telah menangkap sepuluh orang di Kampung Sungai Cincin, Gombak. Di antara orang-orang yang ditangkap ini, satu di antaranya adalah orang tempatan dan sembilan lagi adalah warga luar negara yang mana satu orang termasuk pemimpinnya yang bernama Aiman daripada Syria.

Jadi, tangkapan dibuat atas maklumat yang mereka ingin meletupkan di tempat-tempat ibadat bukan Islam di Selangor dan di Pulau Pinang. Jadi dalam kumpulan sepuluh orang yang ditangkap itu, terdapat lima orang pelajar IPTA dan seorang lagi yang ditangkap dari sepuluh orang berkenaan adalah orang tempatan. Beliau merupakan pendakwah bebas dan penyokong kuat kepada Aiman iaitu ketua kepada kumpulan ini. Warganegara tempatan yang ditangkap itu telah berkenalan dengan Aiman semasa mereka belajar di Pakistan dahulu. Peranan Aiman ini adalah merupakan selain daripada menjadi ketua, merupakan *recruiter* untuk kumpulan akidah yang mana beliau merupakan *recruiter* ini semasa beliau berada di Pakistan.

Jadi Aiman ini telah berada di Malaysia dan inilah peranan beliau untuk menerap di IPTA-IPTA dan juga di IPTS-IPTS di Malaysia ini untuk mendapatkan potensi-potensi militan-militan untuk dihantar ke negara ketiga untuk dilatih bagi berjihad. Jadi inilah yang bukan perkara ini disengajakan, dibuat-buat. Bahawa inilah merupakan yang mana ia boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman negara kita.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak mempertahankan mana-mana kalau wujudnya kumpulan militan ini. Saya tidak mempertahankan. Kami tidak mempertahankan. Akan tetapi yang saya persoalkan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapa dalam taklimat tersebut tidak diberitahu kepada timbalan-timbalan naib canselor, satu. Yang kedua, kenapa yang dibangkitkan oleh JAKIM ini gambar Yang Berhormat Marang, gambar bekas Mufti Perlis dan juga mufti sekarang dan bekas Menteri Besar Perlis, apa tujuan ini?

Apa kena mengena dengan masalah kumpulan militan dan sebagainya, bagi saya. Sedangkan saya tidak hendak berdebat soal agama, soal mazhab kerana disebut bahawa mereka ini kononnya kata Wahabi dan sebagainya. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator yang wanita menyebut sebelum ini bahawa ajaran Wahabi tidak terkeluar daripada ajaran Islam. Jadi kenapa pula dibangkit dalam soal ini seolah-olah, "Oh, ini sebagai satu ancaman", satu.

Yang kedua saya hendak sebut bahawa yang saya kata tadi bahawa saya tidak mempertahankan mana-mana kumpulan militan tetapi kalau betul ada bukti, hadapkan mereka ke mahkamah seperti mana kumpulan yang membakar gereja hasil provokasi UMNO dalam isu kalimah Allah. Yang membakar surau ialah anak kepada anggota polis. Mereka yang didakwa dalam isu kepala lembu. Okey, dakwa. Begitu juga dalam kumpulan militan. Dakwa! Jangan membuat gempar...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Pokok Sena, UMNO tidak ada kait mengait.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Seolah-olahnya kita sedang berhadapan dengan keadaan yang gawat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** UMON tidak ada kait mengait dengan bakar masjid, bakar surau dan bakar gereja ini. Tidak ada kena mengena.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Begitu juga dalam isu...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kalau hendak main sebut saja, kita pun boleh sebut juga.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Kononnya ada kumpulan ini yang hendak menyerang kuil.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kalau saya kata PAS terlibat juga...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pada 16 Jun baru-baru ini, polis Melaka telah menangkap satu kumpulan Geng Tony yang memecah tokong dan kuil. Bukan kumpulan militan daripada mana-mana pengajian di Pakistan ataupun yang terlibat dengan Wahabi. Mereka ini yang pecah kuil. Jadi apa benda yang hendak dikaitkan dengan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, sudah-sudahlah, Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Elemen-elemen agama Islam ini. Ini satu bagai saya bahawa satu ada tujuan untuk yang berniat jahat untuk memburukkan agama.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya ingat ini Dewan Parlimenlah, Parlimen kah ini? Kalau dia Parlimen, ada peraturannya. Jadi kalau peraturan ini tidak diikuti, payah betul kita mengendalikan Dewan ini. Jadi kita persoalkan undang-undang, persoalkan maklumat, persoalkan kepastian dan sebagainya tetapi kita sendiri yang tidak boleh.

Sini menteri buat penjelasan, di sana orang bertanya ataupun sesiapa saja bertanya. Apa penjelasan dia, kalau tidak setuju soal ini, payah saya hendak sebut kerana kita tidak bersetuju. Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya hendak jelas satu lagi. Kita ada 25 kementerian. Kita ada 1,280 minit jumlah dalam masa empat hari itu. Maknanya, satu kementerian 51 minit. Kalau kita tidak boleh jelaskan. Pagi tadi kita sudah ada sejam setengah untuk satu kementerian. Jadi minta tolonglah. Kalau bersoal, soal. Jangan buat ceramah. Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Balik Pulau sikit. Sikit saja mengenai. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya...

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** Tuan Yang di-Pertua, *standing order* dari Ranau.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** *Standing order*. Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Mana?

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** Peraturan Mesyuarat 37(2). Bolehkah Tuan Yang di-Pertua menggunakan *standing order* ini supaya perjalanan Mesyuarat lebih teratur?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Tidak payah, Yang Berhormat. Tidak payahlah. Terima kasih Yang Berhormat. Hendak tunjuk saya *standing orders* itu, terima kasihlah. Akan tetapi tidak payahlah.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Ya, sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Okey, Yang Berhormat. Bagi soalan.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Pendek saja. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita belajar daripada kesilapan doktrin Bush di Amerika sebaik sahaja meletupnya bangunan di New York. Apa kesilapan itu? Kesilapan itu ialah apa dipanggil sebagai *Washington Consensus*. Maksudnya apa? Kajian tiba-tiba kononnya aliran yang menyebabkan keganasan ini Wahabisme. Itu sebenarnya. Saya khuatir kalau hari ini keselamatan dalam negeri, cara kita menangani keganasan, pendekatan Washington ini, saya rasa itu satu pendekatan yang salah kerana bagi kita, kita jelas apa itu *Wahabisme* atau Wahabi, apa itu keganasan. Apabila saya melihat kenyataan-kenyataan semalam, contohnya satu *briefing*, taklimat yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi, dikaitkan orang-orang tertentu yang kononnya beraliran *Wahabisme*.

Saya khuatir pendekatan ini ialah pendekatan ala Amerika yang telah merosakkan diplomasi dunia yang sekarang ini tengah dicuba untuk diselesaikan kembali oleh Obama. Akan tetapi saya tidak mahu Malaysia mengambil pendekatan yang sama kerana ini akan merugikan Malaysia dan diplomasi Islam sejagat. Saya rasa kita jangan ambil pendekatan itu.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena dan juga Yang Berhormat Balik Pulau. Saya dalam menerangkan berkaitan dengan kes yang berlaku itu, saya sebut akidah. Saya tidak menyebut *Wahabisme*. Berkaitan dengan dakwaan Yang Berhormat Pokok Sena berkaitan dengan taklimat. Saya rasa Yang Berhormat Pokok Sena tidak ada bukan dalam taklimat itu kerana taklimat...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya tahu. Saya ada maklumat penuh.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Sekejap, sekejap.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya ada *tape* rakaman pertemuan tersebut.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Pasal perjumpaan itu adalah tertutup. Jadi *you* tidak tahu apa yang berlaku. *Tape* boleh diambil untuk kepentingan sendiri. Jadi saya rasa apa yang didakwa oleh Yang Berhormat kononnya kita mempunyai niat jahat tetapi saya rasa sebaliknya, yang kita kerajaan sentiasa memikirkan berkaitan dengan ketenteraman dan keselamatan awam. Tidak lain daripada itu. Jadi kita tidak perlulah membuat persepsi yang kita tidak ada bukti yang jelas...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Penjelasan, sedikit.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Boleh saya mencelah?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Penangkapan. Ya, sedikit sahaja. Penangkapan yang ada disebut ialah berlaku Januari tetapi perkara ini didedahkan pada bulan Jun iaitu selepas lima bulan. Kalau benar bahawa adalah kegiatan sepertimana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata

untuk merekrut bagi pihak Al-Qaeeda, bukankah ini satu perkara yang *urgent* dan serius dan perlu tindakan yang cepat dan bukan selepas lima bulan. Nampaknya adakah ini *ulterior motive*?

■1530

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya rasa kalau kita dalam polis kita tahu berkaitan dengan siasatan ini prosesnya. Ia bukan hari ini kita buat siasatan, hari ini kita boleh mengumumkan apa yang berlaku kerana terutama dalam kes-kes yang melibatkan jenayah yang berkaitan dengan keselamatan dan ketenteraman awam ini, ia ada strategi-strategi yang tertentu. Kalau kita mengumumkan apa yang berlaku maka mungkin ada kumpulan-kumpulan ataupun *link* yang ada mungkin kita tidak dapat menangkap dan menemukan mereka untuk meneruskan tindakan-tindakan yang seterusnya kerana mungkin ia merupakan transnasiona mungkin mereka telah lari ke luar negara. Itu sebab ia memakan masa sedikit dalam membuat tangkapan dan siasatan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohammad bin Husain [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua boleh saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Inilah masalah di negara kita, masalah ini masalah besar sebenarnya. Sepatutnya kita berbangga, terima kasih kepada pihak polis. Awal-awal sudah dapat menghidu, mengesan perkara-perkara yang mungkin akan berlaku, kerosakan yang besar kepada negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Pasir Puteh duduk dahulu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini soal keselamatan tetapi apabila soal keselamatan hendak dipolitikkan, tidak sudah. Soal keselamatan pula hendak dikaitkan dengan akidah, tidak sudah. Kita boleh bercakap tentang Wahabi dan sebagainya, soalnya di Malaysia ini ialah Ahli Sunah Waljamaah. Inilah masalahnya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pihak polis menjalankan kerja begitu cemerlang tetapi tidak diberikan kepujian malahan dikritik, dihentam dan dikecam. *So, macam mana?* Tadi saya dengar macam-macam pihak DAP kata, soal jenayah meningkat. Polis buat kerja untuk mencegah jenayah, ini pula jadi masalah. Kita inilah masalah dalam negara ini. Semua perkara hendak diambil bagi keuntungan politik. Saya harap pihak polis jangan berkecil hati, jangan kecewa. Teruskan tugas untuk menjaga keamanan dan ketenteraman negara. Itu keutamaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohammad bin Husain [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat bagi Yang Berhormat Pasir Puteh dahulu. Kalau tidak ada jawapan, tidak payah jawab Yang Berhormat kalau yang komen-komen itu.

**Tuan Mohammad bin Husain [Pasir Puteh]:** Sedikit penjelasan. Apakah motif kerajaan apabila dalam taklimat itu ditunjukkan gambar Yang Berhormat Marang bekas mufti atau bekas

Menteri Besar Perlis. Di manakah pandangan kerajaan dari segi statusnya hendak letakkan adakah mereka ini ajaran salah, *terrorist*? Hendak hubungkan dengan ucapan menteri tadi, motifnya. Atau kita letakkan ini memang sikap kerajaan sebenarnya. Mengapa mereka ini ditayangkan atau ditunjukkan dalam taklimat itu. Itu sahaja.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa saya tidak perlu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Panjang lagi. Saya rasa saya tidak perlu respons kepada ucapan Yang Berhormat Pasir Puteh kerana saya tidak bercerita fasal gambar walhal mereka mendengar *hearsay*. Dia tidak duduk dekat situ dan saya setuju dengan sahabat saya Yang Berhormat Sri Gading yang sentiasa melihat seolah-olah polis ini tiada jasa.

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** Sedikit penjelasan.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Cukuplah.

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** Sedikit sahaja, satu minit. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini bukan *hearsay*. Ia satu taklimat pihak keselamatan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan telah pun disiarkan dalam media dan diperakui oleh Menteri Pengajian Tinggi.

Saya tidak bersetuju ini *hearsay*. Bukan prinsip kami datang ke Dewan ini membawa hujah *hearsay* tetapi ia suatu taklimat Bukit Aman kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Apa yang di *implicate* kan, dengan izin adalah Yang Berhormat Marang, bekas mufti sebuah kerajaan negeri, mufti sekarang dan bekas Menteri Besar Perlis.

Dalam taklimat itu dinyatakan berkaitan dengan Wahabi yang saya hendak merujuk kepada ayahanda Yang Berhormat Sri Gading, bukan masalah kita hendak mempolitikkan. Kalau tidak ada taklimat itu, tidak ada sesiapa yang hendak mempolitikkan dan kita setuju kami di sini tidak bersetuju adanya *terrorism*. Kita menentang tetapi kenapa dalam taklimat itu dikaitkan dan di *implicate* kan gambar-gambar seperti Yang Berhormat Marang, bekas mufti, mufti negara, mufti bagi sebuah negeri, bekas Menteri Besar Perlis, Wahabi dan seumpamanya.

Ini yang menimbulkan suatu polemik yang saya rasa saya takut Ketua Polis Negara dengan izin, *was wrongly advised* untuk *mencreate* suatu perkara yang bukan sekadar hendak mengawal keselamatan negara tetapi mencipta suatu perkara untuk menguntungkan agenda yang kita bimbangi. Ini yang kita katakan bahawa suatu pembohongan yang berlaku...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** [Bangun]

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** Dr. Asri kata satu pembohongan telah berlaku di negara kita. Jadi saya minta supaya ia diperjelaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, sudah panjang cerita Yang Berhormat. Bukan soalan lagi. Ini tiada soalan Yang Berhormat, ini komen sahaja.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, dua minit juga insya-Allah. Peringatan untuk Timbalan Menteri dan kementerian. Sedikit waktu dahulu kita bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini menyebutkan tentang bagaimana sebuah perunding *political and economic risk consultancy* meletakkan Malaysia di tahap yang cukup buruk dari sudut *the political instability*. Inilah antaranya yang berlaku dan terus berlaku ketika kerajaan tidak menghitung dengan cermat apakah kesan dan dalam laporan PRC itu atau *political and economic risk consultancy* itu meletakkan Malaysia tidak merupakan sebuah negara yang *attractive* dari sudut *investment destination* kerana ini.

Saya hadir Tuan Yang di-Pertua sedikit waktu dahulu dalam jemputan seminar *the political Islam* dan *militancy* dijemput oleh *Law Institute* di Sydney. Hadir bersama Profesor Olivier Roy dan Profesor Gilles Kepel antara tokoh-tokoh dunia yang bersabit dengan *political Islam* ini. Mereka menyebutkan begini, adalah kerana perbuatan kerajaan negara-negara Islam sendiri yang menggembar-gemburkan tentang *militancy* ini dan ringkasnya inilah perkara yang *reinforce*, dengan izin, *demonetizations of Muslim and Islamic*. Saya kira tidak ada untungnya untuk sesiapa pun Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara seperti ini diteruskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat ini bukan masa ucapan. Ini masa bertanya Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh sambung sedikit. Tanya sedikit sahaja Kota Belud. Sekejap sahaja.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Cukuplah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya peringatkan ini masa bertanya.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Mari kita tengok semula apa yang dikatakan oleh pembangkang. Saya setuju dengan Yang Berhormat Sri Gading kerana perkara ini seperti dipolitikkan. Pertama sekali taklimat itu diberi kepada siapa? *Vice chancellor* Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang intelek, yang tidak akan dapat *brainwash* dengan begitu mudah. Tuduhan daripada pembangkang yang mengatakan bahawa pihak polis pergi ke universiti buat taklimat, bukan kepada pelajar tetapi kepada *vice chancellor* yang kononnya mereka ini walaupun intelek boleh *brainwash* tidak masuk akal.

Jadi saya berpendapat Yang Berhormat Menteri, kita mempunyai pengalaman dengan pembangkang yang mengambil sedikit komen-komen daripada penceramah dan selepas itu diuar-uarkan seolah-olah ia menjadi satu isu politik yang cukup besar. Saya ingin nasihatkan

kepada Yang Berhormat Menteri, kita tengok semula apa ceramah-ceramah yang diberikan, ucapan-ucapan yang diberikan dan saya pasti seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi pun bukan sahaja Yang Berhormat Marang yang gambarnya dikeluarkan, pemimpin besar UMNO juga ada di situ, kalau betul. Saya tidak tengok VCD nya.

Jadi saya minta Yang Berhormat betulkah *vice chancellor*, orang yang intelek ini cuba *brainwash* oleh polis ini. Itu yang saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apa pula *brainwash*, ini Ahli Parlimen 1810 kah ini?

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa saya setuju dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kota Belud dan saya ada laporan berkaitan dengan taklimat ini yang mana apa yang dinyatakan dan diperolehi. Kesan daripada taklimat tersebut bahawa boleh dikatakan para hadirin rata-rata merasakan puas hati dengan taklimat yang diberi yang mana adalah berkaitan antaranya...

■ 1540

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat pun juga kah?

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Iaitu berkaitan dengan kumpulan-kumpulan militan. Jadi saya rasa itu sahajalah saya hendak menyentuh tentang perkara ini. Saya meneruskan jawapan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam mengenai permohonan menaik taraf balai Simpang Renggam daripada kelas 'C' sekarang kepada kelas 'B'. Ingin saya jelaskan bahawa penggredan semula balai-balai polis ini di seluruh negara masih lagi dalam kajian pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, KDN dan juga PDRM. Proses ini mengambil masa kerana memerlukan kajian secara terperinci. Proses penggredan ini melibatkan 757 balai di seluruh negara dan sehingga kini sebanyak 102 balai telah digredkan kepada balai polis mengikut kategori 'A', 'B', 'C', 'D' dan 'E'.

Walau bagaimanapun bagi Balai Polis Simpang Renggam, peningkatarafan dari segi pembaikan bangunan sedia dilaksanakan dari semasa ke semasa oleh pihak IPK Johor berdasarkan kepada kadar kerosakan dan peruntukan yang diperolehi. Bagi masa ini, keperluan bagi Balai Polis Simpang Renggam untuk beroperasi di bangunan baru adalah tidak mendesak dan bangunan balai polis sedia ada masih elok dan boleh digunakan dengan baik. Sehubungan itu, pembinaan bangunan baru Balai Polis Simpang Renggam tidak dipohon untuk dilaksanakan dalam RMKe-10.

Yang Berhormat Sipitang pula meminta KDN untuk membina Balai Polis Sipitang yang baru kerana buat masa kini balai polis berkaitan menumpang di bawah berek IPD Sipitang. Pembinaan semula Balai Polis Sipitang pada awalnya dicadangkan untuk dilaksanakan oleh pembinaan BLT Sdn. Bhd. di bawah konsep *build, list and transfer*. Walau bagaimanapun, ianya

tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh peruntukan yang tidak mencukupi. Permohonan untuk pembinaan projek ini akan dibuat untuk tahun 2013, dan 2015.

Yang Berhormat Lenggong mencadangkan agar Balai Polis Lenggong juga dinaikkan taraf dan dikekalkan asalnya supaya dapat memberikan perkhidmatan kepada masyarakat setempat. Polis Diraja Malaysia sentiasa prihatin dan berusaha untuk menaiktarafkan bangunan-bangunan PDRM yang uzur dan mengalami kerosakan. Walau bagaimanapun kerja-kerja penaiktarafan bangunan sama ada pembaikan atau pembinaan semula bergantung pada peruntukan yang diperolehi...

**Tuan Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]:** Minta penjelasan.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Penaiktarafan sesebuah balai polis termasuk Balai Polis Lenggong terbahagi kepada dua elemen iaitu elemen pentadbiran dan bangunan. Bagi elemen pentadbiran, penaiktarafan status balai polis kepada IPD diputuskan oleh pucuk pemimpin PDRM berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dalam perwujudan sesebuah IPD. Manakala penaiktarafan dari segi pembaikan, pembinaan bangunan, ianya bergantung pada peruntukan yang ada.

Bagi Balai Polis Lenggong, penaiktarafan dari segi pembaikan bangunan sedia ada dilaksanakan dari semasa ke semasa oleh pihak IPK Perak berdasarkan kepada kadar kerosakan dan peruntukan yang diperolehi. Pada masa ini, keperluan bagi Balai Polis Lenggong untuk beroperasi di bangunan baru adalah tidak mendesak dan bangunan balai sedia ada masih elok dan boleh digunakan dengan baik. Sehubungan itu, pembinaan bangunan baru Balai Polis Lenggong tidak dipohon untuk dilaksanakan dalam RMKe-10.

**Tuan Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Baling.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Tidak ada masa nanti, banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Boleh ringkaskan Yang Berhormat.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Saya cuba ringkaskan.

**Tuan Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]:** Berkaitan balai polis.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Saya tidak bagi Tuan Yang di-Pertua kerana masa tidak cukup.

**Tuan Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]:** Sikit sahaja, sekali ini bangun, tidak pernah bangun lagi... [Ketawa]

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Tidak apalah, tidak apa ustaz.

**Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]:** Bolehlah, sama-sama putih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Baling ini ada *special* sikit, bagi peluang kepada dia.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Okeylah kerana dia bekas imam.

**Tuan Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan meng*upgrad*kan balai polis ini dan juga pembinaan bangunan baru bangunan balai polis. Saya melihat bangunan Balai Polis Baling yang saya rasa tidak kurang daripada empat tahun. Rasanya bangunan itu sudah dalam lingkungan 95% tetapi sampai sekarang difahamkan tidak mendapat CF nya dan tidak dapat digunakan. Hampir bangunan itu nampaknya macam usang. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapa keadaan ini boleh berlaku? Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh satu kali Yang Berhormat Timbalan Menteri? Sikit sahaja, minta izin. Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mungkin saya ada menyentuh juga tentang *planning* untuk perwujudan ibu pejabat polis di daerah Kinabatangan.

Jadi mudah-mudahan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini akan dapat dimasukkanlah sebab terlalu daif. Kita memang sentiasa mengharapkan anggota polis berkhidmat dengan baik tetapi bagaimana hendak berkhidmat dengan baik kalau pejabat pun huru-hara, tidak menentu. Jadi ini merupakan satu halangan ke arah bagaimana mereka boleh berkhidmat dengan baik. Jadi saya meminta jasa baik Timbalan Menteri supaya dapat dimasukkan dalam program Rancangan Malaysia Kesepuluh.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan balai polis yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Baling dan Yang Berhormat Kinabatangan, saya akan mengambil perhatian dan akan menyiasat berkaitan dengan kedudukan kedua-dua balai polis ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sekijang pula membangkitkan isu berkaitan dengan pembinaan Muzium Bukit Kepong. Ini saya sudah jawab.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor minta penjelasan.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Menteri sudah kelam kabut... [Ketawa] Hello, penjelasan, *hello!*

Mengenai bangunan bagi polis dan sebagainya, itu adalah penting. Akan tetapi lebih penting daripada itu adalah mutu PDRM. Mengenai apa yang terjadi dalam tahun 1974, 7 Jun. Ini ada disiarkan dalam surat khabar, *it's common knowledge*. Pembunuhan Datuk Abdul Rahman Hashim, Ketua Polis Negara semasa itu.

Saya ada bangkit perkara ini dalam Dewan yang mulia ini kerap kali untuk mendapat tahu siapa-siapa yang bunuh Ketua Polis Negara itu. Satu soalan yang saya tanya dan jawapan yang diberi ialah ini terlibat dua orang yang bunuh Ketua Polis Perak dalam tahun 1975 jika saya tidak silap. Akan tetapi apa yang terus terang ialah pembunuhan itu tidak dilakukan oleh dua

orang ahli komunis NCP, *National Liberation Firm*. Saya ada wakili satu daripada dua itu. Saya mewakili sebelum dia digantung, dia disabit mengenai pembunuhan Ketua Polis Perak dan mengaku itu.

■1550

Sebelum dia digantung, dia ada menyatakan kepada saya dia tidak ada kena- mengena dengan pembunuhan Dato' Abdul Rahman Hashim. Dia dituduh mengenai pembunuhan itu juga. Saya ada membangkitkan perkara ini dalam Mahkamah Tinggi iaitu jangan gantung orang ini sebelum perbicaraan mengenai pertuduhan ke atas dia, mengenai pembunuhan Dato' Abdul Rahman Hashim.

Di sini ada dikemukakan dalam mahkamah, di hadapan hakim Harun Hashim dan pendakwa adalah menarik balik pertuduhan itu. Saya ada meminta daripada mahkamah itu untuk mendapatkan satu perintah dia dibebaskan dan dilepaskan daripada tuduhan itu. Selepas itu dia ada digantung. Dia menerima itu. Ini bermakna bukan dia yang terlibat. Siapa yang terlibat?

Saya difahamkan ada orang tinggi dalam UMNO yang terlibat. Bukan orang komunis. Sehingga hari ini kes itu tidak diselesaikan. Umur 36 tahun selepas pembunuhan itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada menyatakan dalam Dewan yang mulia ini, dalam satu peringkat iaitu dia akan memberi jawapan kepada saya mengenai apa yang saya bangkitkan hari ini.

Bolehkah saya dapatkan penjelasan dan jangan main-main. Saya mahu dapatkan penjelasan yang tepat... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ya.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jangan main-main Yang Berhormat.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan isu yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor ini, ia merupakan satu kes yang begitu lama. Begitu lama dan isu ini dibangkitkan dan merupakan isu baru. Jadi, setakat ini tidak ada maklumat yang ada di sini buat sementara ini.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri ini main-main. Bolehkah saya dapat penjelasan? Tidak tepat apa yang dinyatakan tadi. Saya ada bangkitkan perkara ini kerap kali semenjak tahun 2007 sampai baru-baru ini. *Don't play the fool, please answer.*

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua seterusnya saya ingin menyentuh berkaitan dengan isu hal ehwal imigrasi dan juga pendatang asing tanpa izin khususnya berkaitan dengan isu

yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Ledang, dan juga Yang Berhormat Kuala Langat yang mana ingin...

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin...

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Penjelasan terhadap langkah-langkah yang diambil ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, belum lagi habis dia punya penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Bukan, sebelum pergi ke imigresen. Perkara yang saya timbulkan mengenai polis belum dijawab.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jangan main-main... *[Ketawa]*

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Nanti dahululah, sekejap lagi. Biar saya jawab isu ini dahulu.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Sebelum pergi ke imigresen.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Yang ingin saya perelaskan terhadap langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menangani isu PATI di negara ini. Sehubungan dengan itu, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menanganinya adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu antara Jabatan Imigresen Malaysia, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia, PDRM dan pihak berkuasa tempatan secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara di bawah Akta Imigresen 1959, Akta Pasport 1966, dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963;
- (ii) mewujudkan Mahkamah Sesyen PATI di depot imigresen untuk mempercepatkan perbicaraan dan pendakwaan kes-kes imigresen;
- (iii) melaksanakan program yang bertujuan untuk mempercepatkan penghantaran pulang PATI, di mana PATI melakukan kesalahan memasuki Malaysia tanpa pas dan permit yang sah dan tinggal di Malaysia selepas tamat tempoh pas hanya dikenakan kompaun yang nominal tanpa perlu melalui perbicaraan di Mahkamah PATI sebelum dihantar pulang ke negara asal; dan
- (iv) melaksanakan operasi bersepadu pendatang tanpa izin di Sabah mengikut keputusan Jemaah Menteri pada tahun 2008, di mana Program Pendaftaran PATI merupakan sebahagian daripada operasi berkenaan.

Di bawah program ini majikan diberi peluang untuk mendaftar pekerja asing. Mereka yang tidak sah dengan membuat pembayaran levi untuk mendapatkan pas kerja yang akan menjadikan mereka sebagai pekerja sah. Ini bertujuan untuk menjaga kepentingan industri-industri di Sabah dari menghadapi masalah pekerja. Selepas tempoh Program Pendaftaran PATI ini tamat, operasi penguatkuasaan akan dilaksanakan untuk mendakwa majikan yang gagal mendaftar PATI yang bekerja dengan mereka...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta penjelasan.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, isu PATI sedikit Timbalan Menteri. Yang Berhormat Balik Pulau, isu PATI sedikit.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Saya habiskan berkaitan dengan PATI dahulu. Sehubungan dengan kos pengusiran tahanan warga asing termasuk PATI. Mengikut rekod Jabatan Imigresen Malaysia seramai 46,641 orang bagi tahun 2009 telah diusir dengan melibatkan kos berjumlah RM10,746,159. Kos ini adalah ditanggung oleh Kerajaan Malaysia.

Yang Berhormat Putatan telah membangkitkan berkaitan dengan masalah PATI yang mana merupakan satu masalah yang serius dan mengganggu dari segi keselamatan dan *environment* di Sabah. Sehubungan dengan dakwaan ini tidak dinafikan terdapat segelintir warganegara asing yang berada di negara ini yang menimbulkan masalah dari segi keselamatan dan *environment*.

Kerajaan Persekutuan dan negeri telah melaksanakan pelbagai langkah dan tindakan bagi menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin di Sabah. Di antaranya ...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Pertama kawalan perbatasan darat dan perairan Sabah iaitu pendekatan berlapis bagi mengawal kawasan perbatasan darat dan perairan Sabah.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, dia hendak kata habiskan soalan PATI, dia beri jawapan dahulu baru dia akan ..

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Sebagai langkah pencegahan kemasukan PATI ke Sabah. Operasi penguatkuasaan ke atas PATI iaitu operasi penguatkuasaan secara bersepadu yang melibatkan semua agensi penguat kuasa bagi mengesan, menangkap dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen.

Bagi negeri Sabah sebagaimana yang saya telah nyatakan tadi, telah memutuskan operasi bersepadu pendatang asing tanpa izin di Sabah dilaksanakan melibatkan agensi-agensi seperti Majlis Keselamatan Negara, PDRM dan Jabatan Imigresen.

Program Pendaftaran PATI merupakan sebahagian daripada operasi bersepadu ini, di mana majikan diberi peluang untuk mendaftar pekerja asing mereka yang tidak sah ...

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Minta penjelasan lanjut.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Dengan membuat levi dan lain-lain untuk mendapatkan pas kerja yang akan menjadi sebagai pekerja sah.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua ...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, peraturan mesyuarat.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Minta penjelasan soal PATI ini.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. 36(12) mengenai perkara yang dikeluarkan yang boleh mengelirukan Dewan. Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh ya? Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak mahu menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor mengatakan, bahawa isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor adalah perkara baru. Jadi, dia tidak mahu jawab. Saya masih ingat Tuan Yang di-Pertua sendiri mempengerusikan ataupun menjadi...

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Itu tidak termasuk dalam perbincangan. Itu tidak berbangkit dalam perbincangan, itu perkara baru.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Saya hendak dengar Yang Berhormat. Yang lain duduk dahulu Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Maksud dia itu, perkara baru, isu baru. Tidak termasuk dalam perbincangan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Minta...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sudah dibangkitkan, dibincangkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tidak, itu saya minta penjelasan tetapi tidak termasuk dalam perbincangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Putatan duduk dan Yang Berhormat Balik Pulau duduk dahulu.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini, saya minta isu PATI, soalan dari Putatan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat tidak payah ulas banyak sangat. Saya sudah faham, saya sudah dengar Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Jadi, Yang Berhormat Bukit Gelugor berhak mendapat jawapan. Kalau tidak jawab pun bukan kerana isu ini isu baru tetapi kerana hendak ambil maklumat lagi. Akan tetapi dia kata ini isu baru dia terus tidak jawab. Saya rasa ini mengelirukan Dewan. Saya hendak minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36(12) ini cukup mendalam Yang Berhormat.

## ■ 1600

Jadi, soalan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak hendak jawab ataupun apa, tidak termasuk dalam Peraturan Mesyuarat 36(12). Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap tadi bukan isu baru kata beliau, bukan isu baru. Bukan beliau kata isu baru, 'bukan isu baru', itu Yang Berhormat Timbalan Menteri kata. Yang Berhormat, jadi landasan Yang Berhormat itu saya ingat kurang tepat. Kalau hendak minta...

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Minta penjelasan.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Balik Pulau dahulu rasanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Balik Pulau dahulu Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Soal yang ditimbulkan dalam perbahasan Putatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Balik Pulau dahulu, selepas itu Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Balik Pulau dahulu.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Jempol boleh?

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya dahulu. Yang Berhormat Bukit Gantang ada sebut Putatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Saya lihat tadi Yang Berhormat. Yang Berhormat Balik Pulau dahulu.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Selepas Yang Berhormat Putatan, Jempol dahulu.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Ya, sabar Yang Berhormat Putatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Selepas Yang Berhormat Balik Pulau, baru Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okey.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Selepas Yang Berhormat Putatan, Jempol ya.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa belum selesai lagi ini. Saya menerima penjelasan Tuan Yang di-Pertua tetapi saya sendiri mendengar. Mungkin Tuan Yang di-Pertua dengar lain, saya dengar lain. Mungkin saya silap tetapi saya hendak minta kalau dibuktikan dalam *Hansard* beliau berkata ini isu baru...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Bukan berbangkit daripada Peraturan Mesyuarat 36(12) Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Beliau berkata isu baru. Saya dengar beliau berkata isu baru.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Peraturan Mesyuarat 36(12) begitu serius, Yang Berhormat. Minta maafah Yang Berhormat. Jangan gunakan peraturan dalam situasi yang salah. Kalau Yang Berhormat hendak minta penjelasan, minta sahaja tetapi jangan di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12).

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tidak, kita hendak dengar penjelasan terhadap perkara yang dibangkitkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Soalan Yang Berhormat hendak dengar atau tidak dengar itu soalan yang nombor dua Yang Berhormat, ia bukan berlandaskan Peraturan Mesyuarat 36(12), itu sahaja jawapan saya.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Beliau mengelirukan Dewan. Beliau berkata perkara baru!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Sudahlah Yang Berhormat. Yang Berhormat, minta tolong duduk Yang Berhormat. Sila, Yang Berhormat Balik Pulau.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** [*Bangun*]

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, mohon penjelasan. Di sini kita panggil PATI, di Indonesia kita panggil “*te-ka-ie*” (TKI), tetapi, isu yang ingin saya mohon penjelasan ialah cabaran yang akan datang di banyak tempat ialah isu populasi atau yang dipanggil imigrasi, ada yang panggil pendatang dan sebagainya. Akan tetapi soalan yang saya hendak mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana sekarang di rantau ini kita sudah ada *ASEAN Inter-Governmental Commission on Human Rights* iaitu buat pertama kali kita telah ada di bawah piagam ASEAN iaitu mekanisme hak asasi manusia.

Soalan saya, saya mendapat rungutan yang banyak daripada pejuang-pejuang hak asasi manusia ataupun HAM di Indonesia bahawa cara kita menangani PATI ataupun mereka kata mahkamah PATI, dari segi representasi keadilannya itu mereka rasa tidak terbela dengan baik.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Soalan saya ialah bagaimana kementerian menjelaskan kepada rungutan sebegini yang mengatakan bahawa keadilan mereka terbela? Ini kerana mahkamah PATI saya tahu satu hari kes beratus – habis macam itu. Kita bukan mahu..., *it is not a factor injustice*. Jadi saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa penjelasan kita kerana ini melibatkan luka-luka dan hati-hati yang terhisir teman-teman di rantau ini. Terima kasih.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana jawapan yang baik seperti yang saya dengar tetapi apa yang saya minta diperjelaskan lagi oleh pihak kementerian adalah statistiknya. Soal tindakan, kita lihat telah dibuat tindakan tetapi kita mahu soal statistik. Berapa yang sudah dihantar, yang kena tangkap dan jenis-jenis kesalahan yang telah dipenjarakan? Ada juga PATI-PATI ini masih lagi dalam tahanan di rumah-

rumah merah, berapa jumlahnya sekarang? Apakah tindakan selanjutnya untuk menghantar balik pendatang-pendatang yang tiada izin di dalam negara kita? Kalau tidak dapat hantar, apa sebab dan berapa jumlah perbelanjaan rakyat Malaysia untuk menghantar balik pendatang-pendatang ini? Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak beri jalan lagi Yang Berhormat?

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Boleh Jempol?

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Sehubungan...

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Sehubungan dengan isu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat, *point of order*.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Sehubungan dengan isu PATI...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebentar Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Point of order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak duduk.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Apa itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Point of order* Yang Berhormat...

*[Ketawa]*

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order* 36(12).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tadi rakan saya Yang Berhormat Kuala Krai ada membangkitkan satu perkara yang tepat iaitu tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengelirukan Dewan ini. Beliau ada mengatakan mengenai apa yang saya tanya tadi, mengenai pembunuhan Ketua Polis Negara, Datuk Abdul Rahman Hashim pada 7 Jun 1974. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan dan ini ada didengari oleh semua termasuk Tuan Yang di-Pertua tadi, iaitu ini adalah isu baru. Tadi Tuan Yang di-Pertua ada mengatakan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah ini bukan isu baru. Saya mahu mendapat tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang apa yang dikatakan tadi oleh beliau – isu baru atau isu bukan baru?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *point of order, I address point of order*.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, saya mendengar dalam kamar tadi bahawa *Point of Order 36(12) over the same issue* telah pun diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua sebelum saya dan itu kekal Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *No, after* diputuskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Didapati Peraturan Mesyuarat 36(12) yang dibangkitkan itu tidak bersesuaian dan tidak ada pelanggaran oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, *that's it*.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *No*, soalan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kalau Yang Berhormat minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri *over the matter*, yang itu penjelasan.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh dapat penjelasan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya,

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Penjelasannya adalah ini. Bolehkah saya dapat tahu tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyuarakan ini isu baru, ada atau tidak? *Just answer the question*.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jangan buat macam mahkamah. Jangan buat macam mahkamah Yang Berhormat... *[Ketawa]*

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ada atau tidak? *Answer the question!*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ya.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ada atau tidak?

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, isu ini telah lama berlaku. Saya tidak ada maklumat di sini.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat katakan tadi isu baru.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Saya tidak ada maklumat di sini.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Sekarang pun beliau mengelirukan Dewan.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** *That's what I was mentioning just now*.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *What did you say? Is it* isu baru *or* isu tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Dengar penjelasan.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Ini bukan isu baru kerana ia berlaku...

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *No*, apa yang dikatakan tadi...

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Ini berlaku telah lama.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Apa yang dikatakan tadi...

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Lama telah berlaku. Jadi maklumat-maklumat perlu diperolehi.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Jawab! Jawab! Ada katakan tadi isu baru...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tidak boleh macam ini Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Jawab!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh buat macam mahkamah Yang Berhormat.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Ini bukan mahkamah.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Helo? Jawab!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Katakan tadi apa? Isu baru atau isu yang lama? Bukan baru. Yang Berhormat Timbalan Menteri!

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya tidak boleh paksa dia menjawab Yang Berhormat. Dia ada katakan dia tidak ada maklumat. Itu jawapannya.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Bukan maklumat. Adakah beliau katakan tadi isu baru atau isu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *You shouldn't voice question* begini. Jangan buat macam ini. Jangan buat macam mahkamah. Kita dalam perbahasan Dewan, tidak sama dengan mahkamah. Saya tahu Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya pun tahu... *[Ketawa]* Bagi dia jawab Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapat jawapan daripada dia?

**Seorang Ahli:** Jawablah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Kenapa, kenapa takut?

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Saya teruskan.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Kenapa?

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Berkaitan dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Balik Pulau dan juga Yang Berhormat Putatan berkaitan dengan isu PATI ini...

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ini Menteri tidak ada *respect* punyalah!

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Apabila ianya telah ditangkap dan...

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua!

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** ...Dimasukkan di dalam tahanan...

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua sebagai hakim di sini bolehkah mengarahkan dia untuk menjawab.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** ...Proses-proses telah dibuat untuk mengusir supaya mereka...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya tidak boleh buat macam itu Yang Berhormat. Tidak boleh.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** ...Dapat dikembalikan ke negara asal. Jadi dalam proses pengusiran ini, ada masanya mengambil masa yang lambat kerana mendapatkan dokumen-dokumen untuk memastikan perkaitan dengan negara asal mereka itu. Jadi itu sebab kadang-kadang tindakan untuk mengusir mereka ini ke negara asal ada kalanya lambat.

Berkaitan dengan angka-angka atau data berkaitan dengan tangkapan dan tindakan yang dibuat sama ada ditahan di depot ataupun didakwa di mahkamah, ini merupakan satu isu spesifik yang mana saya kena mendapatkan butiran yang terperinci.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Bangun]*

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Kalau diperlukan oleh Yang Berhormat, saya akan mengarahkan supaya pihak anggota kementerian untuk menghantar secara bertulis.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini perlu Yang Berhormat kerana selalu ditanya oleh orang-orang kampung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak beri jalan lagi Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kalau perlu, jawapan secara bertulislah.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** *Insyaa-Allah.*

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak beri jalan lagi Yang Berhormat?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tanya berkenaan dengan isu yang sama, berkenaan dengan angka orang tahanan yang ada saya bangkitkan dalam perbincangan saya. Terima kasih.

▪ 1610

Ada satu laporan dari *United Nations* yang menyatakan daripada tahun 2003 hingga tahun 2007, yakni ini apa yang dinyatakan, "*It is reported between 2003 and 2007, over 1,500 people died while being held by authorities...*", dan ini juga termasuk mereka yang di *interview* mengatakan mereka, "*...they were tortured or mistreated in Malaysian's detention centers. Almost all of them complained of beatings while being confined in small places without light and having*

*dirty water thrown at them.*" Isu ini telah pun dibangkitkan pada peringkat UN. Saya hendak tanya kementerian, adakah ini benar daripada tahun 2003 hingga 2007, *1,500 people died, is that true?*

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan apa yang dibangkitkan ini tiada laporan yang dibuat. Kalau ada laporan sudah tentulah pihak berkuasa akan melaksanakan siasatan dan tindakan sewajarnya akan diambil. Kalau apa Yang Berhormat boleh dapat beri secara spesifik kes-kes seperti yang didakwa itu bagi memudahkan untuk siasatan dibuat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Menteri, saya yang bangkitkan isu ini dalam perbahasan. Kita hendak *report* apa? Saya Ahli Parlimen, saya bangkitkan dalam Dewan Rakyat kerana isu ini dibangkitkan di peringkat antarabangsa dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang datang ke Dewan sini bagi tahu pergi buat laporan polis baru kita akan *check*. *1,500 people died from 2003 until 2007, this is an international complaint.* Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu, berkenaan dengan pembunuhan IGP tidak tahu. Datang ke Dewan ini hendak menjawab soalan apa Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Duduk, duduk! Saya tidak bagi jalan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Bukan duduk. Saya hendak tahu kalau datang hendak jawab soalan, sila jawab.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Saya tidak bagi jalan, duduklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Bukan jalan, saya hendakkan jawapan. Isu ini penting. *About 1,500*, bukan satu dua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pun..., kita orang Malaysia. Ini dibangkitkan di peringkat antarabangsa. Seramai 1,500 orang mati dalam *detention centers...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tiada jawapan. Adakah Menteri tahu berkenaan dengan aduan ini di peringkat *United Nations*? Satu laporan di BBC, 18 Jun yang lepas yang juga keluar dalam surat khabar di Malaysia...

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Duduk, duduk, duduk! / tidak bagi *you*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Bukan bagi ataupun tidak tetapi, soalan saya, jawab soalan saya. Kalau hendak datang ke Dewan kerap kali tidak boleh jawab soalan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** ...Dan minta semua Ahli Parlimen duduk kenapa datang ke Dewan? Buang masa semua orang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Isu kita bangkit, kamu tidak boleh jawab.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Duduk, duduk, duduk!

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Duduk, duduk, duduk! Saya datang ke sini untuk tanya soalan!

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Saya tidak bagi *floor*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Akan tetapi, *you* tidak boleh jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong, cukup Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Bukan minta 'jalan'! Jalan JKR buat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya hendak tahu, adakah Speaker tahu berkenaan dengan aduan itu. *One question! Are you aware of this complain or not? 1,500 people died, tell us do you know or not?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukup. Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Duduk.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Jawab soalan saya. Bukan duduk, jawab soalan saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat jangan buat macam ini Yang Berhormat, cukuplah ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau semua Menteri hendak datang sini tidak hendak jawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen, buat apa datang ke sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia ada jawapan, soalnya jawapan itu tidak diterima.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya hendak tanya soalan yang *simple*, 1,500 orang dikatakan mati di dalam lokap kita di sini. Isu ini serius, bukan sahaja setakat di Malaysia tetapi antarabangsa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat cukup Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** ...Takkan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Let him answers*, Yang Berhormat. Biar dia sudah jawab dulu. Duduk dulu, Yang Berhormat. Cukup, Yang Berhormat kena duduk untuk Timbalan Menteri menjawab.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sila jawab.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan ucapan menggulung saya yang mana saya ingin menyentuh berkaitan dengan isu dadah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Ini tentang PATI. Ada satu soalan ringkas sahaja. Jabatan Imigresen saya difahamkan mempunyai kuasa untuk menahan mana-mana pendatang ataupun pelancong asing ke dalam negara atas nama keselamatan dan juga kedaulatan negara ini. Saya juga dimaklumkan dalam jawapan bertulis dalam Dewan ini bahawa untuk mencapai matlamat tersebut, Jabatan Imigresen ada pangkalan data yang cukup lengkap untuk mengesan mana-mana pelancong ataupun pendatang yang masuk ke dalam negara sekiranya mereka ini dikaitkan dengan beberapa masalah yang mungkin menimbulkan keamanan negara. Setuju atau tidak dengan perkara tersebut? Maknanya imigresen ada kuasa untuk menahan pendatang daripada masuk ke dalam negara. Sebelum saya teruskan penjelasan yang kedua saya minta Yang Berhormat Menteri, setuju atau tidak?

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Ini bukan soalan soal jawab dalam Parlimen.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Tidak, saya hendak minta penjelasan tentang itu dulu sebab...

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Saya tidak perlu beri *floor* kepada inilah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Kenapa pula tidak bagi *floor*? Saya sudah jawab dekat tiga minit dah, kenapa pula tidak bagi *floor*?

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Tidak, saya tidak duduk pun.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Ya?

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Saya tidak duduk bila *you* cakap.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Kenapa tidak duduk?

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Pasal saya tidak bagi *floor*.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Tadi sudah bagi peluang saya bercakap. Saya hendak tanya benar atau tidak Jabatan Imigresen ada bidang kuasa menahan mana-mana pendatang masuk ke dalam negara kita. Ada kuasa atau tidak?

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Saya tidak bagi *floor*.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau semua Menteri dan Timbalan Menteri datang begini, mana hendak dapat penjelasan. Apakah itu jawapan daripada kementerian?

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Berkenaan isu dadah Yang Berhormat Kinabatangan ingin mengetahui...

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Tuan Yang di-Pertua juga...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak, saya tidak boleh paksa menjawab soalan ini Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua juga ada kuasa untuk memastikan perjalanan Majlis ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya ada kuasa minta Yang Berhormat duduklah lepas ini.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ...Benar-benar bertanggungjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Ada kuasa atau tiada? *Simple question* Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukup Yang Berhormat Gombak.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Duduklah. Berkaitan dengan isu dadah...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya tidak akan duduk selagi saya tidak dapat jawapan.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Yang Berhormat Kinabatangan ingin mengetahui jumlah kos operasi...

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Kenapa tidak boleh kalau dia boleh?

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Bagi memulihkan penagih-penagih dadah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia menjawab.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Dia tidak jawab Tuan Yang di-Pertua, kalau dia jawab saya tidak ada masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu juga jawapan Yang Berhormat.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** ...Yang sedia ada dan akan dibuka.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Sepatutnya dia kata saya tidak ada jawapan, boleh atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Seorang Ali:** Cari Menterinya!

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Seterusnya beliau mencadangkan penagih-penagih dadah ditempatkan di suatu pulau yang tidak...

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Menteri, mana menteri?

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** ...Mudah dihubungi.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, berjalan...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Apa guna ini lebih baik tangguhkan jawapan. Panggil Menteri datang ke sini. Ini penghinaan Parlimen.

- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.
- Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Ini bukan takut.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Akan tetapi satu jawapan yang memuaskan.
- Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Bukan takut.
- Beberapa Ahli Parlimen:** *[Menyampuk]*
- Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat...
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain saya minta diam, Yang Berhormat.
- Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri ini jadi Timbalan Menteri tahun ke berapa?
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Menteri sedang menjawab Yang Berhormat Pokok Sena.
- Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, Yang Berhormat Timbalan Menteri ini tahun 1810 kah?
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh macam itu Yang Berhormat.
- Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Menteri tahun 1810 kah?
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia menjawab, dia sedang menjawab sekarang Yang Berhormat.
- Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Dia tidak jawab.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Soal dia...
- Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Bukit Gelugor dia tidak jawab, Puchong dia tidak jawab...
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat tidak menerima jawapan Menteri.
- Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Balik Pulau tidak jawab, Gombak tidak jawab. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh jawab, panggil Menteri turun. Saya tahu Menteri ada di atas, dia tidak berani turun... *[Dewan riuh]*
- Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Saya sudah jawab. Untuk makluman Yang Berhormat, kos operasi yang dibelanjakan oleh kerajaan bagi seorang penghuni Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (Puspen) adalah sebanyak RM17.77 sen sehari atau bersamaan RM593.10 sebulan. Kos ini merangkumi perbelanjaan makan dan minum, emolomen kakitangan dan perkhidmatan serta bekalan. Pada masa ini terdapat sebanyak 27 buah Puspen di seluruh negara. Walau bagaimanapun, hanya sebanyak 22 buah Puspen yang sedang beroperasi manakala lima buah lagi ditutup...
- Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.
- Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** ...Untuk tujuan pembangunan dan pembaikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ada point of order lagi, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Point of order.* Menteri duduk. Bolehkah saya dapat tahu Tuan Yang di-Pertua, seorang Menteri, bolehkah dia baca ucapan dia. Dia baca! Ini bukan tadika... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bukan tadika.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Bolehkah dia baca macam itu?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini betul-betul tahun 1810 punya, zaman buta huruf lagi apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Point of order* yang berapa Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Di mana ada dalam peraturan mesyuarat ada peruntukan yang dia boleh baca? Di mana ada..., oleh itu dia tidak boleh baca.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, memang telah menjadi kelaziman untuk Menteri menjawab berdasarkan data-data yang dicatat.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Apa data-data. Apabila kami tanya apa-apa, dia tidak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Apa cukup?... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Apa masalah, Yang Berhormat? Saya tidak tahu apa-apa masalah dia. Apa masalah Yang Berhormat?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Masalah dia, Tuan Yang di-Pertua, kalau Menteri tidak mahu menjawab, Menteri balikkah. Balik, bagi orang lain yang boleh jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Kalau Yang Berhormat Menteri tidak mahu jawab, minta Pegawai datang jawab lagi baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat panjang lagi Yang Berhormat?

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Sikit lagi. Sikit lagi. Pada masa kini terdapat 27 buah Puspen di seluruh negara. Walau bagaimanapun, hanya 22 buah Puspen yang sedang beroperasi manakala lagi lima buah lagi ditutup sementara untuk tujuan pembangunan dan pembaikan. Sebuah lagi Puspen sedang dibina di Kota Tinggi, Johor.

Sehubungan dengan cadangan Yang Berhormat Kinabatangan, bagi menempatkan penagih-penagih dadah di sesebuah pulau, buat masa kini kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk berbuat demikian...

■1620

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Penjelasan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Tuaran bangun Yang Berhormat.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Ini berkaitan dengan pusat pemulihan penagih dadah ini. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat telah menerangkan mengenai perbelanjaan. Apabila seorang daripada penagih meninggal di tempat pemulihan ini, siapakah yang bertanggungjawab untuk menguruskan penghantaran jenazah? Sebab Yang Berhormat, saya ada kes di kawasan saya, apabila keluarga itu datang kepada kita untuk minta bantuan perbelanjaan tambang kapal terbang dan sebagainya untuk membawa jenazah ke kampung dan saya ingin tahu sama ada kerajaan bertanggungjawab untuk berbelanja aspek ini.

Kedua, saya dimaklumkan keluarga tidak diberi maklumat sepenuhnya apakah sebab kematian. Ini kerana jenazah dan keranda itu dibalut sepenuhnya dan diarahkan untuk terus dikebumikan. Kadang-kadang ahli keluarga tidak mengetahui apakah sebab kematian ahli keluarga itu. Minta penjelasan Yang Berhormat, terima kasih.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan perbelanjaan yang harus dikenakan terhadap penagih yang meninggal di PUSPEN, biasanya ianya dibiayai oleh keluarga si mati sendiri dan berkaitan dengan sebab-sebab mengapa dalam kes ini tidak diberitahu, kalau dapat diberitahu spesifik kes tersebut, boleh kita buat siasatan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan hal-hal kepenjaraan berkaitan dengan isu ini, Yang Berhormat Permatang Pauh membangkitkan persoalan plot harta tanah tapak Penjara Pudu Kuala Lumpur yang diserahkan kepada UDA pada tahun 90-an dan mendakwa ada ura-ura akan dipindahkan kepada Tan Sri Vincent Tan. Tuan Yang di-Pertua, tapak Penjara Pudu telah diserahkan oleh kerajaan kepada UDA pada tahun 1996. Tanah tersebut diberikan kepada UDA melalui konsep penswastan pembinaan Penjara Sungai Buloh Selangor. Setelah penjara Sungai Buloh siap dibina, dan diserahkan kepada jabatan penjara, serta setelah semua banduan dari penjara Pudu dipindahkan ke Penjara Sungai Buloh pada tahun 1996, tapak penjara Pudu telah diserahkan kepada pihak UDA.

Selepas penyerahan tanah berkaitan kepada UDA, KDN khususnya Jabatan Penjara tidak lagi mempunyai autoriti terhadap tanah berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu berkaitan dengan kes penculikan dua

orang di Semporna telah dilaporkan, tetapi kes masih lagi dalam siasatan tetapi mangsa masih belum ditemui. Kes ini telah lama berlaku dan masih belum selesai.

Kerajaan sedang dan masih berusaha untuk membebaskan dua orang rakyat Malaysia yang diculik dan rundingan sedang dijalankan dengan kumpulan penculikan berkenaan. Setakat ini rundingan tersebut menunjukkan tanda-tanda positif dan kedua-dua mereka dilaporkan berada dalam keadaan selamat. Bagi mengelak kejadian yang sama daripada berulang, penempatan dan rondaan pasukan keselamatan terutamanya pihak polis dan tentera di kawasan-kawasan berisiko tinggi dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat ini sahaja yang saya dapat jawab dan yang mana soalan-soalan yang dikemukakan Ahli-ahli Yang Berhormat akan dijawab secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Timbalan Menteri Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

#### **4.24 ptg.**

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan sepanjang sesi perbincangan RMKe-10 yang telah berlangsung dari 14 Jun hingga 22 Jun 2010.

Pihak kementerian akan memberi perhatian dan mengambil tindakan susulan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Secara keseluruhan isu berkaitan Kementerian yang telah menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah dirumuskan kepada;

- (i) jurang digital;
- (ii) jalur lebar;
- (iii) infrastruktur telekomunikasi;
- (iv) talian telefon;
- (v) liputan siaran dan teknologi penyiaran;
- (vi) Lenggong sebagai tapak warisan dunia; dan
- (vii) Pusat Seni.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha merapatkan jurang digital di antara kawasan bandar dan luar bandar di Malaysia seperti membangunkan 42 pusat *internet* desa dan menyediakan kemudahan rangkaian dan peralatan ICT kepada 359 buah klinik desa dan 810 buah perpustakaan desa di seluruh negara.

Selain itu inisiatif-inisiatif terkini bagi merapatkan jurang digital telah diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Mac 2010. Antaranya;

- (i) pelaksanaan Pusat Jalur Lebar Komuniti atau PJK yang akan menyediakan perkhidmatan jalur lebar kepada 615,000 penduduk di 246 lokasi dan
- (ii) penubuhan Pusat Internet Rakyat atau PIR di 121 premis Jabatan Penerangan di seluruh negara yang akan memberikan liputan jalur lebar kepada, dianggarkan 400,000 pengguna;
- (iii) peluasan liputan selular awam melalui pembinaan 873 menara telekomunikasi baru di seluruh negara termasuk 212 di Sabah dan 203 di Sarawak; dan
- (iv) penyediaan RM1 bilion daripada dana pemberian perkhidmatan secepat atau USP bagi pelaksanaan pengagihan satu juta komputer riba atau *notebook* kepada golongan kurang berkemampuan.

Kerajaan sedang giat mempertingkatkan usaha dengan melaksanakan pelbagai strategik bagi membudayakan penggunaan jalur lebar dan teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT supaya menjadi sebahagian gaya hidup masyarakat. Melalui pelaksanaan jalur lebar negara, kesemua lapisan masyarakat sama ada di bandar, di pinggir bandar ataupun di luar bandar akan dapat menikmati perkhidmatan jalur lebar. Pihak Menteri turut menawarkan pakej *notebook* dengan jalur lebar pada kadar yang rendah iaitu RM38 sebulan dan untuk kawasan USP yang dikenal pasti, kadarnya hanya RM20 sebulan. Dengan ini lebih ramai rakyat terutama yang berpendapatan rendah dapat menikmati manfaat jalur lebar.

Di samping itu terdapat kementerian lain seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran dan lain-lain yang turut menyediakan program-program bagi merapatkan jurang digital di antara masyarakat bandar dan luar bandar.

Berkenaan dengan isu infrastruktur telekomunikasi, kerajaan sentiasa prihatin dalam memastikan masyarakat tidak terpinggir dalam arus kemodenan. Kerajaan telah memperkenalkan sebuah program pada tahun 2008 yang dikenali dengan Program *Time Tiga* atau *Time 3* untuk memperluaskan liputan selular di seluruh negara termasuk kawasan-kawasan pedalaman. Peluasan liputan selular awam ini melibatkan pembinaan 1,000 buah menara telekomunikasi di seluruh negara, di mana 127 buah menara telah siap dan beroperasi.

#### ■1630

Berkenaan dengan liputan siaran dan teknologi penyiaran - Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengambil maklum dan mengakui masih terdapat kawasan di pedalaman yang tidak dapat menerima siaran radio dan televisyen RTM ekoran daripada ketiadaan infrastruktur asas seperti bekalan elektrik, jalan raya serta tapak yang sesuai dan ini menyulitkan pembinaan stesen pemancar radio dan televisyen namun kementerian sentiasa berusaha dan mencari kaedah lain untuk menyediakan perkhidmatan radio dan televisyen. Antara inisiatif terkini

kementerian adalah penyediaan perkhidmatan televisyen RTM melalui satelit dengan bekerjasama dengan pihak ASTRO secara percuma kepada komuniti yang tiada akses penyiaran di kawasan pedalaman Semenanjung Malaysia, di Sabah dan di Sarawak yang dijangka akan dimulakan pada bulan Ogos tahun ini.

Berkenaan kandungan siaran, kementerian melalui RTM sentiasa peka dan tidak menyiarkan apa-apa program hiburan yang keterlaluan sehingga menimbulkan kelalaian. Walau bagaimanapun, RTM menyiarkan program santai yang tidak mempunyai unsur-unsur sensasi, malah bertujuan memberi informasi dan hiburan. Pada masa ini, peratus rancangan hiburan di TV2 adalah sebanyak 4.17% dan peratus rancangan informasi di TV2 ialah 27.97%.

Penerbitan rancangan untuk siaran RTM adalah tertakluk kepada garis panduan Lembaga Penapisan Filem yang berpandukan kepada prinsip rukun negara. Setiap penerbitan perlu peka terhadap kesejahteraan perpaduan dan keselamatan rakyat dan negara Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya serta mematuhi arahan-arahan semasa. Kandungan program yang disiarkan hendaklah sesuai ditonton seisi keluarga, tidak menyinggung mana-mana agama, bangsa, kaum, etnik, golongan, pertubuhan, persatuan dan individu. Memperkasakan bahasa *standard* dan mempertahankan budaya Malaysia yang bermoral tinggi dan berwawasan. Tidak mengaitkan sesuatu kaum atau golongan dengan pekerjaan dan perlakuan yang tertentu. Membina kehidupan yang lebih baik dan tidak boleh menunjukkan elemen seks.

Berkenaan dengan usaha merealisasikan Lenggong sebagai tapak warisan dunia, kementerian telah menyediakan *dossier* pencalonan warisan dunia - *prehistoric archeological heritage of Lenggong Valley...*

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjaga kebudayaan dan juga warisan di negara kita. Saya ingin tanya mengapa membenarkan pihak berkuasa tempatan iaitu pihak DBKL merobohkan tembok Penjara Pudu - salah satu warisan di negara kita, berusia 115 tahun. Inilah satu warisan yang kita boleh banggakan oleh kerana di Kuala Lumpur, bangunan melebihi 100 tahun tidak ada banyak. Inilah juga reka bentuk *architecture* tentang Penjara Pudu ini yang sangat unik dan juga satu bangunan yang boleh kita promosikan untuk menarik lebih pelancong-pelancong dari luar negeri.

Mengapa kerajaan membenarkan DBKL merobohkan tembok terpanjang yang mencatatkan rekod dunia. Lukisan tembok dengan tangan terpanjang dan juga *Guinness Record*

- kedua-dua rekod kita ada pada tembok Penjara Pudu dan saya minta penjelasan daripada kementerian yang berkenaan. Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum[Julau]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tadi berkenaan dengan Penjara Pudu. Di sini saya hanya hendak menambahkan sedikit sahaja daripada segi perspektif kementerian ini iaitu Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan telah mendokumentasikan Kompleks Penjara Pudu secara terperinci dalam bentuk lukisan seni bina, fotografi dan video sebelum ia dirobuhkan. Untuk makluman Yang Berhormat...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** [Bangun]

**Dato' Joseph Salang anak Gandum[Julau]:** ...Sebagaimana yang telah ditanyakan Yang Berhormat pada pagi tadi berkenaan dengan pintu gerbang ataupun *main entrance* telah dinyatakan oleh Menteri KPKK, bahawa pintu gerbang atau *main entrance* Kompleks Penjara Pudu akan dijadikan satu memorial di bawah perancangan pembangunan kawasan tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sri Gading bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang Tuan Yang di-Pertua. Saya antara yang lama di Parlimen ini dan saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita sama-sama masuk Parlimen, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...Saya aktif dalam Parti UMNO, 46 tahun dan saya ialah pewaris - antara pewarisan negara ini. Saya melihat sesuatu yang tidak berapa enak di negara kita. Kuala Lumpur dipilih menjadi ibu negara dan apabila kita pilih Kuala Lumpur menjadi ibu negara, kita kena terima segala sejarahnya.

Apabila keghairahan kita hendak memusnahkan tapak-tapak sejarah - ambil contoh Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz, Subang. Sepatutnya ia mesti dipelihara. Di situlah pertama kali Almarhum Tunku Abdul Rahman mendarat membawa khabar gembira kemerdekaan negara, tetapi tempat kita melambai orang haji dahulu sudah tidak ada. Dahulu gambar P. Ramlee pun ada di situ. Bagi kita yang menilai...

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Sri Gading, Sungai Besi bukan Subang ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...Nantilah. *You* pun hendak masuk salah tempat. Ini Sultan Abdul Aziz bukannya di Sungai Besi. Sungai Besi sudah pun menjadi lapangan terbang tentera. Penjara - Penjara Pudu. Hendak diapakan? Sudah ada di situ. Banyak negara - macam saya pergi ke Bukit Tinggi, Indonesia. Lubang Jepun bersembunyi waktu pemerintahan Jepun datang ke Indonesia pun masih ada, dapat dilihat. Kita pergi Vietnam,

lubang tempat Vietcong hendak menyelamatkan negara ia pun ada lagi, sampai sekarang ia tunjuk menjadi tarikan pelancongan.

■1640

Kalau kita asyik hendak meroboh, hendak meroboh, bila kita hendak membina sejarah? Ini Parlimen pula kata hendak- saya minta maaf kalau agaknya bercanggah sedikit dengan sesiapa. Akan tetapi sebagai rakyat Malaysia yang cinta kepada sejarah, Kota Melaka kita kekalkan. Kota Melaka itu ialah simbol penjajahan Portugis, kita kekalkan kerana kita mengambil daripada persepsi yang positif. Kalau kita hendak roboh, asyik roboh, ini Penjara Pudu roboh, hendak buat apa, apartmen? Siapa hendak beli, ada hantu banyak sana. Beribu orang kena gantung sana, siapa hendak beli, siapa? Bodoh sangatlah pemaju yang hendak buat apartmen ini, yang tidak akan laku. Hantu dia masih ada. Masa robohkan hantu itu berkeliaran, jaga kau esok... *[Ketawa]* Akan tetapi saya tidak cari hantulah. Hantu pun takut dengan saya.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Vincent Tan pun tidak percaya dengan hantu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak, tidak. Saya bercakap dari segi sebagai rakyat yang menghargai sejarah. Hendak buat alasan begini, begini, ya betul. Kita boleh buat alasan tetapi alasan orang yang cinta kepada sejarah, apakah kita tidak mahu mendengar? Kita kena fikir bahawa rakyat dalam negara ini cinta kepada sejarah ini. Ambil contoh, banyaklah besok apa kita roboh, roboh, roboh, main roboh, merobohkan, memang mudah tetapi Kota Rome tidak dibina dalam satu malam... *[Disampuk]* Saya tahu pihak kementerian akan jawablah begitu begini begitu begini. Saya bercakap ini supaya jangan terlewat, jangan terlambat, bahan-bahan sejarah negara ini wajib dipelihara. Kita sudahlah tidak membuat. Kita sudah tidak berjasa kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Penjara Pudu sudah terlambat, sudah roboh sudah Yang Berhormat.

**Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Sedikit laluan, sedikit laluan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Nantilah dahulu, biarlah.

**Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Tahu, laluan dekat Menteri.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya bukan apa saya mencelah ini fasal hendak melahirkan rasa, rasa hati.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Titiwangsa tidak boleh, tidak boleh salah peraturan macam ini Yang Berhormat.

**Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Bukan, bukan, bukan laluan dia, saya hendak bercakap selepas dia.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Nanti, nanti, nantilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey, duduk dahulu, duduk dahulu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya mendapat laluan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bukan kita hendak bercanggah, tidak. Saya tidak hendak bercanggah dengan sesiapa, cuma hendak melahirkan. Wajiblah saya sebagai warganegara Malaysia yang cinta kepada sejarahnya. Bandar Hilir Melaka itu sejarah. Tuanku Abdul Rahman berarak, Allahyarham banyak, pemimpin-pemimpin berarak ini sejarah. Jadi benda-benda yang berkaitan dengan sejarah biar kita kekalkanlah. Hendak besarkan Kuala Lumpur, bina Kuala Lumpur, Kuala Lumpur kecil, kecil tanah kah, kurang luas kah? Boleh besar ke Kepong..., Yang Berhormat Kepong tidak ada. Boleh besar ke mana-mana, boleh besarkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Menteri hendak jawab Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Saya hendak sedikit laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat?

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila.

**Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Sedikit tentang isu yang sama. Saya bersetuju dengan Timbalan Menteri yang pernah mengatakan kita tidak ada rasa merasakan bahawa Pudu Jail itu adalah satu *heritage*, warisan, kerana di situ ada sejarah hitam. Akan tetapi kita mesti sedar sejarah hitam adalah sebahagian juga daripada sejarah. Malah di Pudu Jail itulah di mana kita mendidik mereka yang telah melakukan kesalahan untuk menjadi warganegara ataupun rakyat yang lebih baik. Jadi itulah sejarahnya.

Jadi saya kira sejarah itulah yang harus dikekalkan. Jadi saya harapkan pihak kerajaan mendengar pandangan daripada semua pihak. Saya ingat ini tidak berbeza dari segi ini, daripada Ahli-Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional pun nampaknya mempunyai sentimen yang sama dengan daripada kami di Pakatan Rakyat. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh sedikit lagi Timbalan Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat?

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak sehaluan dengan Yang Berhormat Sri Gading dan Yang Berhormat Titiwangsa. Kita ini apa yang kita waris kepada bangsa kita iaitu satu warisan...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sokong, sokong tetapi tidak naik juga Timbalan Menteri.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *You shut up!*

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Satu warisan yang boleh menjadi sejarah kebanggaan. Kalau kita bela orang yang di penjara pula, ini tidak masuk akal tetapi saya mempertahankan Dewan yang mulia ini jangan lagi dipindah-pindah. Inilah tempat kita menyelesaikan masalah rakyat, buat apa lagi kita cari beratus-ratus juta untuk pindah Dewan ini. Pada saya inilah warisan anak bangsa yang menjadi kebanggaan kita. Soal Penjara Pudu itu kalau boleh musnahkanlah sama sekali sejarah dia supaya tidak lagi mengganggu gugat.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri, tambah sedikit lagi. Di sini saya hendak tanya menteri. Adakah Menteri setuju satu bangsa yang menghargai sejarah sendiri tidak boleh menjadikan satu bangsa yang berjaya. Tidak kira itu penjara atau bangunan lain. Ia merupakan satu catatan penting untuk keturunan masa depan kita. Apa pandangan Menteri? Adakah menteri setuju satu bangsa yang tidak menghargai sejarah sendiri tidak boleh menjadikan satu bangsa yang berjaya. Terima kasih. .. [Tepuk]

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Titiwangsa, Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Bakri. Yang Berhormat Bakri ada menyuarakan perkara yang agak *philosophical* dan biarlah ianya setakat itu sahaja. Berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sri Gading. Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Titiwangsa, saya juga ada berpendapatan yang sama namun demikian Yang Berhormat, bagaimanalah kita boleh pertahankan yang telah diroboh.

Ini adalah untuk menjadi pengajaran kepada kita semua pada masa-masa yang akan datang. Saya seperti mana Yang Berhormat tahu juga sekelas dengan Yang Berhormat masuk darjah sini sama-sama pada tahun 1959 begitu juga dengan Yang Berhormat Kinabatangan. Kita sama-samalah mempertahankan Kompleks Parlimen ini supaya ianya tidak diganti atau di roboh.

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** Penjelasan sedikit.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Berbalik kepada Tapak Warisan Dunia di Lenggong...

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** Penjelasan. Sedikit satu minit.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Banyak kementerian lain yang belum sempat menjawab Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Tidak bagi, itu sudahlah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bolehlah.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Satu minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bukan hendak roboh, hendak roboh UMNO sahaja. Bukan hendak roboh *Pudu Jail*, hendak roboh UMNO...

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Kita tidak bersetuju.

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** *One minute.*

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Tidak apa, tidak apa.

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** *One minute.*

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Tidak apalah, tidak apa. *Its okay*, tidak apa.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, kita bersetuju UMNO bukan warisan yang perlu dipertahankan. Ia boleh dirobohkan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak UMNO ialah warisan, yang boleh dirobohkan PAS fasal PAS ini pecahan daripada UMNO... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena kata UMNO tidak boleh dipertahankan, Yang Berhormat Sri Gading kata PAS tidak perlu dipertahankan. Samalah.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Tuan Yang di-Pertua, balik kepada Tapak Warisan Dunia di Lenggong, kementerian telah menyediakan *dossier* pencalonan warisan dunia *prehistoric archeological heritage of Lenggong Valley* untuk dikemukakan kepada Pusat Warisan Dunia UNESCO pada 15 November 2010. Pelan Pembangunan Lenggong sebagai sebuah Tapak Warisan Dunia akan disediakan di bawah peruntukan Rancangan Kawasan Khas (RKK) di bawah Akta Perancang Bandar dan Desa bagi tujuan pembangunan ekonomi dan pelancongan di kawasan itu. Dalam RMKe-9, kementerian telah menyediakan pembangunan infrastruktur bagi kemudahan pelawat-pelawat yang datang melawat Tapak Warisan di Lembah Lenggong.

Berkenaan dengan cadang untuk di *centralized* kan Pusat Seni, setakat ini KPKK telah mempunyai sembilan buah taman budaya atau pusat seni di negeri-negeri yang diletakkan di bawah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Dua buah lagi taman budaya masih dalam pembinaan melalui RMKe-9 iaitu Taman Budaya Negeri Kelantan dan Taman Budaya Sabah. Taman budaya ini menjadi pusat pentadbiran JKKN dan pusat aktiviti seni dan budaya di peringkat negeri. Ia mempunyai pelbagai kemudahan seperti auditorium persembahan, ruang latihan dan pusat sumber.

#### ■1650

Taman budaya ini merupakan tempat bagi menjalankan aktiviti-aktiviti kebudayaan sama ada dianjurkan oleh jabatan atau pihak luar. KPKK tidak dapat menyerahkan taman budaya atau pusat seni ini kepada penduduk setempat kerana ia merupakan tempat pentadbiran JKKN peringkat negeri dan tempat menjalankan aktiviti-aktiviti yang telah disusun oleh jabatan sepanjang tahun termasuk juga aktiviti-aktiviti seni oleh penduduk setempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan cadangan berkaitan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Segala cadangan dan pandangan akan diambil perhatian serta tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya jemput Yang Berhormat Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

#### 4.51 ptg.

**Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh, Kinabatangan, Sibul, Maran, Ranau, Kota Kinabalu, Tenom, Lembah Pantai, Tawau, Hulu Selangor, Pasir Mas, Batang Sadong, Kota Belud, Simpang Renggam, Sri Aman, Sepanggar, Silam, Lubuk Antu, Kuala Krau, Kuala Krai, Bukit Katil, Sungai Petani, Tangga Batu, Hulu Rejang, Kanowit dan Jempol yang sudi berkongsi pandangan dan cadangan menyentuh bidang tugas kementerian saya sepanjang sesi perbincangan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Pelbagai isu penting dan cadangan bernas telah diutarakan dalam sesi perbincangan dan pihak kementerian akan memberi perhatian dan tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan. Izinkan saya memberi penjelasan berhubung perkara-perkara yang telah dibangkitkan mengikut sektor.

Pertamanya sektor bekalan elektrik. Isu bekalan elektrik di Sabah Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai, Sepanggar, Silam, Tawau dan Kota Kinabalu telah membangkitkan isu mengenai kualiti bekalan elektrik di Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan akan mengkaji dan menyelidik dengan mendalam punca-punca gangguan bekalan elektrik di Sabah termasuk menilai prestasi syarikat utiliti yang dipertanggungjawab dalam mengendalikan bekalan elektrik di Sabah. Kerajaan amat yakin bahawa masalah bekalan elektrik di Sabah boleh diatasi dalam masa beberapa tahun lagi. Ini dapat dilihat dari segi penurunan yang drastik...

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Minta, minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Saya baca ayat ini habis dahulu. Ini dapat dilihat dari penurunan yang drastik bacaan *System Average Interruption Duration Index* (SAIDI). Masa ini iaitu sebanyak 487.56 minit gangguan sehingga 19 Jun dan berbanding dengan 2,870 minit pelanggan setahun yang dicapai dalam tahun 2009.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini perkara penting bagi rakyat negeri Sabah. Rakyat negeri Sabah sekarang sedang menangis kerana gangguan elektrik di Sabah ini amat teruk sekali sampai SAIDI ia sampai 700 unit. Jadi masalah

kalau jawapan Yang Berhormat Menteri tadi terima kasih lah kerana memberi jawapan yang perkara ini akan diselesaikan pada masa dua tiga tahun.

Jadi pada masa dua tiga tahun ini, Yang Berhormat Menteri pilihan raya akan datang mungkin masalah elektrik ini belum selesai lagi. Maka tidak tahulah. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat mengatasi masalah ini dengan pendekatan yang amat efektif. Iaitu saya ada cadangan walaupun ada *Ranhill Powertron* oleh kerana akan wujud pada dua tiga tahun akan datang yang akan datang.

Akan tetapi pada masa sekarang ini masalah orang punya *ice box*, ikan semua busuk belum dapat diselesaikan. Jadi saya ada mendapat maklumat bahawa ada cadangan dari pihak kementerian untuk membeli satu jenis teknologi daripada Jepun iaitu *Ness Battery* yang telah pun dipersetujui oleh menteri. Saya rasa menteri sedar perkara ini dan kenapa ini tidak dilaksanakan? Ini boleh dilaksanakan, boleh di *installable* dalam masa tiga bulan yang saya fahamkan. Dia punya kapasiti mungkin 52 megawatt. Dan ia punya harga mungkin mahal tetapi, dalam segi pengurusan, penjagaan loji-loji yang lain seperti *diesel power* ini. *Diesel power* di Sabah ini saya agak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** ...Agak sudah lama Yang Berhormat Menteri. Bila-bila ia akan lenyap. Jadi apa akan berlaku kalau generator *genset* diesel ini mati sahaja. Jadi saya harap menteri dapat mengatasi masalah ini dan kerajaan saya tahu ingin menyelesaikan masalah ini pada masa yang terdekat. Saya mencadangkan Menteri belilah – sediakan peruntukan belikanlah teknologi yang boleh disediakan dalam masa tiga bulan ini. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh sambung sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Belud di belakang Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Alternatif, alternatif kepada apa yang perancangan jangka panjang kementerian. Saya ucapkan terima kasih kepada kementerian kerana telah membuat perancangan yang cukup rapi demi pembangunan negeri Sabah walaupun tentangan banyak daripada pembangkang akan tetapi mereka ini lebih kepada modal politik tanpa memikirkan kepentingan rakyat Sabah, tanpa memikirkan kepentingan orang Tawau, mereka hanya menggunakan isu ini sebagai platform politik.

Akan tetapi tidak apa. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri. Satu program yang dibuat oleh kementerian iaitu SREP. *I think* kalau tidak silap *Small Renewable Energy Power Programme*. Saya dapati di negeri Sabah masih lagi tidak dipraktikkan secara menyeluruh. Ini adalah loji-loji kecil hidro yang menjana kuasa lebih kurang satu dua tiga wattlah yang kecil. Saya

minta penjelasan apakah kementerian akan mengadakan program-program ini di negeri Sabah. Terima kasih.

**Tuan Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]:** Yang Berhormat Menteri boleh saya tambah sedikit. Yang Berhormat Kota Kinabalu. Di Sabah kita ada banyak sungai. Saya tidak tahu kenapa SESB atau kementerian tidak kaji gunakan sungai itu untuk buat *electricity*. Kita tidak perlu empangan besar dan tinggi. Kita ada satu teknologi baru dilaporkan dalam surat khabar tidak lama. Ini ada satu teknologi yang baru. Bolehkah kementerian *study this proposal*? Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Boleh Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** *[Bangun]*

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Terakhir sebelum jawab. Sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya hendak jelaskan sedikit kerana Ahli Parlimen Kota Belud tidak faham bahawa minggu lepas semasa isu ini dibawa sebenarnya telah mendapat *by partisan support*. Ahli Parlimen Putatan termasuk Tawau, Kota Kinabalu dan Lembah Pantai, kita memang bersama hendak cuba selesaikan masalah bekalan elektrik di Sabah.

Saya hanya ingin menanyakan sama ada pihak kementerian telah menerima laporan implikasi negatif loji jana kuasa arang batu dan juga cadangan susulan pada *University of California, Berkeley*.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Ini kerana laporan tersebut juga diberikan kepada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Jadi bila berbincang tentang status bekalan elektrik, pihak kementerian menyatakan kesediaan untuk meneliti sumber alternatif. Saya ingin bertanya sudah kah diperincikan laporan tersebut, satu. Ini kerana dinyatakan bahawa untuk projek di Lahad Datu itu sudah keluar *detail environmental impact assessment*. Jadi agak mengelirukan kerana kita masih menunggu adakah kesediaan pihak kerajaan untuk membuat, mencari sumber asli tenaga alternatif di Sabah itu menerusi tender terbuka. Itu persoalan saya. Terima kasih.

■ 1700

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Kota Kinabalu dan Yang Berhormat Lembah Pantai. Sebenarnya yang banyak ditanya tadi adalah perkara-perkara yang saya sudah jawab dalam sesi-sesi yang lepas.

Yang Berhormat Putatan yang membawakan satu cadangan untuk kementerian menimbang satu kaedah yang agak baru, teknologi baru ini yang didatangkan dari Jepun iaitu *NAS battery*. Memang saya tahu perkara ini dan kementerian menimbang masih sama ada perkara ini dapat digunakan untuk menyelamatkan atau masalah tidak kurang elektrik, janaan

*electricity* di Sabah. Ingin saya menyebut secara ringkas bahawa teknologi ini adalah untuk apa yang disebut sebagai *picking mechanism* untuk membanteras tidak cukup elektrik apabila dalam satu masa yang mana permintaan elektrik itu adalah sangat tinggi umpamanya dari waktu tengah hari sehingga jam dua petang. Pada waktu itu, memang permintaan *peak* dan cara bateri adalah untuk cuba mem *balance* kan apa yang permintaan dengan bekalan dalam masa itu. Walau bagaimana pun, kita akan menimbangkan perkara ini. Saya tidak menolak sama sekali perkara ini.

Mengenai kosnya, itu adalah satu kos yang amat tinggi dan kita perlulah buat satu pertimbangan sama ada kos itu seragam dengan kegunaan bateri tersebut untuk menyelesaikan masalah. Mengenai loji arang batu yang disebutkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai, nanti saya akan jawab tentang perkara ini. Memo itu memang saya terima. Saya serahkan kepada pegawai saya untuk diteliti dan kita akan jawab nanti.

Mengenai cadangan SREP ini memang SREP ini digunakan tetapi SREP buat masa sekarang kita kalau tidak silap, kita sudah meluluskan 11 buah projek tetapi hanya tiga buah projek boleh berjalan di Sabah. Ini bermakna pencadang-pencadang projek SREP ini menghadapi masalah mereka sendiri daripada segi pulangan daripada elektrik-elektrik yang dijanakan oleh mereka. Oleh sebab itu, maka mereka hadapi masalah untuk memulakan walaupun diberikan kebenaran tetapi mereka tidak memulakan untuk membina lojinya dan sebagainya.

Mengenai Yang Berhormat Kota Kinabalu, *your* cadangan, Yang Berhormat punya cadangan ialah untuk menggunakan sungai. Saya hendak menyebut kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sungai ini sememangnya digunakan di Sabah tetapi malangnya di Sabah sungai-sungai yang dapat kita gunakan untuk menjanakan elektrik yang mana kalau terlalu hulu, kita tidak boleh juga gunakannya. Akan tetapi, kalau di kawasan hilir, airnya selalu tidak mencukupi dan kuasa elektrik yang kita boleh hasilkan daripada sistem-sistem ini iaitu *in the river type of generation* dengan izin, maka ia tidak dapat membekalkan kapasiti yang kita inginkan. Itu sebab kita tidak gunakannya dengan banyak. Akan tetapi ada juga digunakan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab mengenai loji arang batu di Sabah. Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Sapi bangun Yang Berhormat.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Saya akan teruskan.

**Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]:** Minta jalan Yang Berhormat Menteri sebab itu berkaitan dengan sistem NAS. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri.

Berkeaan dengan *NAS Battery System* ini iaitu saya difahamkan *sodium-sulfur system*. Menteri tadi ada beritahu kosnya adalah tinggi berbanding dengan lain *generation*. Akan tetapi adakah Yang Berhormat Menteri, berbanding kos ini dengan *investment* akan hilang di negeri Sabah ini. Ini disebabkan apabila kalau sudah mencapai beberapa ratus megawatt di dalam tiga tahun atau empat tahun ini, semua *investors* sudah lari. So, itulah saya merasakan kosnya, *cost is not a reason to refill a good offer*, dengan izin. Terima kasih.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Ya. Saya faham pandangan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, ingin menyelesaikan masalah kekurangan kapasiti pada masa sekarang dan juga dalam beberapa bulan dalam tahun ini. Saya pernah juga sebut dan saya akan baca apa yang saya ada, ini juga akan menjawab tentang kapasiti. Akan tetapi kos ini memang kita tidak sangat kluatir kalau kos itu setanding dengan apa yang kita boleh janakan daripada segi kapasiti. Itu yang sangat penting. Disebabkan itu kita telah melaburkan cara-cara konvensional seperti gas di Pantai Barat di Sabah.

Izinkan saya meneruskan, ya. Masalah bekalan elektrik di Sabah berpunca daripada pelbagai aspek. Secara perbandingan bekalan elektrik di pantai barat Sabah adalah lebih *stable* daripada bekalan elektrik di Pantai Timur Sabah. Ini adalah kerana terdapat sumber gas asli di Pantai Barat Sabah yang membolehkan loji jana kuasa berasaskan gas seperti Powertron II iaitu sejumlah 190 megawatt, Kimanis Power 300 megawatt, SPR Energy 100 megawatt dibina dengan mengambil pandangan dan kajian yang dilakukan oleh pakar-pakar bidang bekalan elektrik, loji jana kuasa berasaskan arang batu merupakan pilihan terbaik untuk membekalkan elektrik yang mampu dinikmati oleh semua rakyat Sabah.

Walau bagaimana pun projek loji jana kuasa berasaskan arang batu 300 megawatt tersebut sedang menunggu keputusan *Detail Environment Impact Assessment*, dengan izin (DEIA) untuk pertimbangan lanjut.

#### ■1710

Kerajaan juga tiada halangan berhubung pandangan Ahli Yang Berhormat terutama Ahli Yang Berhormat daripada Silam untuk memberikan maklumat berkaitan dengan loji jana kuasa arang batu tersebut kepada pihak-pihak yang berminat. Tema-tema rujukan EIA telah dipamerkan kepada orang ramai pada 8 hari bulan, sehingga 21 Mac tahun ini dan laporan EIA telah pun dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Putrajaya untuk diluluskan.

Kerajaan akan mengambil kira pandangan dan pendapat semua pihak termasuk juga keputusan EIA untuk meneruskan projek loji jana kuasa berasaskan arang batu tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kota Kinabalu, kerajaan juga telah merancang untuk menghentikan penjanaan set jana kuasa diesel secara berperingkat-peringkat. Hasrat ini akan dicapai apabila semua loji jana kuasa berasaskan gas dapat beroperasi sepenuhnya menjelang tahun 2015. Sebab itulah Yang Berhormat, saya sebut kita memang dalam rancangannya ada cukup kapasiti untuk menghadapi permintaan di Sabah tetapi, kita perlu ada masa untuk

mewujudkan atau membina loji-loji yang saya sebut tadi seperti Powertron 2, Kimanis Power, SPR dan lain-lain lagi...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Penggunaan tenaga...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sedikit, ya terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat pendapat dari Menteri sama ada kajian dibuat untuk menyelesaikan masalah *power supply* di Sabah ini, kajian dibuat untuk membawa elektrik dari Bakun ke Sabah *instead of* kita bawa *across* melintasi Laut China Selatan sampai ke Semenanjung Malaysia. Adakah lebih logikal kita menggunakan *power supply* yang *surplus* ini untuk membekalkan elektrik ke Sabah.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini boleh timbul nanti setelah sampai tahap saya jawab tentang Bakun ya.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan tenaga boleh diperbaharui, ini memang satu soalan yang baru ditanya oleh Yang Berhormat Kota Belud tadi. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian sememangnya menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui atau RE bagi membantu menangani gangguan bekalan elektrik di Sabah melalui *Small Renewable Energy Power Programme (SREP)*. Pada masa ini terdapat tiga stesen jana kuasa RE berasas sumber *biomass* dengan kapasitinya 30 megawatt, dan sebuah projek mini hidro dengan berkapasiti 2 megawatt yang telah beroperasi di Sabah dan sepuluh projek lagi yang berkapasiti 34 megawatt telah diluluskan, di mana beberapa buah projek daripadanya sedang dalam pembinaan atau tidak bermula lagi.

Sungguhpun demikian tenaga elektrik yang dihasilkan daripada sumber tenaga yang boleh diperbaharui tidak dapat menampung keperluan *based lot*. Saya harap Yang Berhormat ingin faham ialah *based lot*. *Based lot* bermakna bukannya *peak load*. *Peak load* yang saya sebutkan tadi itu adalah menggunakan *NAS battery* untuk menangani *peak load* tetapi, *based lot* ini kita perlu ada janakuasa yang memerlukan penjanaan yang berkualiti, yang besar. Selain daripada kekangan teknologi bagi menghasilkan tenaga elektrik yang dalam kuantiti yang besar, kos penjanaan elektrik yang tinggi daripada sumber tenaga boleh diperbaharui juga menyebabkan ia tidak dapat menyelesaikan masalah bekalan elektrik di Sabah secara sepenuhnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menggalakkan lagi penggunaan sumber RE untuk penjanaan elektrik di negara ini, dengan lebih pesat, kementerian saya akan memperkenalkan dasar dan pelan tindakan tenaga boleh diperbaharui yang baru bermula pada tahun 2011. Ia merangkumi pelaksanaan mekanisme FIT atau *feed in tariff*, di mana pelaksanaan mekanisme ini akan dapat membantu meningkatkan *viability*, dengan izin bagi penggunaan sumber RE di negara ini dan seterusnya meningkatkan lagi penggunaannya di masa akan datang.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Adalah dijangkakan bahawa pelaksanaan mekanisme ini akan meningkatkan pembangunan RE di negara ini termasuk di negeri Sabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Belud bangun lagi Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Sering kali kita mendengar alasan yang diberi oleh kerajaan ialah sumber-sumber yang lain ini agak mahal (*expensive*) dan memerlukan bajet yang besar, itu saya faham Yang Berhormat Menteri. Contohnya dalam solar, *renewable energy solar*, kalau kerajaan yang membuatnya sebagai sebahagian daripada penjanaan kuasa, tentu ia akan memerlukan perbelanjaan yang cukup besar – saya faham tetapi, dalam sudut yang satu lagi, apakah tindakan kerajaan untuk membantu empunya rumah (*house owners*) yang ingin *install*, dengan izin *solar panel* untuk rumah mereka sahaja sedangkan *solar panel* terlalu mahal.

Apakah ada kementerian membuat kajian dan juga meminta pandangan Kementerian Kewangan untuk mengurangkan cukai contohnya ataupun menggalakkan pembinaan *solar panel* untuk kegunaan rumah bukan untuk kegunaan kementerian menjana kuasa secara berleluasa tetapi untuk individual *home owners*. Kalau boleh kita turunkan harga ini, kosnya turun dan ini akan membantu kerajaan untuk mengurangkan bebanan atau *demand* permintaan terhadap *grid electricity* terutama di negeri Sabah. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Yang Berhormat, itu satu cadangan yang baiklah. Sebenarnya cadangan itu kita sekarang ambil kira sebab saya hendak tunggu FIT ini apabila ia dilaksanakan, saya akan menggalakkan bank-bank komersial tersebut untuk meminjam kepada pihak *house owners* untuk meminjam dari bank tersebut supaya ia dapat modal untuk melabur dalam solar ini. Apabila dia dapat solar ini, dia pun boleh menjanakan elektrik dan daripada *savings* dia, dia boleh bayar kepada bank. Itu satu kaedah yang kita sedang meneliti dan sedang berusaha dengan pihak pembangkang...

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri, ini soal kos.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Kos?

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Kos itu...

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** No, ini soalan tentang kos. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat Menteri menyentuh tentang perbelanjaan kerajaan untuk mewujudkan, untuk mengadakan beberapa kuasa elektrik di sebuah negeri atau tempat. Saya difahamkan Yang Berhormat Menteri yang SESB ini dalam keadaan merah (*red*) dalam segi kewangan dan berhasrat untuk menaikkan tarif.

## ■1720

Jadi tidak dapat menaikkan tarif itu kerana orang ramai tidak berpuas hati dengan perkhidmatan SESB ini. Kalau kita begini sahaja, sampai bila untuk menjadikan SESB ini sebagai satu badan yang agak stabil dari segi kewangan? Saya rasa rakyat tidak akan membantah jika tarif ini dinaikkan jikalau pihak kerajaan kita dapat membanteras semua masalah kekurangan tenaga ini. Jadi cadangan saya tadi – NAS ini yang akan mungkin menjadi gambaran baik kepada kerajaan. Saya mahu penjelasan daripada kementerian, kenapa kementerian masih lagi mempertimbangkan – walaupun tidak ada kos *maintenance* dan sebagainya, soal NAS *battery* ini. saya minta – ini penting bagi rakyat sebab kenapa kerajaan masih mempertimbangkan walaupun kos-kos yang lain itu, penyediaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** ...*Base loading* ini yang penting untuk Rancangan Malaysia yang panjang tetapi, ini Rancangan Malaysia yang jangka pendek ini yang penting sekali bagi rakyat kita. Minta penjelasan kenapa kementerian teragak-agak mempertimbangkan ini, masih lagi mempertimbangkan?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ya, terima kasihlah. Saya sebut tadi dalam jawapan ialah sebab kos ini agak tinggi. Tidak perlulah saya sebutkan berapa dalam satu megawatt sebab perkara ini masih di dalam tahap perbincangan. Perkara ini kita akan sampaikan kepada pihak-pihak yang berkuasa seperti EPU untuk meneliti sama ada kaedah ini boleh dipakai dan pada masa itu barulah kita mendapat satu kesepakatan dengan kementerian dan akhirnya kita akan majukan kepada pihak MOF supaya – sama ada kita dapat peruntukan kewangan yang cukup atau apa-apa untuk perkara ini...

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ya.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh beri cadangan sedikit mengenai bateri NaS tadi itu? Saya beri cadangan. Permasalahan kita ialah kerajaan tidak boleh menolak cadangan walaupun atas dasar kosnya tinggi. Pada saya, kita kena mencari jalan. Contohnya kalau teknologi bateri ini ada IPP yang berminat, yang berminat untuk memajukan teknologi ini untuk membekalkan tenaga, pada saya kementerian mesti terbuka dan berlapang dada dan menerima pandangan dan dalam *negotiation* IPP itu nanti, di situ ditentukan sama ada *viable* atau tidak untuk *private sector* untuk membuat penjana tersebut. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Yang Berhormat, setakat ini kita bincang perkara ini setakat ini sahajalah, sebab saya mengambil cadangan-cadangan atau pandangan Yang Berhormat sekalian dan kita akan gunakan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebagai sumber untuk kita membuat keputusan. Akan tetapi saya akan mengumumkan perkara ini, kalau dapat, dalam sesi penghujung tahun ini sebab perkara ini pun kita mengambil ikhtiar jugalah. Dia akan sampaikan kepada beberapa kementerian selain daripada kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah bekalan elektrik di kawasan...

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Maaf Yang Berhormat Menteri, soalan akhir tentang soalan saya tidak dijawab semasa saya membahaskan. Isu kebenaran dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa ada sumber arang batu di bawah Maliau Basin, itu sahaja. Saya mahu pengesahan daripada pihak Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Saya tidak ada maklumat tentang itu. Masalah bekalan elektrik di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak. Mengenai isu ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Ranau, Yang Berhormat Sibu, Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat Sri Aman, Yang Berhormat Lubuk Antu dan Yang Berhormat Kanowit, saya ingin mengatakan bahawa kerajaan sentiasa bertindak adil kepada semua rakyat di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, keadaan geografi di Sabah dan Sarawak yang berbukit bukau merupakan penghalang besar kepada usaha kerajaan dalam menyediakan kemudahan-kemudahan asas tersebut. Namun, sehingga tahun 2009, kadar liputan bekalan elektrik di Sabah dan Sarawak adalah masing-masing sebanyak 76% di Sabah dan 86% di Sarawak.

Kementerian saya juga akan sentiasa mengadakan penyelarasan dan bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) di bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi meningkatkan liputan dan kualiti bekalan elektrik di kawasan luar bandar.

Pelaksanaan Projek Hidro Elektrik Bakun...

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** *[Bangun]*

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kanowit berhubung isu pelaksanaan Projek Hidro Elektrik Bakun, ingin saya memaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan bahawa bekalan elektrik dari Bakun digunakan untuk membangunkan *Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE)* dengan izin...

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Sedikit sahaja.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Kapasiti projek Bakun ini berjumlah 2,400 megawatt dan ia akan dibangunkan secara berperingkat-peringkat. Selain dari projek Bakun, di negeri Sarawak juga mempunyai potensi penjanaan elektrik dari sumber hidro yang lain yang sedang dan memulakan tugas untuk memenuhi permintaan bekalan elektrik di negeri Sarawak yang semakin meningkat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Tenom bangun Yang Berhormat.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Menteri, penjelasan sedikit, Tenom sini.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Yang Berhormat Tenom? Okey.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Tadi Menteri ada mengatakan liputan bekalan elektrik terutama di kawasan luar bandar – Sabah

76%, Sarawak 86%. Saya melihat dalam jawapan Menteri tadi mengatakan bahawa muka bumi menjadi salah satu faktor untuk memberikan kemudahan elektrik. Adakah pihak kementerian juga memikirkan mekanisme yang terbaik, yang selain daripada talian grid ataupun mekanisme yang lain seperti solar hibrid yang mana saya rasa ia merupakan salah satu teknologi yang banyak membantu sementara dalam program sepertimana Menteri nyatakan tadi adalah di bawah NKRA? Saya percaya dalam masa terdekat ini, masalah-masalah untuk memberi bekalan elektrik di luar bandar akan dapat diatasi.

Sebagai contoh, kita melihat bahawa Kementerian Pelajaran juga telah memberikan bekalan elektrik luar bandar menggunakan solar, yang mana hari ini banyak di antara sekolah yang ada di luar bandar pada hari ini telah mendapat menikmati bekalan elektrik luar bandar. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Menteri sendiri, adakah pihak Menteri sementara menunggu talian grid ini yang disebabkan oleh kekangan muka bumi yang tidak boleh dicapai, adakah pihak kementerian juga akan menggunakan alternatif-alternatif yang lain untuk memberi bekalan elektrik selain daripada hidro dan lain-lain lagi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ya terima kasih. Memang ada. Kita mempunyai rancangan untuk menggunakan kaedah-kaedah yang lain termasuk apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu solar hibrid dengan mini hidro. Ini – kita haraplah rakan saya Yang Berhormat Menteri KKLW ini kita sentiasa sekurang-kurangnya satu bulan sekali kita ada perbincangan. *Every week* dia minta ya?... [*Memandang ke arah Yang Berhormat Semporna*] Beliau ingatkan saya. Setiap minggu kita mempunyai perbincangan dalam dua kementerian ini supaya kita boleh mencapai *target* kita pada tahun 2012 nanti.

■1730

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi mengenai Bakun iaitu bekalan elektrik di kawasan pendalaman dan di rumah panjang pula disediakan mengikut opsyen terbaik yang dapat dilaksanakan memandangkan lokasi rumah panjang di kawasan pendalaman adalah terletak jauh daripada sistem talian penghantaran. Oleh sebab itulah apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi diguna pakai kaedah tersebut. Keputusan berhubung dengan penyaluran bekalan elektrik dari kilang aluminium adalah merupakan keputusan kerajaan negeri memandangkan penjanaan elektrik dari projek Bakun akan disalurkan ke grid utama negeri Sarawak.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan *Bakun Project*, saya baru terima jawapan daripada Menteri Kewangan berkenaan dengan kos penjanaan elektrik Bakun ini dan setakat ini sehingga bulan Mei 2010 perbelanjaan adalah sehingga RM7.3 bilion dan dijangka projek ini mungkin siap 2012. Cuma projek ini boleh dikatakan tertangguh sehingga pada mulanya September 2007, selepas itu 2008 dan sehingga 2012. Pertanyaan saya, berapakah

jangkaan perbelanjaan lebih selain daripada RM7.3 bilion yang telah dibelanjakan setakat ini. Sekian.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Minta maaf Yang Berhormat, saya tidak ada angka-angka kos ini sebab projek ini dimiliki oleh *Ministry of Finance* (MOF) yang bukan dalam kementerian saya. Oleh sebab itu maka perkara-perkara berkaitan dengan kos dan sebagainya elok pertanyaan dibawa kepada kementerian yang berkenaan.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Yang Berhormat Menteri, bukankah ini telah *dibudgeted* untuk projek sebesar sedemikian ini. Ini bukan RM1,000 atau RM1 juta. Ini berbilion ringgit Malaysia yang terlibat itu. Bukankah kos ini telah dibajetkan sebelum projek ini bermula? Tidakkah penggunaan kuasa elektrik ini telah dirancang sebelum kuasa ini dijanakan? Setakat ini kita dengar pada mulanya ada *undersea cable* untuk membawa *electricity* ke Semenanjung. Selepas itu nampaknya ada *undersea cable project* tidak akan dijalankan. Sekarang cuma diadakan projek *smelter* untuk aluminium dan Sarawak *Corridor Renewable Energy* yang setahu saya keperluan untuk seluruh Sarawak setakat ini mungkin dalam lingkungan 1,500 megawatt untuk seluruh Sarawak. Dengan adanya 2,400 megawatt yang akan ditambah apabila projek Bakun ini berjalan, adakah *smelter* itu akan mula beroperasi untuk *consume electricity* yang dijanakan tersebut ataupun ada kilang-kilang yang lain? Nampaknya dalam *planning* untuk projek Bakun ini *I would say it is a blunder*. Terima kasih.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Yang Berhormat boleh buat apa keputusan yang suka hatilah... [Ketawa] Sama ada *blunder* atau tidak itu terpulang kepada Yang Berhormat. Akan tetapi projek ini memang akan membawa manfaat yang pihak kepada pihak SCORE iaitu *Corridor Renewable Energy* di Sarawak dan pihak kerajaan sudah mengadakan satu persetujuan dengan pihak kerajaan negeri supaya kita tidak membina kabel di dasar laut dan elektrik yang dijana dalam projek Bakun itu digunakan oleh industri-industri di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan penggunaan tenaga nuklear bagi penjanaan elektrik...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Menteri tidak jawab.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat Simpang Renggam mengenai cadangan penggunaan tenaga elektrik bagi penjanaan elektrik untuk negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat seperti yang kita telah dimaklumkan kepada Dewan yang mulia sebelum ini, kementerian saya akan melaksanakan kajian yang menyeluruh sebelum membuat keputusan yang muktamad mengenai penggunaan tenaga nuklear bagi penjanaan elektrik. Kajian tersebut akan menghasilkan pelan pembangunan infrastruktur kuasa nuklear atau *nuclear power infrastructure development plan* dengan izin, yang dijangka siap pada tahun 2013. Penyediaan pelan ini akan melibatkan pelaksanaan kajian-kajian mengenai aspek pembangunan sumber manusia, perundangan, pengenalpastian lokasi, pembangunan teknologi

dan sebagainya. Pelan tersebut akan menjadi asas kepada kerajaan dalam membuat keputusan yang muktamad mengenai penggunaan tenaga nuklear bagi penjanaaan elektrik di Semenanjung pasca 2020 nanti. Kementerian saya juga berpendapat....

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Kementerian saya berpendapat bahawa program kesedaran amatlah penting untuk meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap penggunaan tenaga nuklear. Sebagai permulaan, satu majlis *dinner talk* atau makan malam kepada Ahli-ahli Yang Berhormat akan diadakan pada 30 Jun di sebuah hotel di bandar raya untuk mendedahkan dan meningkatkan kefahaman mengenai penggunaan tenaga nuklear bagi penjanaaan elektrik.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri mengenai *clarification* tadi. Soalan saya berkait dengan polisi kerajaan mengenai nuklear - *nuclear policy for the state*. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan dalam *blog* beliau iaitu *blog 1Malaysia*. Boleh saya baca dalam bahasa Inggeris? Ini perkataan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, "*Before embarking on such a nuclear plant project, and important decision we must conduct a comprehensive study of it*". Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi isu ini masih lagi dalam tahap perundingan.

Namun kenyataan Menteri baru-baru ini, di Semenanjung dan juga saya ingat di Sarawak, mengatakan bahawa *we must move fast on nuclear policy* seolah-olah rancangan telah dibuat dan seolah-olah *nuclear building* itu akan *will be constructed very soon*. So, ini *gives a confusing scenario* mengenai apakah sebenarnya sikap kerajaan dan dasar kerajaan mengenai isu nuklear ini sebab ada satu kumpulan yang mengatakan bahawa *that we do not have to go on nuclear at this point of time. We can still focus on solar and we are going for wind energy, and we are not supposed to go on nuclear*, dan juga ada isu-isu keselamatan kepada individu, kesihatan dan keselamatan negara yang belum dibincangkan dalam hal ini. So, minta penjelasan daripada Menteri.

■1740

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Menteri, boleh tambah? Terima kasih Yang di-Pertua. Tadi soalan Bakun ini juga tidak terjawab sebab Bakun kita sudah rancang dan dilaksanakan. Akan tetapi 11 dari *power generator* Bakun ini belum kita selesai. Sekarang, saya ingin tanya sekali lagi dalam isu nuklear ini, apakah justifikasi sama ada kita kekurangan elektrik pada waktu itu yang kita perlukan dan apakah jangkaan kerajaan penggunaan *power supply* yang kita perlukan pada waktu ini, sehingga kita perlukan satu neutral generator?

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Minta maaf la Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah sekejap? Pertamanya saya mengalu-alukan tentang segala usaha yang akan diadakan demi meningkatkan kesedaran ataupun keyakinan umum terhadap loji nuklear ini. Cuma saya ingin bertanya bahawa adakah kementerian berhasrat untuk mengadakan

referendum setelah cadangan lokasi loji nuklear ini tentukan, supaya penduduk-penduduk boleh membuat keputusan melalui referendum ini. Sekian terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Menteri, boleh saya minta? Satu soalan sahaja Menteri. Saya mahu minta tanya tentang *waste energy*. Adakah terdapat beberapa syarikat yang buat permohonan untuk memproses sisa pepejal menjadi tenaga. Bolehkah Menteri juga menerangkan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Menteri, panjang lagi Yang Berhormat? *[Disampuk]* Yang Berhormat, saya fikir kalau soalan ini kalau yang baru, tidak perlu jawab dahulu Yang Berhormat. Beritahulah Yang Berhormat, soalan seperti yang nuklear itu memang tidak perlu bangkitkan lagilah. Sudah janji mahu buat taklimat itu.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Ya.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** *Should.. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Peraturan Mesyuarat?

**Seorang Ahli:** Peraturan Mesyuarat...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Sebentar tadi Menteri telah buat penjelasan berkenaan dengan liputan elektrik luar bandar di Sabah dan Sarawak. Akan tetapi dia mengatakan bahawa liputan di Sabah tahun 2009 adalah 76% dan Sarawak adalah 86%. Sebenarnya saya telah bangkitkan dalam ucapan saya semasa perbahasan. Mengikut laporan yang dibekalkan, *Tenth Malaysian Plan*. Liputan elektrik luar bandar tahun 2009 di Sabah 77%, di Sarawak 67%. Tahun 2010, 80.8% untuk Sabah dan untuk Sarawak 72.6%. Saya minta penjelasan sama ada buku ini kita buang dalam tong sampah atau pun kita ikut penjelasan daripada Menteri. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Menteri, saya jawab dahulu. Ini kerana dia bangkit dalam peraturan. Saya fikir Dewan kita ini sudah jadi seperti sama ada *Woody Wood Packer* ataupun *Tom and Jerry*. Bangkit di bawah Peraturan 36(12), Yang Berhormat untuk menuduh seserang telah menyelewengkan Dewan. Menyelewengkan Dewan ini ialah satu perkara yang amat serius. Dalam negara Komanwel Yang Berhormat, saya telah teliti dalam sejarah 30 tahun baru tiga kali berlaku. Daripada kes tahun 60 hinggalah kes..., sekali di *Western Australia* tahun 2002, dan di Kanada. Jadi, Peraturan Mesyuarat 36(12) itu sudah tidak relevan sudah sebenarnya, melainkan benda itu betul-betul menyeleweng. Jadi, soalan mahu buang buku tidak perlu sebagaimana itu. Itu...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Kita gunakan perkataan istilah yang lebih eloklah saya fikir dalam Dewan. Menunjukkan tamadun dan *civilization* yang kita wujud.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh tarik semula apa yang saya buat komen tadi itu. Cuma saya mahu penjelasan sama ada liputan itu 72.6% untuk Sarawak ataupun 86%? Ini saya rasa Dewan ini perlu tahu mana angka yang tepat. Sekian.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai *point of order* ini, saya anggap bila kita bincangkan RMKe-10, sepatutnya Menteri akan memberi kita maklumat yang tepat tentang apa yang dibentangkan dalam buku ini. Akan tetapi kalau Menteri memberi satu jawapan yang berbeza daripada buku itu, memang ada disyaki menyeleweng, *because this is misleading by* memberi data yang berbeza daripada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...*Official document.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat mempertikaikan jawapan sayalah itu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bukan! Bukan! Saya maksudnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Tidak, tidak Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Saya sudah sebut. Saya mendalami ilmu soalan Peraturan Mesyuarat 36(12) Yang Berhormat. Benar-benar mendalami. Saya baca semua risalah dan *literature* berhubung dengannya. Macam mana kata-kata kalau *everything which is not accurate*, kata satu *literature* yang dicakapkan dalam Dewan. Itu jadi satu landasan menuduh sesiapa yang telah menyelewengkan Dewan adalah tidak tepat. Itu kata-kata bijak pandai ini. Jadi, yang Berhormat Menteri silalah beri penjelasan apa yang tidak memuaskan hati itu.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Akan tetapi minta tolonglah satu kementerian kalau dapat 51 minit.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat sila.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Gopeng tadi. Angka yang disebut dalam apa yang di catit dalam skrip saya ini memang disediakan oleh pegawai saya. Saya ingin mahu menjelaskan di sinilah. Kalau ini bercanggah dengan buku itu, saya tarik balik angka yang saya ada di sini dan mengesahkan

bahawa buku itu yang kita gunakan. Bukan apa yang saya baca, okey. Kalau ada keliru kepada Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf. Mengenai referendum ini, Yang Berhormat Simpang Renggam.

Saya rasa kita tidak pernahlah buat kaedah ini. Saya pun tidak tahu bagaimana hendak jawab. Katakan apabila kita wujudkan pelan ini, pelan ini akan kita sebarkan kepada semua yang perlunya dan ia bukan satu dokumen yang kita akan simpan sebagai rahsia. *Nuclear Power Infrastructure Development Plan* ini.

Kita akan dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya semua orang boleh ambil peluang untuk soalnya, memberi pandangan, dan sebagainya, ya. Mengenai apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Batu, dan lain-lain lagi. Saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya jemputlah hadir dalam *Dinner Talk* itu yang akan dilangsungkan nanti. Dengarlah pakar-pakar yang kita jemput dari Korea, Perancis, dan Amerika. Tiga negara yang terkenal dalam bidang ini. Mereka akan memberi maklumat yang terkini. Dia ada soal, sesi Q&A. Tanyalah kepada orang-orang ini. Suka hati, sampai puas hatilah, ya. Saya jemput hadir. *Cost on me. Cost on the* kementerian, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Semua sudah jemput Yang Berhormat.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Saya minta hadir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Jemputan semua sudah diberi.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** [*Bangun*]

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Ya. Saya sudah edarkan. Ada juga sudah jawab yang mahu hadir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri, tentang *waste energy* itu? *Waste energy*, ya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** [*Bangun*]

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Yang Berhormat, memang kita gunakan. Sekarang sudah ada satu kilang di Semenyih dan kita juga menggalakkan. Saya pun sampai ke Melaka dan ada satu syarikat di Melaka pun mahu gunakan kaedah ini. Ini memang satu program yang kita boleh laksanakan dalam *shape* ini. *Small renewable energy*. Kita memang galakkan tetapi saya mahu sebut, kilang-kilang ini hanya dapat satu kapasiti yang kecil. Dia tidak dapat besar seperti 200, 300, dan 1,000 megawatt. Tidak boleh. Hanya 1, 5, dan 10 megawatt yang terbesar. Itu sahaja.

■1750

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Maaf mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan tenaga nuklear, sedar atau tidak Yang Berhormat Menteri bahawa negara

Jerman sebuah negara yang begitu maju telah bercadang untuk *face out* tenaga nuklear 100% dalam masa yang akan datang walaupun memang ada loji nuklear yang beroperasi di Jerman.

Kedua, adakah kementerian telah mengenal pasti *potential site* untuk loji nuklear ini dan adakah negeri-negeri yang berkenaan telah *expressed* minat dalam loji tenaga nuklear ini? Sekian.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya buat susulan? Terima kasih atas jemputan untuk menghadiri program yang dianjurkan oleh pihak kementerian. Saya akan hadir, tetapi soalan saya atau pun *my concern* sebenarnya ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan bahawa *a comprehensive plan will be put forward*. Akan tetapi yang saya takut ini, kenyataan akhbar daripada pihak Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa, *gives impression* bahawa *tomorrow morning* loji nuklear akan dibina. Ini yang saya takut sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat satu keputusan - *there will be a comprehensive plan*. Mana *comprehensive plan*? Itu soalan sekarang *and* bila *comprehensive plan* itu akan dikemukakan kepada rakyat? Terima kasih.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Ya, Yang Berhormat. Kalau *you* dengar saya tadi, *the plan will be ready 2013* dengan izin, bukan sekarang. Laporan dari akhbar ini memang ia tidak tangkap apa yang saya sebut. Saya hendak sebut di sini, kalau kita hendak *in 10 years, 12 years or 11 years* kita hendak buat loji ini, kita perlu *start* sekarang. Maksud saya ialah bukan sekarang *start* bina. Kita perlu – ia banyak kaedah, undang-undang, kita perlu dapat ratifikasi, triti-triti yang pelbagai, banyak.

Oleh sebab *preparatory work* ini, dengan izin, kita perlu buat sekarang. Akan tetapi, kalau apabila kita dapat *plan* ini dan kita dapat mendengar seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita dengar daripada *general public*, kita akan lihatlah macam mana perasaan *general public* tentang *plan* ini. Itu yang saya sebut.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat, Malaysia merupakan sebuah negara yang termasyhur ataupun *the largest producer of solar panels*, dengan izin. Mengapa kita tidak fokus untuk menggunakan solar dan kita lebih fokus, lebih *interested* dengan menggunakan nuklear sebagai *the alternative*? Malaysia sekarang – *Malaysia is the largest producer of solar panels in the world*. *Why are we not taking advantage of that*? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Menteri, saya ingat kita hendak adakan taklimat, saya pun hendak hadir taklimat itu. *The entire question will be answered during that time*. Lagi pun *this is the* peringkat hendak fikir dahulu ini sama ada *we are doing it or not*? Itu akan dipersetujui pada tahun 2013 bukan? Yang Berhormat...

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** [Bangun]

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, proses sudah mula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, kalau macam ini Dewan kita Yang Berhormat, satu subjek pun tidak boleh satu hari. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Okey, terima kasih. Saya alih kepada yang lain. Kalau *you* hendak solar itu, *you* cakap dengan saya di luar, ya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Cadangan pengusaha *homestay* diberikan pengecualian mengikut bayaran nilai komersial. Untuk makluman Yang Berhormat dari Jempol, bagi pengusaha-pengusaha *homestay* dengan izin, yang tergolong dalam kategori komersial voltan rendah, tarif yang dikenakan disebutkan dalam – kalau dalam kategori komersial ini memang ia agak, buat masa sekarang berpatutan dan bersesuaian dengan kos sebenar untuk membekalkan elektrik ini tetapi, saya sudah bincang dengan pegawai TNB untuk memberikan satu kaedah yang *special* bagi kategori *homestay* ini, kalaulah pemilik *homestay* ini adalah pihak tuan rumah sendiri. Kita tidak ingin lihat bahawa nanti apabila kategori ini sudah diumumkan nanti, ada pihak mengambil kesempatan dan buat hotel kecil dan sebagainya dari kategori tarif khas yang kita akan wujudkan nanti. Akan tetapi saya memang setuju kalau bagi *homestay* ini, mereka perlulah diberi satu layanan yang agak mencukupi setanding dengan apa yang mereka ingin hendak buat dalam usaha *homestay* ini.

Tuan Yang di-Pertua, teknologi hijau. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Katil dan Yang Berhormat Tangga Batu, dana berjumlah RM1.5 bilion yang dikenakan sebagai Skim Pembiayaan Teknologi Hijau - *Green Technology Financing Scheme*, dengan izin, telah mula dilaksanakan pada Januari 2010. Kementerian saya menjadi agensi pelaksana bagi dana ini melalui *Malaysian Green Technology Corporation* yang diberi tanggungjawab sebagai urus setia.

Pemaju perumahan yang memenuhi kriteria yang ditetapkan iaitu meminimumkan degenerasi kualiti persekitaran, mempunyai pembebasan gas rumah hijau yang rendah atau sifar, selamat untuk digunakan dan menyediakan persekitaran sihat dan lebih baik untuk semua hidupan, menjimatkan tenaga dan sumber asli dan menggalakkan sumber-sumber yang boleh diperbaharui, layak memohon skim pembiayaan ini.

Selain itu, satu indeks penarafan ke atas bangunan mesra alam dikenali sebagai *Green Building Index* juga dibangunkan oleh Pertubuhan Arkitek Malaysia dan *Association of Consulting Engineers Malaysia* dengan izin, yang bertujuan menggalakkan aplikasi teknologi hijau dan struktur bangunan mampan dalam industri pembinaan di Malaysia. Aplikasi teknologi hijau diambil kira dalam proses pembinaan, pengurusan bangunan, penyelenggaraan dan proses merobohkan bangunan - *demolition of buildings* dengan izin. GBI ini menyediakan peluang kepada pemaju untuk mereka bentuk dan membina bangunan hijau yang mampan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya juga mengambil maklum bahawa pada masa sekarang terdapat fasilitator GBI yang mengenakan yuran yang tinggi. *Malaysia Green Building Confederation* (MGBC) dengan izin, akan menyediakan garis panduan menetapkan yuran fasilitator GBI supaya yuran tersebut berpatutan. Pihak GBI Sdn. Bhd. pula akan menyemak semula yuran pendaftaran GBI selaras dengan peningkatan nilai ringgit, supaya yuran GBI kekal lebih rendah dari yuran *green rating tool* dengan izin, kepada negara kita ini berbanding dengan negara lain. Tuan Yang di-Pertua, teknologi hijau menyumbang kepada negara berpendapatan tinggi.

■1800

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tangga Batu, suka saya ingin menyatakan di sini bahawa bidang teknologi hijau telah pesat membangun di negara-negara luar seperti Amerika Syarikat, Jerman, Korea Selatan, China, Australia dan lain-lain. Walau bagaimanapun bidang teknologi hijau merupakan salah satu bidang yang baru dikenali di Malaysia. Perkembangannya dan aplikasi teknologi hijau ini di negara kita adalah sesuai dengan perkembangan ekonomi dan keadaan alam sekitar yang semakin terjejas. Pengenalan kepada bidang baru ini dijangka dapat merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi negara di masa hadapan dan menjana sumber pendapatan yang baru bagi negara. Bidang ini juga dijangka dapat menarik pelaburan langsung asing FDI dan juga pelaburan tempatan, DDI...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Di samping membuka peluang pekerjaan yang luas kepada masyarakat tempatan.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih. Saya berkebetulan berkenaan dengan isu GDI ini. Ada satu peringatan yang diberi, saya rasa bagus juga untuk kita kongsi di sini. Semasa Persidangan WTO di Singapura ada satu peringatan kepada negara-negara yang baru menceburi dalam bidang ini iaitu apabila wujudnya usaha-usaha untuk memanipulasikan kepentingan ataupun insentif-insentif. Kita tahu di Malaysia negara kita usaha ini juga telah membawa kepada satu polisi yang begitu jelas di mana kerajaan menawarkan banyak insentif, pengecualian, kelonggaran dan juga bantuan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ringkaskan Yang Berhormat, soalan. Kita sudah *spend about one hour plus on this* Kementerian. Saya tadi cakup 51 minit satu kementerian. Akan tetapi sekarang *we are left with only 45 minute one* kementerian.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Saya cuba *simple* kan. Jadi peringatan ini dibawakan oleh pihak-pihak yang telah mendahului kita dalam pelaksanaan bidang *Green Development Index* ini. Jadi apakah persediaan kita pula untuk melihat terutamanya apabila adanya *participation* daripada negara luar ataupun *foreign parties* dalam pembangunan GDI ini.

Barangkali kita tidak terlewat lagi untuk membuat persiapan supaya kita tidak dilihat sebagai menyediakan kemudahan kepada pihak luar untuk dieksploitasi polisi kita. Terima kasih.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu satu maklumat yang baik juga bagi kita untuk ambil kira apabila kita melaksanakan program-program di bawah teknologi hijau ini. Tuan Yang di-Pertua, saya akur kepada arahan Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya ada dua atau tiga lagi paragraf tetapi saya akan menulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkaitan dengan tajuk yang terutamanya bekalan air. Saya akan sampaikan maklumat kepada mereka masing-masing dan dengan itu saya akan tamat penggulungan ini dan ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat kerana sabar dengar penjelasan saya. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya menjemput Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

#### 6.04 ptg.

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Seramai 28 orang Ahli-ahli yang telah terbabit dalam perbahasan berhubung kait dengan kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai kemiskinan telah disentuh oleh Yang Berhormat Ranau, Yang Berhormat Tawau, Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Sri Aman, Yang Berhormat Tebrau dan Sipitang. Yang Berhormat Ranau, Yang Berhormat Tawau dan Yang Berhormat Kota Kinabalu telah membangkitkan isu kadar kemiskinan yang tinggi di negeri Sabah dan kerajaan perlu mengambil langkah tertentu bagi mengatasi dan membasmi kemiskinan di negeri Sabah. Usaha membasmi kemiskinan di Malaysia melibatkan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan. Di bawah kementerian, antara langkah-langkah utama yang telah dan sedang akan diambil bagi menangani isu kemiskinan adalah seperti berikut:

- (i) memperkukuhkan, memantapkan lagi pelaksanaan program-program yang sedia ada di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat dan dengan memberikan tumpuan yang lebih besar kepada meningkatkan pendapatan bulanan kumpulan sasaran melalui program peningkatan pendapatan;
- (ii) memperkukuhkan modal insan kumpulan sasaran melalui pelaksanaan kursus latihan, kemahiran di bawah program latihan kemahiran dan kerjaya;

- (iii) menyediakan tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa di bawah program bantuan rumah.

Kedua, kerajaan akan meneruskan strategik pembangunan tanah yang bersepadu berkonsepkan agropolitan dan projek ladang sejahtera. Sehingga kini projek-projek yang dilaksanakan di Sabah adalah seperti berikut:

- (i) projek agropolitan Pulau Banggi yang melibatkan 400 peserta berkeluasan 1,800 hektar dengan aktiviti tanaman getah dan ternakan ikan,
- (ii) projek agropolitan Gana dalam peringkat pelaksanaan yang melibatkan 200 peserta berkeluasan 250 hektar; dan,
- (iii) projek ladang sejahtera di Semenanjung Ben Koka, Kudat melibatkan pembangunan tanah dengan tanaman getah seluas 10,000 hektar yang akan memberikan manfaat seramai 2,500 peserta miskin tegar.

Ketiga, melipatgandakan usaha bagi menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas luar bandar seperti jalan, bekalan air dan elektrik. Melalui inisiatif, dengan izin, *National Key Result Area* (NKRA) di bawah NKRA, kementerian menyasarkan pembinaan sepanjang 588 kilometer jalan di luar bandar di Semenanjung Malaysia. Manakala 903 kilometer di Sarawak dan 1,035 kilometer di Sabah. Peningkatan liputan bekalan elektrik luar bandar Semenanjung Malaysia sebanyak 99% dan 95% di Sabah dan Sarawak melibatkan 140,000 buah rumah. Peningkatan liputan bekalan air luar bandar di Semenanjung Malaysia sebanyak 98% dan 90% di Sabah dan Sarawak melibatkan 360,000 buah rumah. Membina dan membaik pulih 50,000 buah rumah di bawah program bantuan rumah.

Yang Berhormat Tebrau pula meminta kerajaan mempercepatkan bantuan skim Pembangunan Sejahtera Rakyat di Tebrau. Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Tebrau, kementerian merakamkan ucapan terima kasih dan akan sentiasa berusaha bagi memastikan sistem penyampaian kementerian lebih cekap dan berkesan. Di kawasan Tebrau kita telah lahirkan satu pusat GIATMARA dan di sini kita melatih dan mendidik anak-anak muda kita khususnya terlibat dalam beberapa kemahiran untuk memastikan kita dapat memberikan manfaat kepada masyarakat di kawasan Parlimen Tebrau.

Seterusnya berhubung dengan isu kemiskinan, Yang Berhormat Sipitang mencadangkan supaya kerajaan memperbanyakkan pembinaan rumah PBR di kawasan Sipitang. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi permohonan Yang Berhormat untuk memperbanyakkan lagi pembinaan rumah PBR di kawasan Sipitang, suka saya menjelaskan bahawa pada tahun 2010, sejumlah 70 unit PBR akan dibina di kawasan Sipitang dengan kos projek sejumlah RM2.8 juta berbanding dengan hanya 34 buah rumah pada tahun 2009.

Yang Berhormat Jasin bertanya sama ada insentif serupa seperti yang diberikan kepada pekebun-pekebun kecil tanam semula sawit akan diberikan kepada pekebun kecil tanam semula

getah. Pada masa ini tiada insentif sara hidup diberikan kepada pekebun kecil tanam semula getah. Walau bagaimanapun, kementerian menawarkan program yang lebih baik dengan kesan limpahan yang lebih baik dan berterusan melalui program aktiviti ekonomi tambahan. Melalui program ini dengan kadar bantuan geran maksimum RM10,000 bagi setiap peserta pekebun kecil dapat memperoleh pendapatan dengan mengusahakan tanaman kontan, ternakan dan industri desa semasa tempoh pembangunan sebelum kebun mengeluarkan hasil.

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan peruntukan sebanyak RM40 juta disediakan di bawah program ini yang dijangka akan memberikan manfaat kepada 4,000 orang. Pencapaian sehingga 2009 sebanyak RM31.2 juta telah dibelanjakan yang memberikan manfaat kepada 3,900 orang. Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Ranau, Yang Berhormat Sekijang turut membangkitkan isu berhubung pembangunan tanah terbiar di luar bandar untuk menjana ekonomi rakyat.

■1810

Kementerian melalui RISDA dan FELCRA Berhad sentiasa berusaha untuk memajukan tanah terbiar di luar bandar dengan tanaman komoditi sawit dan getah bagi meningkatkan ekonomi penduduk luar bandar. Walau bagaimanapun, usaha ini adalah bergantung kepada dua situasi berikut:

- (i) pemilik tanah bersetuju supaya tanah milik mereka dimajukan; dan
- (ii) agensi pelaksana mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membiayai program berkenaan.

Kementerian turut berterima kasih di atas cadangan untuk membangunkan Ranau dengan sawit dan getah serta bersedia memberi pertimbangan untuk melaksanakan cadangan ini sekiranya terdapat kesesuaian tanah.

Yang Berhormat Kanowit memohon penjelasan RISDA berkaitan program tanam semula getah dan koko di Kanowit. Di bawah program tanam semula RISDA, pekebun kecil yang memiliki getah tua boleh memohon dan mendapat bantuan tanaman semula dengan syarat memiliki tanah ataupun ada pengesahan daripada pihak jabatan ukur dan tanah di peringkat negeri, maka kita di peringkat RISDA boleh membantu peneroka kecil ini.

Sehingga 31 Mei 2010 permohonan tanam semula yang diterima daripada pekebun kecil daripada daerah Kanowit adalah seramai 12 orang dengan kawasan seluas 28.4 hektar. Mereka yang memohon bantuan ini boleh menanam semula dengan getah atau tanaman lain yang dibenarkan di bawah skim tanaman semula termasuk koko. Bagi tanah NCER yang tidak mempunyai hak milik, RISDA sedang menggubal peraturan bantuan tanam semula bagi tanah NCER. Antaranya, bantuan boleh disalurkan kepada pembeli tanah NCER yang telah mendapat pengesahan jabatan tanah dan ukur.

Yang Berhormat Maran telah mencadangkan pembukaan semula Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka dan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA). Untuk makluman Yang

Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memutuskan di bawah jawatankuasa yang telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri - ECER DC iaitu *East Coast Development Corridor* pada 31 Mac 2010 bahawa DARA dan LKWJ tidak akan diwujudkan semula.

Yang Berhormat Jempol berharap agar pihak MARA dapat masuk ke rancangan tanah FELDA dan menolong bumiputera dan menyusun semula kedai-kedai sedia ada dan menyediakan kemudahan-kemudahan perniagaan melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Sebagaimana saranan Yang Berhormat, sehingga kini terdapat satu projek MARA yang telah beroperasi di kedai rakyat FELDA Sungai Koyan, Kuala Lipis Pahang. Di samping itu terdapat dua projek yang telah dipohon dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu pembinaan bazar Kesang di FELDA Kemendur, Jasin Melaka. Ini projek baru dan kedai rakyat Sungai Tiang Felda Sungai Tiang, Kedah, projek baru juga.

Merujuk kepada isu bilangan pelajar tajaan MARA keluar negara yang dikurangkan sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin, sukacita saya maklumkan bahawa pada tahun 2009 seramai 1,982 pelajar baru telah dihantar ke pelbagai institusi pengajian tinggi luar negara berbanding dengan seramai 1,964 pelajar pada tahun 2008. Kerajaan juga mengambil pendekatan yang memperbanyakkan *twinning program* dalam universiti luar negara yang terpilih.

Selain itu, penghantaran pelajar pada tahun ini akan lebih selektif dengan menghantar pelajar-pelajar yang benar-benar cemerlang sahaja mengikuti pengajian di universiti tersohor. Di samping itu sebenarnya kita hendak memperbanyakkan kemasukan pelajar-pelajar di dalam institusi pengajian tinggi di peringkat dalam negara kita kerana kita yakin dengan contoh kita berbelanja banyak untuk menghantar pelajar-pelajar keluar negara. Kemungkinan jumlahnya akan berkurangan sekiranya kita ramai hantar ke peringkat luar negara tetapi kita beri tumpuan ke peringkat dalam negeri kecuali bagi pelajar-pelajar yang mendapat tempat di universiti seperti yang saya katakan tersohor dan juga dalam bidang-bidang tertentu di peringkat *master* dan PhD. di peringkat luar negara. Ini tidak bererti bahawa ada pengurangan dari segi jumlah dan bantuan yang kita berikan.

Yang Berhormat Tangga Batu membangkitkan isu pembayaran pampasan kepada pemilik kedai yang telah mendapat pinjaman MARA bagi membina gerai mereka di atas tanah milik kerajaan tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat, sekitar tahun 1970-an sehingga 1980-an, Majlis Amanah Rakyat (MARA) pernah memberi pinjaman kepada peniaga bumiputera berjumlah RM1,000 hingga RM2,000. Pinjaman tersebut diluluskan bagi membina gerai perniagaan di atas tanah milik kerajaan tempatan yang berstatus lesen menduduki sementara dan dengan izin, *temporary occupied license*. Bagi kes peniaga gerai di kawasan Tangga Batu, saya difahamkan bahawa peniaga terbabit adalah peminjam MARA yang telah selesai penjelasan pinjaman. Ini bererti setelah pembayaran pinjaman diselesaikan, peniaga tersebut

adalah merupakan pemilik gerai berkenaan dan tidak lagi terbabit, terikat dengan pihak MARA. Sehubungan itu, isu pemberian pampasan berikutan daripada cadangan pihak kerajaan tempatan untuk membangunkan tapak gerai tersebut adalah di luar bidang kuasa MARA.

Yang Berhormat Pasir Mas dan Yang Berhormat Segamat mencadangkan supaya pembinaan MRSM Pasir Mas dan MRSM Segamat dilaksanakan pada tahun 2010 memandangkan perolehan tanah telah dibuat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pasir Mas cadangan pembinaan projek Maktab Rendah Sains Mara di Pasir Mas akan digantikan dengan cadangan pembinaan kampus Kolej Politeknik MARA cawangan Kelantan. Langkah ini diambil kerana telah terdapat lima MRSM yang sedang beroperasi di Kelantan untuk menampung keperluan dan permintaan di seluruh Kelantan. Pembinaan KPTM tersebut bertujuan untuk melahirkan lebih ramai tenaga yang profesional. Manakala cadangan Yang Berhormat Segamat untuk membina MRSM di Segamat telah dipohon dan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tenggara dan Yang Berhormat Maran...

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Tuan Yang di-Pertua..

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ...Telah membangkitkan isu mengenai dengan hal... Ya..

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, bukan Segamat tetapi Sekijang, Tuan Yang di-Pertua. Permohonan ini dibuat kerana tapak pun telah dibeli dan dahulu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita di negeri Johor hanya memperoleh dua sahaja peruntukan untuk pembinaan ini, kemudiannya dicadangkan untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh. Jadi kita Johor dengan Sabah ini adalah merupakan teras kepada kerajaan kita. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri untuk memberikan kelulusan ataupun pertimbangan yang khas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Segamat kah Sekijang?

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Sekijang Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Bukan Segamat ya?

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Bukan Segamat, daerah Segamat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Di daerah Segamat. Asalkan ia satu tempat yang memerlukan, kita tidak mahu banyak sangat MRSM. Ini adalah kerana saya dapati contohnya di beberapa tempat di negeri Perak, hampir tersusun di antara satu dengan yang lain. Kadang-kadang kita dapati banyak sangat bangunannya tetapi keperluannya tidak begitu. Jadi, yang perlu bagi kita mana tempat yang kita rasa diperlukan, maka insya-Allah kita akan bangunkan. Akan tetapi kita akan buat pendekatan seperti yang saya sebutkan tadi. Daripada MRSM kalau ada banyak sangat di kawasan situ maka kita akan tukar kepada politeknik yang

ada. Untuk kawasan Sekijang ini, ini yang dipohon MRSM dan sekiranya itu telah diajukan dan kita akan ajukan di peringkat Rancangan Malaysia Kesepuluh ini...

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Untuk makluman Yang Berhormat, kita daerah Segamat ini tidak ada satu pun sama ada KPTM, MRSM dan sebagainya. Jadi ini kalau dibuat maknanya projek yang pertamalah saya rasa Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya, kita telah pohon seperti yang saya sebutkan tadi di Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Yang Berhormat Tenggara dan Yang Berhormat Maran telah membangkitkan isu mengenai dengan hal ehwal Orang Asli iaitu berhubung kait dengan kemiskinan dan pembangunan minda, infrastruktur dan kemudahan asas di kawasan penempatan Orang Asli. Berhubung dengan isu kemiskinan, adalah menjadi matlamat kerajaan melalui Kementerian Luar Bandar dan Wilayah untuk membasmi kemiskinan di kalangan Orang Asli.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, kementerian menyasarkan untuk menurunkan bilangan ketua isi rumah ataupun miskin Orang Asli daripada 13,646 orang kepada 3,410 pada tahun 2015. Langkah akan terus diambil untuk mengurangkan bilangan ini ke tahap sifar menjelang tahun 2020. Seiring hasrat kerajaan untuk mencapai taraf negara maju. Sehingga kini sejumlah 166 buah ladang dengan keluasan 23,945.74 hektar telah dibangunkan. Selain daripada itu tanah Orang Asli seluas 2,320 hektar turut dimajukan dengan projek tanaman kontan seperti jagung, keledak, pisang, nenas, serai dan sebagainya. Di samping itu juga seramai 2,200 ketua isi rumah Orang Asli telah diberi bantuan input pertanian dengan peruntukan sebanyak RM6.6 juta dalam usaha kerajaan membantu masyarakat Orang Asli meringankan bebanan kehidupan mereka.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Menerusi program pembangunan usahawan, seramai 117 usahawan telah dibangunkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan menerusi 250 projek program keusahawanan meliputi kursus keusahawanan, bantuan peralatan, pembinaan premis perniagaan dan sebagainya.

■ 1820

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada Menteri Kemajuan Luar Bandar kerana memang jelas, Menteri yang paling rajin untuk turun padang, beliau turun ke Sungai Asap dan sebagainya untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar, syabas, tahniah kepada Menteri, ini betul bukan main-main.

Jadi persoalan yang saya ingin perjelaskan mengenai Orang Asli, Orang Asal, ada orang yang dikatakan asal tetapi Orang Asli seperti juga di negeri Sarawak juga. Jadi apakah – ini soalan belum saya mendapat jawapan, soal kepada kementerian, soal pemilikan tanah ini, tanah

rayau, tanah saka oleh Orang Asli ini belum dapat diselesaikan. Walaupun ada rombongan Orang Asli jumpa dengan saya, soal kalau dibawa perkara ini ke Dewan yang mulia ini, soal perhubungan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri yang membolehkan pemilikan tanah kepada Orang Asli ini belum berapa jelas ia punya jawapan.

Kalau kita – untuk memajukan semua masyarakat yang minoriti ini *to assimilate* masyarakat yang semua, jadi apakah tindakan, langkah-langkah untuk memastikan kerajaan-kerajaan negeri ini akan memberi hak milik tanah kepada Orang-orang Asli ini? Ini belum mendapat jawapan daripada pihak Menteri, walaupun Menteri ini rajin.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** [*Ketawa*] Terima kasih Yang Berhormat dari Putatan. Sebenarnya usaha untuk mengatasi masalah tanah di kalangan Orang Asli ini, kita telah menerima memorandum daripada NGO dan kumpulan-kumpulan Orang Asli sendiri dan selepas itu kita telah meneliti kandungan memorandum itu dan saya telah mengadakan bengkel, dihadiri oleh pihak wakil-wakil, persatuan Orang Asli di Semenanjung dan juga pimpinan-pimpinan Orang Asli termasuk NGO, termasuk pihak *Bar Council* pun terbabit dalam bengkel itu. Mereka telah mengutarakan pandangan-pandangan di samping kita memberi penjelasan yang kita katakan cadangan pindaan terhadap Akta 134 Orang Asli supaya kita dapat jelaskan agar ada penentuan, supaya mereka mendapat hak tanah. Walaupun kita sudah wartakan kawasan Orang Asli 19,713 hektar yang ada di seluruh negara. Kita yakin bahawa ini tidak mencukupi sebagai langkah untuk membantu seperti saranan daripada Yang Berhormat Putatan, perlu kita merangka satu perundangan yang membolehkan pengagihan tanah kepada Orang Asli ini, dapat kita jelaskan sebaik mungkin.

Dengan itu kita tengah berbincang dengan pihak-pihak agensi yang lain termasuk AG dan badan-badan jabatan yang lain dan selepas ini, rumusan yang kita telah peroleh, saya akan berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri yang terbabit di mana terdapatnya Orang Asli, contohnya di Perak, Pahang, Johor, termasuk di negeri Kelantan dan tempat-tempat lain di mana adanya Orang Asli, supaya kita dapat jelaskan berapa keupayaan untuk kita dapat beri tanah ini. Ini kerana kita tahu, ada di antara masyarakat Orang Asli yang minta kawasan rayau mereka, 200 ekar, 300 ekar contohnya, 100 ekar yang mereka tengah majukan. Ini harus diserahkan kepada mereka...

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Mohon Laluan...

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Kita sedar bahawa kawasan ini, kalau kita hendak berikan kepada mereka 200-300 ekar, kemungkinan jumlah Orang Asli yang ada ialah sebanyak 141 ribu orang yang ada ini, tidak akan mendapat tanah kalau luasnya agak besar kerana ada di antara itu hanya 100 ekar, ada kawasan-kawasan rayau juga yang mereka tuntutan. Jadi kita perlu penjelasan yang lebih rapi, contohnya dalam rancangan kemajuan tanah di Jengka yang DARA seperti yang saya sebutkan pada tahun 50-an. Masyarakat Orang Asli, orang luar

bandar dibantu dengan diberi 15 ekar, 20 ekar contohnya ataupun 10 ekar. Itu contoh sahaja, seperti yang saya sebutkan.

Tidak bererti itu yang akan kita berikan, tertakluk dengan persetujuan kerajaan-kerajaan negeri, kalau kerajaan negeri memperakukan bahawa kita atas kehendak dan cadangan ini. Maka kita akan masukkan dalam peraturan-peraturan yang ada, tetapi saya yakin, jumlahnya tidaklah sebesar 200 atau 300 ekar ini. Jadi *insya-Allah* dalam sedikit masa lagi, perkara ini kita dapat perhalusi dan saya akan bincang dengan pihak-pihak kerajaan negeri dan selepas itu saya akan majukan kepada Majlis Tanah Negara dan bila itu diperakukan, saya akan bawa ke peringkat Dewan untuk pindaan Perlembagaan kelak nanti.

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya cukup berminat dengan Menteri baru ini yang cukup serius terutama membangunkan masyarakat luar bandar termasuk Orang Asli ini. Cuma Yang Berhormat Menteri, saya hendak beri pandangan sedikit, kalau kita lihat dalam Akta 134, Akta Orang Asli ini. Saya melihat agak berbeza sedikit. Oleh kerana ada Akta 134 ini, kadang-kadang membuatkan masyarakat Orang Asli ini lebih terlalu bergantung kepada kerajaan. Ini realiti melalui pengalaman saya sebagai pernah menjadi Pengarah Jabatan Orang Asli di Pahang. Satu lagi ialah dari segi tanah, sebab kalau tidak silap saya klausa berapa dalam akta itu, mengatakan bahawa ini kadang-kadang diambil kesempatan oleh pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab, yang hendak mudah mendapatkan tanah dan sebagainya.

Dia kahwin dengan Orang Asli, dan kalau mengikut seksyen itu, siapa sahaja yang berkahwin dengan masyarakat Orang Asli, maka anak yang lahir itu akan menjadi Orang Asli dan mereka mendapat faedah-faedah, kemudahan-kemudahan diperolehi oleh masyarakat Orang Asli. Jadi ini kadang-kadang kesempatan diambil oleh beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab.

Jadi saya minta kalau boleh – kebetulan Yang Berhormat hendak kaji balik tentang akta ini dan hendak melihat balik bagaimana supaya Orang Asli juga diberikan perhatian, dan mereka juga mendapat hak seperti mana orang lain. Kita tidak mahu ada orang-orang yang melihat bahawa mereka boleh eksloit ataupun menggunakan Orang Asli ini untuk kepentingan mereka, dan menyebabkan masyarakat Orang Asli ketinggalan. Saya minta pandangan Yang Berhormat supaya berikan perhatian tentang perkara ini, terima kasih banyak.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih. Banyak menggunakan dengan izin, *engagement* dengan Orang Asli ini untuk memastikan supaya *mindset*, perubahan dari segi pendekatan....

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** ...Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua boleh sekali harung? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan Akta 134 ini, Yang Berhormat Menteri adalah merupakan Menteri yang keempat selepas perbincangan untuk pindaan ke atas Akta 134 ini.

Ini berkaitan dengan kawasan-kawasan rayau dan juga hutan saka, seperti kes yang berlaku di Johor yang kerajaan negeri kalah kepada kawasan rayau, hutan saka di Linggiu dan yang menang bukan Orang Asli tetapi orang lain yang mengambil kesempatan atas kes yang dimenangi oleh kononnya Orang Asli. Jadi pindaan Akta 134 ini adalah satu perkara yang amat penting untuk dilaksanakan dengan segera. Itu satu. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana saya gembira mendengar bahawa sudah sampai ke peringkat terakhir untuk mendapatkan komen daripada pihak AG dan sebagainya. Daripada dahulu pun saya dengar komen daripada pihak AG, tetapi saya yakin dengan Yang Berhormat Menteri bahawa pihak AG sedang memberikan perakuan terhadap pindaan yang akan dibentangkan tidak lama lagi. Itu yang pertama.

Keduanya, saya masih ingat lagi Dasar Pemilikan Tanah oleh masyarakat Orang Asli ini, ia terbahagi kepada tiga. Satu, tapak kediaman, kedua ladang, ketiga dusun. Perbincangan antara pihak kementerian telah pun dilakukan, dalam konteks negeri Johor telah pun dilakukan dengan pihak kerajaan negeri dan kerajaan negeri bersetuju dengan cadangan yang telah pun dikemukakan oleh pihak kementerian tentang Dasar Pemilikan tanah, ikut kepada keluasan tanah yang ada berdasarkan kepada tiga kategori ini tadi.

Jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, berapa lama lagi kita mahu menunggu sehingga selesai komitmen daripada semua 13 kerajaan negeri ini untuk kerajaan cepat membuat keputusan terhadap Dasar Pemilikan Tanah ini untuk memudahkan masyarakat Orang Asli mempunyai hak milik tanah. Bukan sahaja terhadap rumah kediaman, ladang dan juga dusun. Ketiganya saya juga mengharapkan tentang perancangan pembangunan supaya...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Ini mengenai dusun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tunku Jaafar]:** Yang Berhormat, tidak perlu berdialog. Cepat Yang Berhormat.

■1830

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Yang ketiga ialah tentang cadangan untuk terus membangunkan masyarakat Orang Asli, ini terbabit dalam perbahasan saya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Tentang rancangan pengumpulan semula, saya harap pihak kementerian akan mengenalkan kembali konsep ini kerana konsep ini berjaya untuk membangunkan masyarakat Orang Asli. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat Maran dan Yang Berhormat Tenggara. Memang saya mengakui bahawa perkara ini bukanlah satu perkara yang mudah. Yang rumit tetapi, *insya-Allah* saya bagi jaminan kita cuba selesaikan masalah ini kerana yang penting kepada kita ialah supaya hak Orang Asli ini kita dapat selaraskan, bukan hanya dari segi – saya akui apa yang dikatakan oleh Tenggara tadi dari segi kawasan tanah

untuk pembinaan rumah, untuk kebun mereka tetapi, yang saya sebutkan tadi ada sesetengah kawasan yang hendakkan bukan hanya untuk bina rumah, bukan hanya untuk hendak berkebun, ada di antaranya yang kita telah definisikan rumah dua ekar, enam ekar untuk kebun mereka tetapi kawasan rayau pun masuk. Ada yang kawasan sehingga seluas 200 ekar.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya ingat kalau itu hendak kita masukkan, itu yang saya katakan tadi kita perlu halusi dengan kerajaan negeri. Saya ingat setengah Johor pun tidak cukup kalau kita hendak bagi 200 atau 300 ekar, dan saya nyatakan kepada masyarakat Orang Asli harus lihat dalam konteks yang lebih luas, bahawa masyarakat Orang Asli berhak untuk mendapat tanah bukan hanya di kawasan di mana mereka duduk. Juga mereka berhak untuk mendapat tanah-tanah yang lain sekiranya ada di antara mereka yang sudah naik taraf di antara usahawan. Akan tetapi saya sedar hakikat mereka masih tergolong dalam masyarakat orang miskin yang tidak berupaya.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Mohon laluan, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, yang dipersetujui oleh kerajaan negeri berdasarkan kepada tiga perkara tadi – ladang, dusun dan tapak kediaman.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Yes, yes, yes tetapi, dari segi...

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Akan tetapi kawasan rayau dan juga hutan saka itu termasuk dalam pindaan Akta 134.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Yes, yes.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Dalam perbincangan yang dibuat oleh pihak kementerian dengan kerajaan negeri, tidak termasuk kawasan rayau dan saka.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ini antara yang saya katakan tadi...

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Ini keputusan yang Kerajaan Negeri Johor buat pada waktu itu. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ini kawasan yang Kerajaan Negeri Johor sudah putuskan. Kerajaan negeri lain tidak putuskan lagi. Ini yang kita hendak selaraskan. Bukan 13 negeri yang ada. Cuma padatnya Orang Asli terletak di Johor, di Perak, di Pahang, di Kelantan dan ada sedikit di Kedah, tidak banyak sangat. Akan tetapi ini perlu ada persetujuan diperlengkap memasuki memorandum yang baru, yang dikatakan kawasan rayau itu pun dituntut. Kawasan ketua isu rumah dibangkitkan oleh Maran, bukan hanya hak yang ketua isi rumah harus mempunyai hak, keturunan dia juga mempunyai hak.

Perkara ini belum dibincangkan di peringkat itu di negeri-negeri yang lain. Jadi perlu dihalusi dengan secara komprehensif. Saya tidak mahu bawa satu akta nanti besok setengah masak. Saya hendak bawa akta, ianya komprehensif dan akhirnya ia akan memberi manfaat kepada masyarakat Orang Asli...

**Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Hulu Rajang.

**Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang]:** Saya terpanggil untuk mengucapkan tahniah kepada Menteri ini yang berusaha untuk *comes up with this act for this minority group* yang seharusnya kita buat sudah lama sebelum ini. Akan tetapi yang kkuatirkan saya ialah di Sarawak, apa yang Yang Berhormat Menteri hendak buat untuk Orang Asli tidak termasuk orang Penan di Sarawak. Saya ada menyentuh dan mengemukakan satu cadangan dalam ucapan saya iaitu membuat satu *land reserve* untuk kaum Penan, kawasan rayaulah.

Akan tetapi *this word, "rayau", is very misleading to me*. Pada Penan, kalau kita buat *reserve for land, this is source of life, you know, source of livelihood*. Dia orang tidak berkebun, *so dia leave of the jungle*. Jadi setakat ini kawasan mereka terlalu berdekatan dengan kawasan balak, *plantation* dan sebagainya. Jadi saya cadangkan untuk kawasan di Hulu Rajang, *to set a site, two areas* di mana kaum Penan yang ada sekarang, khas untuk mereka. Kita akan membawa mereka ke zaman moden *but it will take time*. So, sambil menunggu mereka *modernize themselves, they should be left to continue* dengan *lifestyle* yang mereka tahu seperti sekarang hingga masa yang sesuai untuk mereka *modernize themselves because people change it years* dan kaum ini terlalu kebelakang daripada kaum-kaum yang lain.

*We cannot force them to come forward, just because the timber is there, just because the plantations were there*. Jadi, walaupun ini mungkin dalam bidang kuasa Menteri di Sarawak *but, try to find some ways to get this land* melalui peruntukan. *Buy back from this conservation from this timber company. So this small group can survive*.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih atas cadangan Hulu Rajang. Sebenarnya pihak kementerian menerusi beberapa agensi termasuk RISDA dan FELCRA, kita sedang berunding dengan pihak kerajaan negeri untuk memperolehi seluas 20,000 hektar tanah di kawasan itu untuk membolehkan kita memajukan penanaman untuk kelapa sawit dan getah, dan ini akan membabitkan masyarakat Orang Asli. Membantu masyarakat Orang Asli bukan hanya membina jalan, membuat rumah, membahagikan tanah tetapi kita perlu membangunkan mereka dari segi peluang-peluang pekerjaan seperti apa yang kita lakukan di Pantos di Pahang.

Kalau dahulu Orang Asli hanya memperolehi pendapatan RM300 atau RM400, hari ini ia sudah membatasi RM1,000 bila mana kita libatkan penanaman getah, penanaman kelapa sawit di samping mereka menanam nanas dan menternak ikan seperti yang berlaku di kawasan masyarakat tempatan miskin tegar di Pulau Banggi seperti yang saya nyatakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai isu kemudahan infrastruktur dan prasarana asas di kawasan penempatan Orang Asli dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak RM377.3 juta telah diperuntukkan di mana sebanyak 40% atau RM150 juta adalah bagi membina infrastruktur asas. Sebagai tambahan, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi sebanyak RM290

juta telah diperuntukkan bagi menyediakan kemudahan bekalan air bersih, jalan kampung dan program bantuan rumah. Adalah dijangkakan seramai 15,000 keluarga atau 75,000 Orang Asli akan mendapat manfaat daripada program pembangunan kerajaan ini.

Seterusnya di bawah NKRA pula, kementerian telah mensasarkan untuk melengkapkan keseluruhan 852 buah rumah Orang Asli dengan kemudahan bekalan elektrik 24 jam, membina 5,000 unit rumah dan kemudahan jalan perhubungan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya usaha kita membantu masyarakat orang Asli bukan hanya dalam konteks prasarana termasuk dalam bidang pendidikan. Baru-baru ini kita telah senaraikan tujuh orang anak-anak Orang Asli yang kita akan hantar ke luar negara, United Kingdom, New Zealand, Australia untuk belajar menuntut dalam bidang kedoktoran, perubatan, dalam bidang *engineering*, dalam bidang *accountancy*.

Setakat ini sudah hampir 752 orang anak Orang Asli yang sudah graduan dan kita mensasarkan setiap tahun dalam 230 orang anak-anak Orang Asli yang kita akan bantu memasuki institusi pengajian tinggi dalam negara kita dalam usaha kita untuk mengatasi masalah kemiskinan, kerana kita yakin menerusi pendidikan ini merupakan satu mekanisme yang lebih berkesan untuk membantu masyarakat Orang Asli...

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Mohon laluan sedikit, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Isu mengenai...

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Satu sahaja.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya teruja dan gembira dengan kerja kuat Yang Berhormat Menteri ini. Terima kasih dan tahniah kerana kawasan saya pun ada masyarakat Orang Asli, ada kampung Orang Asli. Cuma saya minta, Yang Berhormat Menteri, kalau boleh – terima kasih di atas kemudahan peruntukan yang akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk *infra* termasuk projek pembangunan ekonomi dan sosial selain daripada pendidikan yang merupakan satu perkara yang amat penting untuk merubah pemikiran masyarakat Orang Asli.

Saya harap dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, Yang Berhormat Menteri, bukan sahaja meletakkan peruntukan untuk pembinaan-pembinaan baru sahaja tetapi termasuk juga kos-kos penyelenggaraan *infra* yang sedia ada, terutama dari segi rumah-rumah PPRT yang ada bagi kawasan-kawasan masyarakat Orang Asli. Tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat dari Tenggara. Menyentuh mengenai dengan isu kemudahan infrastruktur yang masih kurang, khususnya di negeri Sabah dan Sarawak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Maran, Kanowit, Parit Sulong dan Yang Berhormat Hulu Rajang, usaha-usaha untuk

menyediakan kemudahan asas dan infrastruktur luar bandar akan dilipatgandakan melalui inisiatif NKRA seperti yang saya telah nyatakan di peringkat awal lagi.

Berhubung kait dengan kenyataan Yang Berhormat Ranau mengenai tahap pencapaian bekalan air yang masih rendah, kementerian telah menyenaraikan sebanyak 21 projek bekalan air luar bandar dengan anggaran kos berjumlah RM135 juta bagi kawasan Parlimen Ranau. Pelaksanaan projek bekalan air ini akan memberi manfaat kepada 3,985 buah rumah. Pada masa ini sebuah projek masih dalam peringkat reka bentuk dan kementerian mensasarkan pencapaian liputan bekalan air di negeri Sabah akan meningkat daripada 59% kepada 90% menjelang akhir tahun 2020.

Seterusnya Yang Berhormat Ranau mencadangkan kementerian memasukkan peruntukan pendawaian di dalam rumah bagi bekalan elektrik di kampung-kampung. Kementerian akan mengadakan perbincangan lanjut bersama Sabah Electric Board Sdn. Bhd., Kementerian Kemajuan Luar Bandar peringkat negeri Sabah dan Unit Perancang Ekonomi Sabah mengenai cadangan mewujudkan program *Assisted Wiring System* di negeri Sabah.

■ 1840

Yang Berhormat Lenggong meminta kerajaan membekalkan air bersih kepada penduduk Lenggong. Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian telah di peruntukan sebanyak RM1.3 bilion untuk Program Bekalan Air Luar Bandar di mana sejumlah RM41.35 juta atau 3.04% adalah untuk pelaksanaan projek bekalan air di negeri Perak. Sehingga tahun 2009, di Parlimen Lenggong sahaja sebanyak 10 buah projek telah dilaksanakan dengan kos berjumlah RM2.2 juta bagi pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (Sistem Retikulasi) dan ia memberi manfaat kepada 354 buah rumah. Di bawah NKRA tahun 2010-2012 pula, kementerian telah menyenaraikan sebanyak 24 Projek Bekalan Air Luar Bandar (Sistem Retikulasi) di kawasan Parlimen Lenggong dengan anggaran kos RM12.6 juta. Pelaksanaan projek bekalan ini akan memberi manfaat kepada 448 buah rumah.

Yang Berhormat Sri Aman dan Yang Berhormat Lubok Antu memohon supaya liputan bekalan elektrik ditingkatkan kepada 24 jam. Di bawah tempoh NKRA, sejumlah RM1.74 bilion diperuntukkan bagi pelaksanaan projek bekalan elektrik di negeri Sarawak...

**Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang]:** *Excuse me*, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ...Dengan menyasarkan sejumlah 77,880 buah rumah akan mendapat manfaat daripadanya. Bagi kawasan Parlimen Sri Aman, enam projek bernilai RM23 juta melibatkan 921 buah rumah dijangka akan siap pada penghujung tahun 2010 ini.

**Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang]:** Tentang bekalan air, Yang Berhormat Menteri. Di Sarawak, banyak rumah panjang yang belum ada bekalan air ini. Kita tidak sebut tentang elektrik. *They are using generator but, the least, gravity fed water* ataupun *water supply, you must give allocation to every long houses*. Sekurang-kurangnya *gravity fed*. Ada rumah panjang di Sarawak

yang belum ada *source of clean water*. Now with the entire plantation, with all the timber, you have to make special allocation for this. This is the right of the rakyat sebenarnya.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya menyedari hakikat ini bahawa di kawasan negeri Sarawak khususnya, agak tidak mudah bagi kita melaksanakan sistem dan kaedah yang lama iaitu menerusi *reticulation* dengan izin, kerana ia akan mengambil perbelanjaan yang begitu besar. Paip yang mungkin tidak akan kesampaian daripada pangkalan bekalan air yang ada. Maka saya telah berbincang dengan pihak kerajaan negeri bagaimana kita dapat mempermudah supaya *alternative system* yang ada sama ada dari segi gravitinya, sama ada dari segi *tube well* nya yang perlu kita sediakan supaya *treated water*, bekalan air ini akan kesampaian di setiap rumah-rumah panjang yang ada dan saya tahu bukan mudah bagi kita melaksanakannya. Kita akan sediakan peruntukan seperti yang saya telah nyatakan dalam Rancangan Kerangka 2010 sahaja ini. Kita telah memperakukan dan meluluskan peruntukan yang begitu besar untuk memastikan supaya bekalan air di negeri Sarawak ini akan dapat diatasi.

Mengenai projek bekalan air di Sri Aman, terdapat sebanyak 13 buah projek dicadangkan untuk pelaksanaan pada tahun 2010 dan anggaran kos berjumlah RM5.4 juta. Projek ini akan memberi manfaat kepada 284 buah rumah. Kawasan bahagian Parlimen Lubok Antu pada tahun 2010, sejumlah 15 buah projek talian grid sedang dilaksanakan bernilai RM13.25 juta yang akan memberi manfaat kepada 440 buah rumah. Kementerian juga telah menyenaraikan permohonan 12 projek lagi yang melibatkan 130 buah rumah untuk dilaksanakan pada tahun 2011.

Yang Berhormat Tebrau meminta bekalan elektrik dan air disegerakan di Tebrau. Bagi kawasan Tebrau, kementerian merancang untuk melaksanakan satu projek bekalan elektrik di Kampung Pasir Salam, Tebrau pada tahun 2011 dan akan memberi manfaat kepada 27 buah rumah. Di samping itu, sebanyak 21 buah projek bekalan air untuk dilaksanakan pada tahun 2011 dengan anggaran kos berjumlah RM24.12 juta. Pelaksanaan projek ini akan memberi manfaat kepada 434 buah rumah.

Untuk makluman Yang Berhormat, Parlimen Tebrau telah diklasifikasikan berada di kawasan bandar. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan yang mendesak di kawasan Yang Berhormat, kementerian bersedia untuk mempertimbangkan permohonan yang diajukan.

Yang Berhormat Kuala Krau telah meminta KESEDAR menyediakan bekalan air bersih di kawasan semua Rancangan Kemajuan Tanah di kawasan KESEDAR dan tidak bergantung kepada air bukit sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat, KESEDAR mempunyai sembilan Rancangan Kemajuan Tanah yang berpeneroka di bawah Parlimen Gua Musang. Daripada sembilan Rancangan Kemajuan Tanah tersebut, tiga RKT iaitu RKT Sungai Asap, RKT Renok Baru dan RKT Jeram Tekoh telah mendapat bekalan air bersih sepenuhnya daripada Air

Kelantan Sdn. Bhd. Loji air yang ketiga, ketiga-tiga RKT tersebut adalah dibina oleh KESEDAR dan telah diserahkan kepada pihak Air Kelantan Sdn. Bhd pada tahun 2006 manakala bekalan air bagi gugusan RKT Paloh 1, RKT Paloh 2, dan RKT Paloh 3 sedang dalam pembinaan.

Peratusan kemajuan pelaksanaan projek pembinaan kini adalah sebanyak 80% dan dijangka siap pada bulan Ogos 2010 ini. Kos pembinaan ini adalah sebanyak RM13 juta. Namun, bagi melengkapkan bekalan air ini sepenuhnya, satu lagi fasa telah dipohon di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dengan anggaran kos RM7 juta. Bagi RKT Chalil, RKT Lebir dan RKT Merapoh, KESEDAR telah memohon peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh sebanyak RM28.6 juta bagi membolehkan kesemua Rancangan Kemajuan Tanah KESEDAR dibekalkan dengan air bersih.

Yang Berhormat Kinabatangan...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri, sekejap.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ...Memohon disenaraikan projek...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Minta penjelasan tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri respons kepada Kuala Krai kah tadi? Atau Kuala Krau?

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Kuala Krau.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kuala Krau, ya.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Kuala Krau.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kuala Krau? Gua Musang yang diceritakan tadi, Kuala Krau tidak ada kaitan itu. Sebab Kuala Krai ada bangkitkan mengenai bekalan air di kawasan KESEDAR...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Yang disebutkan, yang tertera di sini ialah Kuala Krau, ya.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Apa kaitan Kuala Krau dengan Gua Musang itu?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jauh itu.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Itulah. Agak jauh. Saya ingat Kuala Krailah.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, kalau Kuala Krai, tidak masuk Kuala Krai itu, cerita Gua Musang belaka.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tidak. Yang ini sebenarnya kalau dilihat daripada apa yang telah ditulis ini mengenai dengan Yang Berhormat Kuala Krau telah minta KESEDAR.,,

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kuala Krai yang bangkit.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Yang Berhormat Kuala Krai yang bangkit? Akan tetapi berhubung kait dengan...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tidak ada kaitan dengan Kuala Krau. Kuala Krau, Pahang.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Kuala Krai lah ini?

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kuala Krai dalam kaitannya dengan KESEDAR di Kuala Krai, bukan di Gua Musang.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kuala Krau tidak ada KESEDAR, ia FELDA.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *Alright.* Betullah. Terima kasih. Terima kasih atas pembetulan ini, ya.

Yang Berhormat Kinabatangan memohon disenaraikan projek *underground cable* di Kampung Pulau Tanjung Aru, Kinabatangan...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sebentar, Yang Berhormat Menteri. Jadi yang Kuala Krai ada jawapan tidak? Selepas ini ada jawapan kah?

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tidak. Yang ini yang disebutkan. Ini yang Yang Berhormat bangkitkan.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Bukan, saya bangkitkan masalah... Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Gua Musang punya ini?

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Bukan Gua Musang. Saya mewakili Kuala Krai. Ada KESEDAR Kuala Krai. Jadi bekalan air di kawasan KESEDAR di Kuala Krai.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Yang penting ini yang kita katakan ini mengenai dengan KESEDAR yang membabitkan Gua Musang.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tidak ada berhujah. Yang Berhormat Gua Musang tidak berucap pun.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Telah dibangkitkan. Ini yang saya jelaskan tetapi, tidak apa Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kalau tidak ada sekarang ini, minta jawapan bertulis pun boleh...

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya, boleh, boleh. Saya akan maklumkan kalau ia membabitkan bekalan air...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kuala Krai yang khusus.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ...Di negeri Kelantan sebenarnya termasuk kawasan-kawasan yang bukan hanya kawasan Gua Musang ini. Kalau di bawah kawasan KESEDAR yang kita bangunkan, kita akan melibatkan agensi kita untuk membekalkan sebaik mungkin dan ia akan meliputi kawasan-kawasan di bawah pembangunan KESEDAR ini.

Yang Berhormat Kinabatangan merujuk kepada permohonan Yang Berhormat tadi seperti yang saya sebutkan, pelaksanaan projek *underground cable* di Pulau Tanjung Aru. Kementerian akan mempertimbangkan pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Yang Berhormat Tuaran mencadangkan supaya kementerian menggunakan kaedah *in-situ minor treatment* di bawah kawasan-kawasan tanah berbukit yang menggunakan kemudahan air graviti *untreated water*. Untuk makluman Yang Berhormat, selain Projek Bekalan Air Luar Bandar (Sistem Retikulasi), kementerian juga melaksanakan Projek Bekalan Air Luar Bandar (Sistem Alternatif) iaitu pembinaan sistem air graviti dan telaga tiub (*tube well*). Berhubung cadangan Yang Berhormat mengenai penggunaan kaedah *in-situ minor treatment*, kementerian akan mempertimbangkan penggunaannya untuk projek-projek alternatif bergantung kepada kesesuaian kos kawasan-kawasan tertentu.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Hulu Rajang supaya penduduk pedalaman Sarawak diberi penumpuan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan mencadangkan perwujudan sistem hidro di pedalaman Sarawak, untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2010, kementerian akan melaksanakan tujuh projek bekalan elektrik luar bandar mikro hidro iaitu lima projek di daerah Kapit dan dua projek di daerah Tatau.

■1850

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Projek ini akan bermula pada bulan Oktober 2010 dan siap pada April 2012 serta memberi manfaat kepada 587 buah rumah. Bagi bekalan air luar bandar pula, kementerian ini akan terus melaksanakan projek bekalan air luar bandar bagi membantu rakyat di kawasan luar bandar agar dapat menikmati bekalan air bersih air yang sempurna. Di bawah tempoh NKRA sebanyak lima projek bekalan air luar bandar akan dilaksanakan di Parlimen Hulu Rejang dengan anggaran kos berjumlah RM56.74 juta yang memberi manfaat kepada 3,910 buah rumah.

Berhubung dengan permohonan Yang Berhormat Kinabatangan untuk mendapatkan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi beberapa batang jalan raya seperti jalan raya Kampung Balat, jalan Kampung Sungai Long Kuan, jalan Kampung Kuamut dan jalan Kampung Keramuak, kementerian telah menyenaraikan projek-projek tersebut di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Yang Berhormat Ranau membangkitkan isu mengenai lapan batang jalan raya yang masih belum berturap sejak tahun 1963. Kementerian mengambil maklum mengenai cadangan Yang Berhormat untuk menaik taraf jalan tersebut dan akan menyenaraikan projek-projek tersebut di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Berhubung permohonan Yang Berhormat Lenggong dengan pelaksanaan jalan kampung di kawasan Parlimen Lenggong, terdapat tiga projek jalan kampung akan dilaksanakan pada tahun ini iaitu pertama membina baru jalan Kampung Desa Ubui, Sumpitan sepanjang 0.2 kilometer, pembinaan jalan baru Changkat Behrang sepanjang 0.135 kilometer dan ketiga

menaik taraf jalan ladang ke Batu Hampar sepanjang 0.6 kilometer. Pada masa ini peruntukan ketiga-tiga projek ini telah disalurkan kepada JKR Negeri Perak pada 21 Jun 2010 dan dijangka siap pada bulan Oktober 2010.

Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Sri Aman Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat .....

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat mencelah sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jalan yang penting yang tidak termasuk tiga tersebut ialah yang telah pun saya sebut dalam ucapan dan perbahasan tempoh hari iaitu satu-satunya kampung yang tidak ada jalan hubung melainkan sungai sahaja iaitu jalan daripada Kampung Talong ke Kampung Batu Reng sejauh tujuh kilometer. Ini sangat penting sekali kerana tidak ada jalan lain melainkan jalan air sahaja yang menyebabkan kanak-kanak sekolah, pelajar dan orang ramai terpaksa keluar menggunakan bot buat masa ini iaitu jalan daripada Kampung Talong ke Kampung Batu Reng sejauh tujuh kilometer. Ini saya rasa Yang Berhormat tahu dan telah pun diluluskan sewaktu Yang Berhormat hadir ke Lenggong tempoh hari.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Insya-Allah saya akan masukkan jalan ini yang telah dipohon oleh Yang Berhormat dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk kita akan laksanakan.

Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Sri Aman, Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Lanang dan Yang Berhormat Paya Besar memohon supaya pembinaan jalan luar bandar, jalan kampung di kawasan masing-masing dipercepatkan.

Kementerian telah menerima permohonan daripada pihak kerajaan negeri bagi melaksanakan projek luar bandar bagi kawasan Parlimen Bukit Katil iaitu projek menaik taraf Kampung Paya Rendah, Melaka Tengah. Projek ini melibatkan naik taraf sepanjang empat kilometer dengan anggaran kos RM12 juta. Kementerian telah menyenaraikan jalan-jalan tersebut di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan di mana kerja-kerja awal seperti reka bentuk dan pengambilan balik tanah akan dijalankan pada akhir tahun 2012.

Bagi kawasan Sri Aman, di bawah tempoh pelaksanaan NKRA terdapat sebanyak empat projek jalan luar bandar di kawasan Parlimen Sri Aman yang melibatkan pembinaan jalan sepanjang 43 kilometer dengan anggaran kos berjumlah RM56 juta. Pada masa ini tiga projek di peringkat tawaran penilaian tender dan satu projek dalam proses rundingan harga dan dijangka akan dimulakan pada penghujung tahun ini.

Bagi kawasan Sibul, kementerian memperuntukkan sejumlah RM20 juta bagi melaksanakan empat projek jalan luar bandar sepanjang 10 kilometer. Projek ini akan dimulakan pada bulan Julai 2010 dan dijangka siap pada Disember 2010.

Di kawasan Parlimen Paya Besar pula terdapat satu projek pembinaan, penurapan serta melebar bahu Jalan Kela, Kampung Pasir Kemudi sepanjang 70 meter yang akan dilaksanakan pada tahun 2010 dengan kos RM100,000. Kementerian juga telah mewujudkan pejabat

cawangan di negeri-negeri dengan menempatkan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan teknikal bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek kementerian.

Di samping itu juga kementerian turut melibatkan jabatan negeri dan pejabat-pejabat daerah dan residen untuk membantu melaksanakan projek-projek jalan kampung di seluruh negara termasuk di kawasan Parlimen Sepanggar.

Yang Berhormat Lubuk Antu pula memohon supaya projek pembinaan jalan di penempatan di hulu sungai dilaksanakan bagi mengatasi masalah kemiskinan. Kementerian akan melaksanakan dua projek jalan luar bandar dinaik taraf, jalan Kampung Pauh, jalan Kampung Langgir lima kilometer dan naik taraf jalan Kampung Jalan Naga Gunung dua kilometer. Kementerian turut melaksanakan tiga projek jalan kampung iaitu naik taraf jalan Kampung Hulu Nanga, Akub 1.2 kilometer, naik taraf jalan Ruma Nawi kelompok 1 kilometer dan naik taraf jalan ke rumah Anta Laii, Selindong Ulu, 0.5 kilometer.

Berhubung dengan permohonan Yang Berhormat Kuala Krai supaya kerajaan melaksanakan projek baik pulih jalan. Mana dia? Sudah keluar? Projek jalan Kuala Krai Kelantan dan projek jalan Mengkebang telah dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Ketujuh dengan menggunakan peruntukan di bawah kementerian.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ada, ada.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Setelah projek-projek ini siap, ianya didaftarkan di bawah senarai *Malaysia Road Registration Information System* bagi tujuan penyelenggaraan. Kerajaan negeri boleh memohon peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan kepada Kementerian Kewangan.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** [*Berdiri*]

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Mengenai permohonan Yang Berhormat Tawau untuk membina jalan berhubung antara daerah di Tawau Yang Berhormat dalam tempoh NKRA sebanyak tujuh projek ....

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri sebelum berpindah ke Sabah. Masih di Kuala Krai tadi. Saya bangkitkan mengenai penampalan jalan yang rosak yang telah masuk lapan bulan. Bukan *stretch* yang panjang yang saya bangkitkan satu contoh dalam ucapan saya. Jadi kalau pun ada proses memohon peruntukan takkanlah tidak dapat diperjelaskan dalam tempoh yang lebih munasabah sehingga *complain* daripada Dabong untuk ke Kuala Krai membawa pesakit ambulan menambah kesakitan sepanjang jalan yang rosak itu. Jadi boleh minta penjelasan sedikit macam mana prosedur boleh jadi begitu leceh.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat *maintenance*, dengan izin jalan-jalan ini bukan tanggungjawab pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Ini kita serahkan kepada kerajaan-kerajaan negeri dan di antara kerajaan-kerajaan negeri yang mempunyai peruntukan khusus contohnya di negeri Johor kalau mereka mampu, maka mereka akan memperbaiki. Seperti yang saya nyatakan Kerajaan Negeri

Kelantan tidak mampu untuk melaksanakan boleh memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk hendak memperbaiki jalan-jalan ini.

Ini yang kadang-kadang melewati dan melambatkan kerana kita tidak mempunyai sistem bagaimana kalau jalan itu rosak kita akanbaiki esok, tidak. Ini bukanlah termasuk dalam rangka kerja pihak Kementerian Luar Bandar. Jadi saya berharap pihak kerajaan negeri boleh melihat perkara ini dan mengajukan permohonan mereka kepada pihak Kerajaan Persekutuan, Kementerian Kewangan. Saya rasa sudah banyak apa yang telah saya nyatakan dan...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sekejap, sekejap.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Sebahagian daripada perkara-perkara yang saya tidak mampu termasuk di Tawau tadi itu yang saya sebutkan. Saya habiskan sedikit Tawau ini iaitu jalan bagi melibatkan naik taraf pembinaan jalan sepanjang 82.3 kilometer dan satu jambatan dengan anggaran kos RM153 juta dan memberi manfaat kepada 12,500 pengguna. Pelaksanaan projek ini dijadualkan disiapkan menjelang tahun 2010 dan insya-Allah, kita akan laksanakan dengan secara terbaik. Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat itu kerana masa tidak mengizinkan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, sedikit sahaja kalau tidak boleh Yang Berhormat jawab hari ini boleh bagi bertulis. Ini ke belakang sedikit jawapan awal tadi itu berkaitan dengan FELCRA dan RISDA dan sebagainya. Saya hendak selaku penjelasan. Sebelum ini kerajaan ada menubuhkan satu konsortium yang melibatkan RISDA, FELCRA dan FELDA iaitu di bawah Syarikat Synergy Perdana. Saya pun tidak tahu dan tidak dapat maklumat ini ke arah untuk membangunkan teknologi dan sebagainya. Jadi saya hendak minta siapa *board of director* dan CEOnya sebab ini membabitkan dana RM500 juta dan difahamkan. Jadi saya hendak dapatkan sedikit penjelasan.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Disediakan ialah pihak RISDA setiap agensi yang terbabit, RISDA, FELCRA dan juga FELDA akan menyalurkan peruntukan RM100 juta dan kita akan memastikan landasan ini untuk membantu agensi-agensi ini di mana ada keperluan, contohnya dalam bidang baja yang mana keperluannya begitu besar dan kita terpaksa mengimport baja daripada pihak-pihak luar ataupun tempat-tempat lain sedang pun kita ada keupayaan untuk membina dan membekalkan kemudahan ini, takkanlah kita tidak boleh majukan. Dengan adanya konsortium ini ianya akan memberi manfaat bukan hanya dari segi pembangunan tanah bahkan juga dalam bidang-bidang teknologi yang lain. Ini yang perlu kita lihat.

Kita baru lantik CEO dan saya akan maklumkan nanti. Lembaga Pengarah atau *board of director* belum lagi kita putus. Ini masih lagi di peringkat yang awal sebenarnya dan perancangan yang kita katakan pelantikan *board-board* ini termasuk pengerusinya belum lagi dilantik dan kita akan ajukan kepada Kementerian Kewangan.

**■1900**

Pihak CEO. CEO ada saya majukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Okey, saya sekali lagi ucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah banyak membangkitkan tetapi tidak sempat saya menjawab dan saya akan menjawab secara bertulis kerana masa tidak mengizinkan. Sekali lagi saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah banyak memberi pandangan dan pendapat tentang bagaimana kita menaikkan perkhidmatan kita supaya kita dapat membantu masyarakat luar bandar di negara ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kementerian Pengajian Tinggi.

**7.00 mlm.**

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesepuluh dengan memberi cadangan dan pandangan yang menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesepuluh dilihat telah menyediakan iklim yang baik dan kondusif untuk sektor pengajian tinggi khususnya dalam soal pembangunan modal insan negara. Peningkatan peruntukan untuk pembangunan bukan fizikal kepada 40% dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah sesuatu yang juga turut berlaku dalam sektor pengajian tinggi, di mana penekanan akan diberi kepada pembangunan intelektual. Maka sebab itulah dilihat tidak ada universiti-universiti baru akan diwujudkan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Ini adalah bagi menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tenggara dan juga Yang Berhormat Sibul. Walau bagaimanapun, pihak swasta masih lagi boleh menubuhkan IPTS sebagaimana yang hendak dibuat oleh Kolej Laila Taip di Sibul yang sedang memohon untuk menaik taraf sebagai sebuah kolej universiti.

Bagi menjawab kepada Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Kota Raja dan Yang Berhormat Bukit Katil, berkenaan isu melahirkan graduan berkemahiran tinggi dan juga graduan yang menepati kehendak pasaran serta industri. Pelbagai usaha sedang dan akan diambil oleh kementerian untuk menentukan kejayaan mencapai matlamat ini. Di peringkat institusi, di antaranya ialah pelaksanaan autonomi kepada universiti secara berperingkat dalam empat bidang utama iaitu *governance* institusi, pengurusan kewangan dan penjana kekayaan, pengurusan sumber manusia dan pengurusan akademik. Kementerian akan menyediakan *roadmap* ke arah pemberian autonomi tersebut yang akan meliputi tiga fasa utama iaitu:

- (i) fasa satu, peletakan asas daripada tahun 2010/2011;
- (ii) fasa kedua, 2012 hingga 2013 – pengukuhan asas; dan
- (iii) fasa ketiga, 2014 ke 2015 – autonomi penuh.

Kedua, dengan faktor kebolehpasaran atau boleh upaya diambil kerja graduan dijadikan satu daripada KPI universiti. Penyediaan peruntukan kewangan kepada universiti akan bergantung pada sejauh mana universiti mencapai KPI yang ditetapkan. Di peringkat graduan pula, usaha pembangunan holistik pelajar akan diteruskan di mana Kementerian telah mewajibkan modul pembangunan kemahiran insaniah ataupun *soft skills* di IPT dan memperkenalkan kokurikulum bercredit kepada pelajar dengan memberi penekanan kepada tujuh *attribute* kemahiran insaniah. Di samping itu juga, Kementerian telah mengambil pelbagai inisiatif bagi meningkatkan daya kreativiti dan inovasi di kalangan pelajar. Di antaranya ialah:

- (i) membuat penilaian semula ke atas kokurikulum khusus dengan mengambil kira elemen kreativiti dan inovasi dalam kokurikulum kursus;
- (ii) membuat pengubahsuaian dan penjajaran *realignment* kokurikulum untuk memenuhi kriteria *learning outcome* yang merangkumi kreativiti dan inovasi seperti ketetapan oleh Agensi Kelayakan Malaysia; dan
- (iii) membangun instrumen untuk mengukur *generic student attributes* yang menekankan antara lain, aspek kreativiti dan inovasi di bawah domain keusahawanan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pelajar-pelajar juga dikehendaki menjalani latihan industri dan mengikuti program-program tambahan untuk meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran mereka. Di antara program-program tersebut adalah program pentauliahan profesional, program *apprentice*, program *bridging the gap* dan juga termasuklah latihan-latihan keusahawanan.

Mengenai saranan Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Sungai Petani dan Yang Berhormat Tanah Merah agar skim pinjaman PTPTN dihapuskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan diganti dengan pemberian biasiswa kepada pelajar, pinjaman tanpa faedah dan pinjaman boleh diubah. Suka saya maklumkan bahawa PTPTN akan terus kekal seperti mana matlamat dan objektif ia diwujudkan. Manakala biasiswa pula diuruskan oleh pelbagai agensi kerajaan yang lain bagi menaja pelajar-pelajar yang berkecukupan untuk melanjutkan pelajaran di universiti dalam mahupun luar negara.

Sebagai galakan kepada pelajar agar cemerlang dalam pendidikan, kerajaan akan memberi kemudahan pinjaman boleh ubah kepada biasiswa bagi pelajar yang mendapat sarjana muda kelas pertama dan setaraf sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa sesi pembentangan Bajet 2010.

Berkenaan saranan Yang Berhormat Bayan Baru agar tindakan menyenaraihitamkan peminjam tidak dilaksanakan. Suka saya maklumkan bahawa PTPTN tidak sewenang-

wenangnya menyenaraihitamkan peminjam. Tindakan ini hanya dikenakan kepada peminjam ingkar dan merupakan langkah terakhir yang dilakukan setelah surat arahan bayaran, tiga surat peringatan dan notis tuntutan atau saman dikeluarkan yang mengambil masa dalam lingkungan dua atau tiga tahun. Akan tetapi mereka masih mendiamkan diri dan tidak mempedulikan peringatan yang diberikan.

PTPTN dalam melaksanakan tanggungjawabnya mengambil pendekatan untuk berbincang dan berunding. Namun masalah timbul apabila peminjam keluar daripada universiti dan setelah surat notis dihantar, mereka tidak memberi maklum balas kepada PTPTN. Perkara ini berlaku dalam tempoh dua atau tiga tahun barulah PTPTN menyenaraikan mereka di bawah golongan peminjam ingkar dan menahan mereka daripada ke luar negara. Apabila peminjam berhadapan dengan masalah untuk ke luar negara, maka barulah mereka datang kepada PTPTN. Jika perkara ini tidak dilaksanakan, mereka akan lepas, bebas tanpa membayar balik pinjaman dan oleh itu kita tidak berlaku adil kepada 96.6% lagi peminjam yang amanah menjalankan tanggungjawab membayar balik pinjaman demi keperluan untuk generasi yang akan datang.

Menjawab kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Terap, Yang Berhormat Tanah Merah dan Yang Berhormat Lembah Pantai mengenai AUKU. Seperti yang telah ditekankan banyak kali sebelum ini, tiada cadangan untuk meminda atau memansuhkan AUKU. Bagi isu pelajar UKM yang didakwa di bawah AUKU kerana terlibat dalam Pilihan Raya Kecil Hulu Selangor, ia pada ketika ini adalah dalam proses perbicaraan dan kementerian tidak akan membuat apa-apa ulasan lanjut yang boleh mengganggu urusan perbicaraan.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri berkenaan AUKU dan empat orang pelajar UKM yang diambil tindakan di bawah AUKU. Saya ingin tahu daripada pihak kerajaan, apakah kerisauan pihak kementerian atau kerajaan untuk membenarkan pelajar kita, golongan yang cerdik pandai untuk melibatkan diri dalam politik. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri saya contoh negara universiti terkemuka yang mempunyai AUKU untuk mengekang pelajar-pelajar universiti mereka.

Yang Berhormat Menteri boleh memberi alasan agar mereka boleh menggunakan lebih masa dalam pendidikan mereka, tidak mahu pendidikan mereka terganggu. Akan tetapi bagaimana dengan universiti terkemuka, tidak ada AUKU tetapi mereka masih boleh melahirkan graduan yang cemerlang. Jadi saya rasa mesti balik ke realiti sekarang, kalau kita mahu lahirkan pemimpin, kita mahu generasi muda kita prihatin terhadap apa yang berlaku dalam negara kita, mesti benarkan mereka, platform untuk berpolitik.

#### ■1910

Mereka tahu membahagikan masa., mereka tahu apa yang penting buat masa ini untuk mereka. Jadi, lebih baik mereka libatkan dalam aktiviti yang lain, sebab politik juga berkaitan

dengan kehidupan harian mereka. Jadi, mungkin Yang Berhormat beri contoh negara mana yang ada AUKU? Mereka ini cerdik pandai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** ...Umur 21 tahun Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri juga. Yang cerdik pandai masuk universiti tidak boleh libat politik, tetapi yang tidak masuk universiti boleh terlibat dengan politik. Apa logiknya dengan masih mahu mengadakan AUKU ini? Enggan mahu memansuhkan. Saya pohon penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah pun banyak kali dibahaskan. Seperti yang daripada awal saya telah katakan tadi bahawa pendirian kerajaan kita memang tidak akan pinda ataupun menghapuskan AUKU. Di sini bukan pentas politik untuk bahas kerana tidak ke mana, kalau kita hendak berlanjutan bercakap mengenai perkara ini.

Berkaitan dengan kolej komuniti seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Sri Aman dan juga Yang Berhormat Sarikei. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan penubuhan kolej komuniti adalah untuk menawarkan peluang pengajian dan latihan kepada komuniti setempat dan lepasan sekolah menengah sebelum mereka ke pasaran tenaga kerja ataupun melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi.

Kolej komuniti juga berperanan membantu kerajaan dalam meningkatkan tahap kemahiran dan ilmu kepada rakyat Malaysia, khasnya masyarakat setempat dalam usaha melahirkan lebih ramai tenaga separa profesional bagi tujuan pembangunan negara di samping meningkatkan tahap sosioekonomi isi rumah. Di antara bidang-bidang pengajian yang diberi tumpuan di kolej komuniti adalah grafik dan multimedia, automobil, komputer dan teknologi maklumat, hospitaliti dan pelancongan dan sebagainya. Sehingga bulan Jun 2010, kementerian telah mewujudkan 53 buah kolej komuniti induk, di mana 42 buah telah beroperasi dan 11 buah lagi masih dalam pembangunan.

Di samping itu juga, terdapat sebanyak 22 buah kolej komuniti cawangan yang telah beroperasi di seluruh negara. Dalam menjadikan kolej komuniti *significant* terhadap misi dan objektif penubuhannya serta selaras usaha untuk menambah jumlah pekerja berkemahiran tinggi dalam negara, program-program berikut telah dijalankan iaitu seperti berikut:

- (i) program pengukuhan *graduate* untuk memberi nilai tambah kepada peserta kursus yang terdiri daripada pelajar kolej komuniti, politeknik dan graduan institusi pengajian tinggi awam dan swasta bagi meningkatkan kebolehpasaran dan meningkatkan daya saing dalam pasaran pekerjaan;

- (ii) program keusahawanan yang memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari dan mendalami aspek keusahawanan; dan
- (iii) program *re-skilling* yang memberi fokus kepada menambah pengetahuan sedia ada untuk digunakan di alam pekerjaan atau membantu pengurusan kehidupan seharian.

Dalam usaha memperkasa dan mentransformasikan kolej komuniti, kementerian akan menaik taraf dan memperluaskan akses kepada kolej ini. Untuk itu, kerajaan akan memperkenalkan dan melaksanakan program modular di kolej komuniti dan program tersebut yang mempunyai hampir 70% latihan praktikal di industri berkaitan boleh melayakkan pelajar di anugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Berkenaan dengan cadangan penubuhan dan pembesaran kolej komuniti daripada Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Sri Aman dan Yang Berhormat Sarikei, kementerian akan mempertimbangkan cadangan-cadangan tersebut.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Padang Terap berkenaan peranan MSD dalam kes pelajar Malaysia yang tidak dapat menduduki peperiksaan di Universiti Al-Azhar. Suka saya maklumkan bahawa semua pelajar yang mengikuti jurusan Tahfiz Al-Quran, Maahad Qiraat Al-Azhar di Mesir, Shoubra dan Mansoura yang melalui Kementerian Pengajian Tinggi telah mendaftar dan menduduki peperiksaan tanpa sebarang masalah.

Pelajar-pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan adalah merupakan pelajar yang diuruskan oleh agen-agen pengambilan tanpa melalui kementerian. Perkara ini berlaku adalah disebabkan fail pelajar lewat dihantar ke pejabat Idaratul Wafidin Al-Azhar oleh sebuah persatuan yang membantu agen menguruskan kemasukan pelajar tersebut. Fail-fail pelajar tersebut sepatutnya dihantar sebelum atau pada 30 Oktober 2009 sebelum tamat visa pelajar. Walau bagaimanapun, fail tersebut hanya dikemukakan ke Jabatan Penuntut Malaysia Kaherah pada 26 Disember 2009. Pada tahun sebelumnya apabila berlaku kes kelewatan seperti ini, Sheikh Al-Azhar – Almarhum Sheikh Al-Tantawi membenarkan juga fail pelajar dihantar ke Maahad Qiraat Al-Azhar walaupun visa pelajar telah tamat tempoh.

Namun pada masa kini - Sheikh Al-Azhar Imam Al-Akbar yang baru, Dr. Ahmad Taib telah bertegas untuk tidak membenarkan perkara tersebut berulang. Bagi membantu menyelesaikan masalah ini, Jabatan Penuntut Malaysia Kaherah telah menghantar surat rayuan kepada Sheikh Al-Azhar bertarikh 7 April 2010 untuk meminta pengecualian bagi membenarkan pelajar tahun satu memasuki peperiksaan. Susulan daripada itu, satu perbincangan di antara Jabatan Penuntut Malaysia Kaherah dengan Sheikh Dr. Muhammad Wasir pada 4 Mei 2010 telah diadakan. Hasil daripada perbincangan tersebut, pelajar hanya dibenarkan mengambil peperiksaan lisan, manakala peperiksaan bertulis boleh diambil pada semester kedua iaitu pada bulan Julai 2010.

Berhubung cadangan Yang Berhormat Simpang Renggam agar pembahagian dibuat sama rata antara kaum dalam pembahagian jawatan tertinggi di IPTA. Untuk makluman Ahli-ahli

Yang Berhormat, pelantikan pengurusan tertinggi IPTA tidak dibuat berdasarkan pembahagian sama rata di antara kaum. Pelantikan ini dibuat berdasarkan meritokrasi yang meliputi kriteria kecemerlangan akademik, pengiktirafan antarabangsa, kebolehan memimpin dan mengurus, reputasi dan personaliti. Dua buah jawatankuasa tetap carian naib cancellor ditubuhkan untuk memilih naib cancellor bagi universiti penyelidikan dan universiti bukan penyelidikan.

Berkenaan cadangan Yang Berhormat Bukit Mertajam agar *Unified Examination Certificate* diiktiraf bagi kemasukan ke IPTA, sukacita dimaklumkan bahawa jawapan daripada Kementerian di sesi Dewan Rakyat penggal lepas masih lagi tidak berubah. Berkenaan isu Yang Berhormat Arau meminta KPT memantau isu individu-individu yang membeli ijazah PhD palsu tanpa menyambung pelajarannya, suka saya maklumkan bahawa tidak timbul isu ini di dalam negara kerana pengurniaan sebarang kelayakan oleh IPTA perlu terlebih dahulu mendapat perakuan senat IPTA yang akan memastikan bahawa seseorang pelajar itu telah tamat pengajian dengan jayanya dan memenuhi semua kriteria akademik yang telah ditentukan di dalam syarat-syarat untuk *graduate* bagi sesuatu program pengajian. Manakala, pengurniaan sijil diploma dan ijazah kepada pelajar IPTS pula perlu memenuhi tahap minimum dan akreditasi yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja yang dapat saya jelaskan tentang perkara-perkara yang dibangkitkan berkaitan Kementerian Pengajian Tinggi. Saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan dan cadangan. Mana-mana yang tidak sempat dijawab, kementerian tetap memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

#### **7.19 mlm.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Dato' Jacob Dungau Sagan]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 13 orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa perbahasan Rancangan Malaysia Kesepuluh pada 14 hingga 22 Jun 2010.

Sebanyak lapan isu utama mengenai kementerian ini telah disentuh iaitu mengenai daya saing, strategi pelaburan, pelaburan langsung asing dan pelaburan langsung domestik (DDI), pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS), SME Bank, PEMUDAH, kerjasama perdagangan luar negara dan automatif.

#### **■1920**

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sememangnya siap sedia menghadapi cabaran-cabaran baru hasil daripada Rancangan

Malaysia Kesepuluh dan Model Ekonomi Baru. Usaha giat sedang dijalankan untuk merekayasa ataupun *re-engineer* hala tuju strategik dan proses-proses kerjaya di MITI serta ketujuh-tujuh agensi di bawahnya supaya selaras dengan hasrat kerajaan mencapai ekonomi berpendapatan tinggi terutama sekali pencapaian sasaran pelaburan swasta sebanyak RM115 bilion setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Lembaga Kemajuan Pelaburan Malaysia ataupun MIDA telah pun diperkasa dan dikehendaki meraih pelaburan swasta dalam sektor pembuatan sebanyak RM40 bilion setahun. Di samping itu MITI juga akan menggunakan segala peluang yang wujud dari perjanjian-perjanjian perdagangan bebas yang telah ditandatangani sama ada secara dua hala atau melalui ASEAN untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan asing ke negara ini. Pembangunan usahawan bumiputera juga akan diberi keutamaan dengan penghasilan satu pelan induk pembangunan bumiputera...

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Boleh minta penjelasan?

**Dato' Jacob Dungau Sagan:** ...Dalam sektor pembuatan.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Boleh minta penjelasan tentang MIDA.

**Dato' Jacob Dungau Sagan:** Pelan ini menyediakan hala tuju strategik kepada usahawan bumiputera ke atas peluang-peluang dalam pasaran domestik dan antarabangsa termasuk subsektor utama industri yang dikenal pasti berpotensi.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih. Boleh minta penjelasan tentang MIDA?

**Dato' Jacob Dungau Sagan:** Yang Berhormat ini baru mukadimah... *[Ketawa]* Ucapan belum masuk lagi.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Boleh, saya boleh tunggu.

**Dato' Jacob Dungau Sagan:** Minta maaf. Duduklah Yang Berhormat, nantilah. Mungkin ada peluang.

Yang Berhormat dari Lembah Pantai membangkitkan berkenaan dengan kedudukan daya saing Malaysia berdasarkan *World Economic Forum* yang menjelaskan bahawa kedudukan Malaysia semakin merosot sejak tahun 2007. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, prestasi daya saing Malaysia sering dirujuk di dalam tiga laporan yang diterbitkan oleh agensi antarabangsa. Laporan yang dimaksudkan adalah Laporan Daya Saing Global atau *Global Competitiveness Report* (GCR) oleh *World Economic Forum* (WEF), Buku Tahunan Daya Saing atau *World Competitiveness Yearbook* (WCY) oleh *Institute for Management Development* (IMD) dan laporan *Doing Business* (DB) oleh *World Bank*. Ketiga-tiga laporan ini mempunyai keunikan tersendiri dan menggunakan pendekatan yang berbeza dalam mengukur daya saing sesebuah negara. Kerajaan memantau kedudukan daya saing Malaysia secara berterusan melalui ketiga-tiga laporan tersebut untuk tujuan penambahbaikan dalam bidang-bidang tertentu. Melalui pemantauan dan penandaarasan ini Malaysia dapat mengenal pasti dan berkongsi amalan-

amalan terbaik daripada negara-negara yang lebih berdaya saing. Di dalam ketiga-tiga laporan di atas, prestasi daya saing Malaysia berada di dalam kedudukan 20% teratas. Sebagai contoh, di dalam WCY 2010, Malaysia berada di kedudukan kesepuluh di kalangan 58 ekonomi. GCR tahun 2009 sehingga tahun 2010 di kedudukan ke-24 daripada 133 ekonomi manakala Laporan DB pula tahun 2010 di kedudukan ke-23 daripada 183 ekonomi.

Merujuk kepada data dan maklumat yang diambil kira di dalam Laporan WCY dan GCR adalah berdasarkan tahun rujukan yang berbeza di mana Laporan WCY 2010 yang baru diumumkan pada bulan Mei 2010 merujuk kepada tahun 2009 bagi data kuantitatif dan tahun 2010 bagi data persepsi yang dikumpulkan sehingga bulan Mac 2010 melalui kaji selidik pendapat eksekutif. Manakala Laporan GCR 2009 sehingga tahun 2010 yang telah diterbitkan pada September 2009 pula merujuk kepada data tahun 2008 bagi data eksekutif yang dikumpulkan sehingga bulan April 2009. Dalam hal ini Laporan WCY adalah lebih menjurus kepada data kuantitatif dan disokong oleh data persepsi untuk menguatkan lagi laporan mereka. Berbeza dengan Laporan GCR yang lebih mengambil kira dari data persepsi untuk membolehkan membuat liputan yang meluas melalui penglibatan lebih banyak negara.

Walaupun Malaysia berada di kedudukan yang agak baik dari segi daya saing dalam ketiga-tiga laporan antarabangsa di mana negara-negara yang mengatasi Malaysia adalah terdiri daripada negara-negara maju. Masih terdapat bidang di mana lebih banyak usaha perlu dibuat. Kerajaan akan terus memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan, meningkatkan pelaburan berkualiti tinggi, membantu EKS dalam menghadapi cabaran persaingan global, menyediakan infrastruktur bertaraf dunia dan terus memberi penekanan kepada pemikiran kreatif dan inovatif di kalangan rakyat. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh..

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Boleh minta penjelasan sekarang, bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat. Hendak beri jalan Yang Berhormat?

**Dato' Jacob Dungau Sagan:** Biar saya habiskan ini dahulu ya. Kerajaan akan terus menambah baik kedudukan daya saing dengan memberi tumpuan kepada dua bidang utama iaitu bersaing dalam pasaran global untuk memastikan Malaysia berjaya di dalam perdagangan antarabangsa dan yang kedua, bersaing hebat untuk menarik bakat dan pelaburan asing ke Malaysia.

**Dato' Jacob Dungau Sagan:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat tentang untuk membantu atau menggalakkan EKS dikatakan untuk menyediakan infrastruktur yang bertaraf tinggi, saya ingin meminta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Yang Berhormat sedar bahawa sungguhpun MIDA ada menggalakkan pengusaha atau pengilang untuk berpindah ke kilang baru di kawasan perindustrian, itu digalakkan. Akan tetapi kemudahan asas atau

infrastruktur di banyak kawasan perindustrian amat tidak mencukupi untuk menampung perpindahan kilang ini sehingga pengilang-pengilang terpaksa menanggung kos yang amat tinggi termasuk untuk menyediakan substesen untuk tenaga, untuk membina *pressure hydrant* dan lain-lain. Ini kerana perancangan kawasan perindustrian ini memang tidak diambil kira dengan usaha oleh MIDA. Bolehkah saya mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Jacob Dungau Sagan:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Perkara ini kita tahu dan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini kita akan mengambil perhatian supaya kawasan-kawasan tertentu industri-industri kita di seluruh negara akan dapat diperbaiki lagi dari keadaan yang ada sekarang. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Bagan menyatakan bahawa Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan telah menetapkan sasaran pelaburan sejumlah RM115 bilion setahun ataupun lebih RM500 bilion bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh dilaksanakan. Oleh yang demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat telah meminta kerajaan menjelaskan apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan untuk menarik pelaburan tersebut. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh kerajaan telah menetapkan KDNK sebenar berkembang pada kadar 6% setahun supaya dapat menuju ke arah ekonomi berpendapatan tinggi bersesuaian dengan Model Baru Ekonomi. Ini memerlukan pelaburan swasta berkembang pada 11.8%...

#### ■1930

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh tidak habis dalam masa 15 minit?

**Dato' Jacob Dungau Sagan:** Mungkin tidak dapat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik, sambung esok Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Jacob Dungau Sagan:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

### USUL

#### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]:** Saya mohon menyokong.

### UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

#### **MBMMBI - Pelaksanaan Dasar Yang Tidak Seimbang.**

##### **7.31 mlm.**

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana perjuangan rakyat untuk menolak Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) telah berakhir dengan kejayaan untuk menghentikannya. Kerajaan telah bersetuju menukar dasar PPSMI kepada dasar baru iaitu dasar memartabatkan bahasa Melayu dan memperkukuhkan bahasa Inggeris iaitu MBMMBI. Saya menyokong penuh dasar ini kerana kita mesti memartabatkan bahasa kebangsaan seperti yang dijamin oleh Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan dalam masa yang sama, bahasa-bahasa yang lain mesti dipelajari dan dikuasai oleh rakyat terutamanya bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak timbulkan di sini ketika kerajaan memperkenalkan dasar PPSMI yang dahulu, suatu usaha besar-besaran telah dibuat untuk memperkasakan prasarana bahasa Inggeris sehingga menelan kos lebih RM5 bilion. Ketika dasar PPSMI diperkenalkan secara radikal tahun 2003, pelaksanaannya dibuat secara besar-besaran sehingga menimbulkan keresahan tokoh-tokoh pejuang bahasa. Akan tetapi apabila dasar baru diperkenalkan nampaknya tumpuan lebih dipergiatkan kepada memperkukuhkan bahasa Inggeris juga sedangkan memperkasa bahasa Melayu tidak berlaku.

Kerajaan telah bercadang membawa 365 orang pengajar pakar dari United Kingdom dan Australia untuk membimbing guru-guru Bahasa Inggeris dan ditugaskan mengikut zon-zon. Ia adalah untuk mempertingkatkan penguasaan murid terhadap bahasa Inggeris. Waktu pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan juga telah ditambah sebanyak 90 minit kepada 330 minit seminggu, manakala di SJK(C) dan SJK(T) ditambah daripada 60 minit kepada 120 minit seminggu.

Sebaliknya, pertambahan waktu belajar Bahasa Melayu hanya sebanyak 70 minit seminggu di SJK(C) dan SJK(T) sedangkan di sekolah kebangsaan tidak ditambah. Secara umum, dasar baru ini masih memihak kepada bahasa Inggeris yang diperkukuhkan manakala martabat bahasa Melayu terus di tahap terpinggir. Kerajaan sepatutnya mengembalikan semula status bahasa Melayu seperti sebelum 2003, bahasa Melayu hendaklah diwajibkan penggunaan sistem pendidikan kebangsaan termasuknya di IPT. Di sekolah, bahasa Melayu diajar menjadi alat pembentukan identifikasi nasional sedangkan di IPT bahasa Melayu harus dijadikan wacana penggalian tamadun ilmu.

Namun, kita dapati banyak penulisan akademik, jurnal, buku, bahan ilmiah dan penyelidikan telah beralih kepada bahasa Inggeris di dasar PPSMI yang dahulu. Belum kedengaran usaha kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu di gelanggang ilmu sebagaimana seriusnya kerajaan terhadap bahasa Inggeris dulu dalam sistem PPSMI. Dahulu di IPTS, subjek Bahasa Kebangsaan (B) adalah diwajibkan kepada pelajar asing kini ia menjadi pilihan sahaja. Akan tetapi, mata pelajaran Bahasa Inggeris wajib pula kepada pelajar di peringkat SPM dan STPM. Bukankah MUET menjadi isyarat kepada kemasukan ke universiti hari ini.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya mengadakan satu program besar-besaran untuk mengangkat semula martabat bahasa Melayu yang tidak terhenti sekadar mengadakan kempen-kempen '*Cintai Bahasa Kita*' sahaja. Bahasa Melayu berupaya menjadi bahasa ilmu seperti yang telah dilalui sebelum ini dan kerajaan mesti mengembalikan fungsi ini. Guru-guru bahasa bukan sahaja perlu ditambah di sekolah-sekolah tetapi juga di universiti, subjek Bahasa Melayu Tinggi dan Bahasa Melayu Akademik mestilah menjadi mata pelajaran yang wajib di IPTS terutamanya kerana kebanyakan pelajar yang bukan Melayu yang belajar di IPTS tidak menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Kita hanya mewajibkan subjek Bahasa Kebangsaan (A) kepada IPTS yang gagal mendapat kredit Bahasa Melayu di peringkat SPM sedangkan rata-rata pelajar tidak memiliki kecekapan berbahasa Melayu. Waktu belajar Bahasa Melayu juga perlu ditambah di SJKC dan SJKT kepada sekurang-kurangnya setengah jam lagi pada waktu sedia ada serta meningkatkan kredibiliti guru-guru dalam pengajaran bahasa Melayu. Kerajaan juga harus melihat apakah mekanisme terbaik untuk menyediakan lebih 100 ribu guru yang akan menjayakan dasar MBMMBI terutama dalam konteks bahasa Melayu.

Saya tidak mencurigai sebarang usaha untuk memperkukuhkan bahasa Inggeris, tetapi yang menjadi persoalan kenapa saya bagaimana memartabatkan gagasan bahasa Melayu telah tenggelam dalam usaha memajukan bahasa Inggeris. Kita mahu dasar ini memperlihatkan keseimbangan bukannya menjadi alat untuk melunakkan kemarahan rakyat tetapi pelaksanaannya tidak seperti PPSMI juga. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada kesempatan ini, izinkan saya memberi penjelasan terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian berkaitan pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang dikatakan tidak seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perancangan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris, pihak Kementerian Pelajaran telah membuat persediaan yang menyeluruh dan teliti bagi memastikan dasar tersebut dapat dilaksanakan dengan

berkesan. Tujuan MBMMBI ialah untuk memperkukuhkan bahasa Melayu sebagai alat perpaduan bahasa perhubungan utama dan lebih penting ialah bahasa ilmu ke arah membina negara bangsa di samping meningkatkan penguasaan murid dalam bahasa Inggeris supaya mereka dapat mengakses ilmu dengan lebih luas dan bersaing di peringkat nasional dan antarabangsa.

Oleh itu, adalah tidak benar bahawa dasar ini iaitu MBMMBI adalah dasar yang tidak seimbang yang mengetepikan kepentingan bahasa Melayu dan mengutamakan pada pengukuhan bahasa Inggeris. Kerajaan tetap memberi perhatian seimbang kepada Dasar MBM dan MBI dengan itu MBM dan MBI mempunyai strategi serupa dari segi penyampaian kurikulum yang memberi fokus kepada perkara berikut iaitu:

- (i) pendekatan modular kurikulum Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
- (ii) asas berbahasa;
- (iii) didik hibur;
- (iv) penggunaan bahasa Melayu standard merentas kurikulum;
- (v) teknologi maklumat dan komunikasi dalam TNT; dan
- (vi) memperkukuh budaya membaca.

KPM telah merancang menggunakan perkhidmatan 360 orang penutur jati bahasa Inggeris di luar negara sebagai strategi tambahan memperkukuh penguasaan bahasa Inggeris. Pengambilan penutur jati ini ialah untuk meningkatkan kapasiti guru-guru Bahasa Inggeris di sekolah rendah. Langkah mengambil penutur jati adalah selaras dengan kurikulum bahasa Inggeris menitikberatkan pengukuhan asas bahasa Inggeris dengan memberi pengukuhan kepada fonik di samping menerapkan elemen pembelajaran yang menyeronokkan dalam modul *Language Art*.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjayakan agenda memartabatkan bahasa Melayu dengan lebih menyeluruh KPM melaksanakan pelbagai strategi merangkumi kurikulum, ko-kurikulum, kajian, latihan, penerbitan, penterjemahan dan kapasiti guru Bahasa Melayu. Strategi meningkatkan kapasiti guru Bahasa Melayu antaranya;

■ 1940

- (i) Menambahbaikkan sistem pemilihan calon guru bahasa Melayu seperti mengetatkan syarat dan kriteria pengambilan guru. KPM juga telah menyediakan Standard Guru Malaysia (SGM) sebagai rujukan piawaian kualiti guru di seluruh negara;
- (ii) memantapkan latihan perguruan pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan dalam usaha meningkatkan jumlah guru siswazah dan menyediakan guru bahasa Malaysia yang berkualiti. Institusi Pendidikan Guru berperanan untuk melatih guru pra perkhidmatan manakala Bahagian Pendidikan Guru melatih guru dalam perkhidmatan;

- (iii) memantapkan profesionalisme guru bahasa Melayu. Bagi memantapkan profesion guru bahasa, penekanan diberi dalam latihan aspek pedagogi, kokurikulum dan ICT. Guru bahasa juga digalakkan menggunakan makmal bahasa dan bahan-bahan digital untuk menarik minat murid. Pembudayaan penggunaan ICT di kalangan guru bahasa akan meningkatkan lagi kualiti PNP keberkesanan pengurusan akademik dan kompetensi guru;
- (iv) mereka rasa pedagogi melalui latihan dalam perkhidmatan LDP;
- (v) memartabatkan institusi ataupun Institut Perguruan IPG sebagai pusat pengkhususan bahasa Melayu.

KPG mempunyai perancangan untuk memartabatkan lima IPG sedia ada sebagai pusat pengkhususan bahasa Malaysia bagi latihan dan kursus pra dalam perkhidmatan. Lima IPG yang dikenal pasti adalah IPG Kampus Bahasa Melayu Kuala Lumpur, IPG Kampus Tuanku Ampuan Afzan, Kuantan Pahang, IPG Kampus Tun Abdul Razak Sarawak, IPG Kampus Ipoh Perak dan IPG Kampus Kent Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menentukan peruntukan waktu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian, Kementerian Pelajaran Malaysia sebenarnya mengambil kira semua faktor sedia ada seperti kemampuan murid, literasi budaya, sumber manusia, jurang pencapaian, dan aspirasi negara bangsa semasa menggubal kurikulum dalam kurikulum transformasi. Senarai mata pelajaran telah distrukturkan semula kepada konsep modul. Selain daripada Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, waktu pembelajaran juga perlu diperuntukkan mengikut keperluan mata pelajaran lain.

Walau bagaimanapun, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris mendapat peruntukan masa yang jauh lebih besar berbanding dengan mata pelajaran lain. Pertambahan masa untuk Bahasa Melayu (BM) dan Bahasa Inggeris (BI) dibuat berdasarkan kepada keperluan dan pencapaian yang sedia ada yang berbeza-beza di antara sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil. Contohnya sekolah kebangsaan yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa penghantar memerlukan tambahan waktu yang besar dalam Bahasa Inggeris sementara SJK(T) dan SJK(C) memerlukan tambahan waktu yang mencukupi dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris tanpa menjejaskan peruntukan masa mata pelajaran lain yang diajar dalam bahasa ibunda masing-masing.

Berdasarkan pertimbangan tersebut, perubahan peruntukan masa untuk Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah seperti berikut.

- (i) Sekolah kebangsaan mata pelajaran Bahasa Melayu untuk tahap satu memang kita kekalkan sebab sudah menggunakan masa yang agak banyak iaitu 360 minit seminggu dan tahap dua dikekalkan pada 300 minit seminggu sebab mata pelajaran menggunakan bahasa Melayu.

Bahasa Inggeris ditambah daripada 240 minit kepada 330 minit untuk tahap satu dan tahap dua ini maksudnya ialah Tahun 4, Tahun 5, dan Tahun 6 daripada 210 hingga 300 minit;

- (ii) Untuk SJK(C) Bahasa Melayu tahap satu 210 minit kepada 270 minit iaitu pertambahan 60 minit dan tahap dua daripada 150 minit kepada 210 minit seminggu iaitu pertambahan 60 minit. Untuk Bahasa Inggeris daripada 60 minit bertambah kepada 180 minit untuk tahap satu dan tahap dua 90 minit kepada 120 minit iaitu pertambahan 30 minit;
- (iii) Untuk SJK(T) Bahasa Melayu tahap satu 210 minit menjadi 270 minit iaitu pertambahan 60 minit dan tahap dua 150 minit kepada 210 minit iaitu pertambahan 60 minit dan Bahasa Inggeris daripada 60 minit kepada 180 minit seminggu untuk tahap satu dan tahap dua 90 minit ke 120 minit iaitu pertambahan lebih kurang 30 minit.

Kesimpulannya dasar MBM dan MBI adalah satu dasar yang seimbang. KPM juga sudah bersedia melaksanakan MBM / MBI untuk murid tahun satu mulai tahun 2011. Kerajaan akan meningkatkan kapasiti guru secara berterusan bagi memastikan kejayaan dasar tersebut. KPM berharap penjelasan ini dapat menjawab segala kemusykilan yang ditimbulkan oleh ahli Yang Berhormat, sekian terima kasih.

### **Projek Jambatan Menghubung Telok Gong di Melaka Dengan Dumai di Sumatera**

#### **7.46 mlm**

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tajuk ucapan penangguhan saya ialah Projek Pembinaan Jambatan bagi Menghubungkan Telok Gong di Melaka dengan Dumai di Sumatera.

Jambatan yang dicadangkan sepanjang 52 kilometer dan dianggarkan membabitkan kos kira-kira RM44.25 bilion dan masa pembinaan perlu mengambil masa sembilan tahun untuk siap. Jambatan ini empat kali lebih panjang daripada Jambatan Pulau Pinang dan kos pembinaannya ialah 75 kali berbanding dengan jambatan Johor Bahru – Singapura.

Sungguhpun daripada jawapan yang saya terima dari Dewan yang mulia ini, EPU mengatakan projek ini tidak berdaya maju. Akan tetapi nampaknya Kerajaan Negeri Melaka masih ingin meneruskan projek ini. Saya ingin mengemukakan beberapa soalan untuk Menteri menjawab.

- (i) Adakah satu kajian rapid dan menyeluruh telah dijalankan untuk projek ini?;

- (ii) apakah unjuran kenderaan yang akan menggunakan jambatan ini setiap hari?;
- (iii) projek ini dikatakan dibiayai melalui konsep PFI membiayai inisiatif swasta adakah States of Melaka Partners Sdn Bhd dan pemajunya?;
- (iv) sila berikan latar belakang syarikat ini seperti model berbayar, ahli lembaga dan pengalaman dalam pembinaan jambatan;
- (v) dalam kos pembinaan berapa jumlah perlu mendahului pinjaman dan namakan institusi kewangan yang akan memberi pinjaman ini. Adakah Kerajaan Negeri Melaka atau anak syarikatnya akan menjadi penjamin untuk pinjaman ini?; dan
- (vi) bagaimanakah kementerian dapat memastikan projek ini tidak akan jadi satu projek terbengkalai dan akan membebankan kerajaan dan rakyat kita.

Saya juga berpendapat projek ini mempunyai risiko yang tinggi dan juga terdapat unsur-unsur yang kurang pasti terutamanya mengenai reka bentuk dan juga dari segi kejuruteraan memandangkan Selat Melaka merupakan salah satu selat yang paling sibuk dan jumlah kapal yang singgah selat ini kian meningkat. Sudahkah kita memperoleh persetujuan daripada International Maritime Organization kerana ia akan melibatkan dengan laluan laut antarabangsa.

Saya juga berpendapat pedagang dari Indonesia yang terlibat dalam dagangan import dan eksport barangan runcit jagung, bawang, tepung, barangan petroleum dan kayu. Dari segi ekonomi jenis barangan yang terlibat ini akan cenderung untuk menggunakan perjalanan laut kerana kosnya rendah dan juga dapat muatkan kuantiti yang lebih tinggi.

Kesimpulannya, daripada sudut ekonomi, projek ini amat tidak praktikal dan dari perhubungan antara bangsa kerajaan Indonesia, sehingga hari ini masih tidak mengumumkan pendirian mereka tentang cadangan pembinaan sebahagian jambatan yang akan dilaksanakan oleh mereka. Tanpa kerjasama dari Kerajaan Indonesia, projek ini tidak patut dijalankan langsung. Sekian ucapan saya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**7.49 mlm.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan tidak akan meluluskan apa-apa projek yang tidak berdaya maju atau tidak menguntungkan negara.

Mengenai cadangan projek pembinaan jambatan bagi menghubungkan Teluk Gong di Melaka dengan Dumai di Sumatera ini, kerajaan ada menerima cadangan untuk membina jambatan di antara Melaka dan Wilayah Riau Indonesia. Cadangan kali pertama yang diterima pada tahun 2007 telah ditolak setelah penelitian dibuat oleh agensi-agensi kerajaan yang

berkenaan iaitu Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Luar Negeri, Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Laut Semenanjung.

Walau bagaimanapun, syarikat pada ketika itu telah diberi izin untuk menjalankan kajian kemungkinan *feasibility studies* atas pembiayaan sendiri tanpa mengikat kerajaan untuk membuat apa-apa keputusan mengenainya kelak. Cadangan ini setelah dikaji adalah didapati bahawa ia tidak berdaya maju. Mengenai cadangan terbaru oleh Straits Melaka Partners Sdn. Bhd UPE, JPM dan Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri belum menerima cadangan yang komprehensif untuk dipertimbangkan.

Sebenarnya bagi melaksanakan projek yang seumpama ini, banyak perkara yang perlu diperhalusi dan diambil kira termasuk daya maju projek yang memerlukan kutipan tol tinggi serta kadar faedah yang rendah. Penyelesaian isu kerjasama dua hala dan perundangan, kerjasama dengan pihak antarabangsa seperti International Maritime Organization, penglibatan sektor swasta yang berwibawa dan berkemampuan daripada kedua-dua negara.

Oleh yang demikian cadangan pembinaan jambatan yang menghubungkan Malaysia dengan Indonesia melalui Selat Melaka memerlukan perancangan dan kajian yang komprehensif sekiranya kita terima cadangan. Memerlukan perancangan dan kajian yang komprehensif sebelum sebarang pertimbangan diambil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis 24 Jun 2010.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 7.52 mlm***